

**Bil. 66**

**Rabu  
20 November 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1997

**Jawatankuasa:**

**Jadual -**

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9,  
B.10, B.11, B.12 dan B.13.

(Ruangan 13)

Maksud B.14, B.15 dan B.16

(Ruangan 38)

Maksud B.17.

(Ruangan 69)

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan 1997

**Jawatankuasa:**

Maksud P.7 dan P.8

(Ruangan 13)

Maksud P.14 dan P.16

(Ruangan 38)

Maksud P.17

(Ruangan 69)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Ruangan 40)

Oktober, 1996.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat      Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “                      Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “                      Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “                      Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “                      Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “                      Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “                      Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K.  
(Parit Buntar)
- “                      Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K.,  
S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “                      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “                      Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “                      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “                      Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “                      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “                      Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “                      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “                      Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “                      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “                      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “                      Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “                      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “                      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “                      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “                      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “                      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “                      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “                      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

---

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
“	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

---

Yang Berhormat	Tuan Tiong Thai King (Lanang)
“	Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
“	Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
“	Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
“	Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
“	Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
“	Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
“	Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
“	Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
“	Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 20 November 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**PENDAFTARAN KENDERAAN - NOMBOR  
SIRI KHAS**

1. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kenderaan yang telah didaftarkan bagi siri nombor berikut, iaitu:

- (a) jumlah pendaftaran kenderaan Proton Saga mulai 1985 - Jun 1996; dan
- (b) menggunakan siri PROTON, SATRIA, PERODUA, TIARA dan SUKOM dan menyatakan apakah rasionalnya nombor siri tersebut diwujudkan dan menyatakan jumlah kutipan hasil bagi siri pendaftaran di atas hingga Jun 1996.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pendaftaran kereta Proton Saga mulai 1985 hingga Jun 1996 ialah sebanyak 826,818 buah;
- (b) Jumlah kereta yang didaftarkan mengikut siri nombor pendaftaran khas Proton Satria, Perodua, Tiara dan Sukom sehingga bulan Jun 1986 ialah sebanyak 5,241 buah.

Rasional nombor pendaftaran khas Proton Satria, Tiara dan Perodua diwujudkan ialah untuk membantu pelancaran dan sebagai promosi kepada kereta-kereta buatan Malaysia.

Bagi nombor pendaftaran khas Sukom pula, ianya merupakan plat peringatan, dengan izin, memorative plate sempena kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel ke XVI yang merupakan salah satu acara sukan yang terbesar di dunia.

Pengeluaran nombor pendaftaran khas Sukom juga merupakan satu sumber kewangan tambahan bagi mengendalikan Sukan Komanwel 1998. Jumlah kutipan hasil bagi nombor pendaftaran khas sehingga bulan September 1996 ialah sebanyak RM5,273,328.80.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan kutipan hasil daripada penjualan siri-siri khas yang diperuntukkan kepada kenderaan-kenderaan tersebut. Bagaimanakah pemilihan nombor-nombor untuk pengagihan kepada pemohon-pemohon dibuat? Adakah sistem tender terbuka dibuat ataupun bagaimanakah caranya dan siapa yang mengendalikan pemilihan nombor-nombor yang berkenaan?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, nombor-nombor kereta dibuat secara tender dan siapa yang berhajat boleh menghantarkan permohonan kepada JPJ. Yang tertinggi akan dipilih.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk memberhentikan penggunaan nombor siri tersebut dan hanya menggunakan nombor seragam mengikut negeri-negeri seperti yang berjalan sekarang?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Soalan tadi tidak berapa clear. Mungkin maksudnya adakah kerajaan akan memberhentikan penggunaan nombor khas ini? Nombor khas ini, macam Proton tadi, ia dibenarkan sampai 2020. Setakat ini sudah keluar 2018. Satria kita benarkan 1002, setakat ini sudah dikeluarkan 662. Perodua dibenarkan 1002 dan yang sudah dikeluarkan sebanyak 526. Tiara 2001, telah pun dikeluarkan sebanyak 1606. Sukom kita benarkan sebanyak 2020, setakat ini 426 telah digunakan.

Ada satu lagi iaitu Motosikal Kriss juga kerajaan telah benarkan 5000 menggunakan perkataan Kriss di pangkal. Setakat ini belum lagi dikeluarkan. Sampai habis kebenaran ini, setakat itu sahajalah, kecuali jika ada permohonan, pihak kerajaan akan pertimbangkan. Manakala plat negeri-negeri akan diteruskan seperti yang ada pada hari ini.

**MALAYSIA SEBAGAI NEGARA MAJU -  
KOMITMEN KOREA SELATAN MEMBANTU**

2. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah "Commitment" Korea Selatan dalam kesediaannya membantu dan berkongsi pengalamannya dengan Malaysia bagi membolehkan negara ini mencapai status negara maju lebih awal dari tempoh yang ditetapkan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia dan Republik Korea telah mewujudkan hubungan diplomatik sejak tahun 1960. Hubungan ini telah dipertingkatkan sejak tahun 1983 apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Dasar Pandang Ke Timur di mana negara Republik Korea dan Jepun menjadi contoh untuk penerapan nilai-nilai etika kerja yang baik dan positif, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi dan untuk mempelajari sistem pengurusan dan organisasi negara-negara tersebut untuk meninggikan tahap produktiviti.

Kerajaan Republik Korea telah memberi sokongan terhadap program-program di bawah Dasar Pandang ke Timur (DPT) sejak ia dimulakan pada tahun 1983 dan kini telah pun berada di fasa kelima iaitu bagi tempoh 1996 hingga tahun 2000.

Untuk mencapai status sebuah negara maju, Malaysia telah menerima banyak manfaat melalui program pemindahan teknologi daripada Republik Korea, terutama dalam bidang perindustrian.

Satu memorandum persefahaman telah ditandatangani antara MIDA dan dengan izin, Small and Medium Industry Promotion Corporation atau SMIPC pada April 1996. Ini bertujuan untuk menggalakkan pelaburan industri kecil dan sederhana (SMI) di antara Malaysia dan Republic of Korea yang merupakan industri sokongan dalam usaha negara kita mencapai matlamat Wawasan 2020. Beberapa syarikat besar dari Republic of Korea telah melabur terutamanya dalam projek-projek pembinaan dan industri berat. Pada tahun 1995 Republic of Korea adalah pelabur asing yang terbesar di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Republic of Korea didapati lebih bersikap terbuka dan bersedia untuk bekerjasama dengan Malaysia, terutama dalam hal-hal pemindahan teknologi dan kemahiran kerja. Oleh itu, kita berharap melalui hubungan dua hala yang erat ini, ianya dapat membantu negara kita Malaysia mencapai taraf negara maju dalam tempoh yang lebih cepat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam mewujudkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Republic of Korea sudah pasti kita berhasrat supaya berlaku perpindahan teknologi dan juga pengurusan yang memanfaatkan kepada Malaysia dan juga kepada Korea. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya Korea lebih banyak

mendapat manfaat. Jadi, apakah dan setakat manakah kita dapati wujudnya pelabur-pelabur Malaysia di Korea? Dan adakah kita begitu yakin tentang teknologi Korea terutama sekali dari segi kejuruteraan pembinaan yang kita dapati ada tempat-tempat ataupun projek pembinaan di bawah kontraktor Korea ini mengalami keruntuhan bangunan, dan begitu juga pendekatan kita dari segi mendapat faedah teknologi Korea ialah untuk mendirikan produktiviti. Di samping itu, bagaimana pula tahap kualiti yang mungkin kita dapat perolehi daripada teknologi dan pengurusan Korea itu?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya nyatakan di sini, untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa usaha kita untuk mempererat lagi hubungan dua hala supaya kerjasama yang lebih erat dan manfaat kepada kedua-dua negara terus wujud dengan juga lawatan yang akan datang oleh Presiden Republic of Korea ke negara kita, tetamu negara kita pada hujung bulan ini.

Dengan itu juga, kita boleh katakan usaha-usaha untuk kita meningkatkan prestasi dan produktiviti menerusi program-program yang kita tubuhkan di bawah Dasar Pandang Ke Timur ini, iaitu seperti saya sebutkan di sini adalah Program Latihan dan Perindustrian dan Teknikal (INPLANT) dengan izin, di mana pekerja-pekerja sektor awam dan agensi-agensi kerajaan serta syarikat-syarikat di mana kerajaan kita ada kepentingan. Program ini dibiayai oleh kedua-dua kerajaan. Dan keduanya juga ada program pendidikan akademik di peringkat pengajian ijazah pertama, khususnya dalam bidang kejuruteraan, termasuk juga peringkat sijil kolej teknik.

Dalam program yang lain juga, pembangunan eksekutif dan juga program pertukaran belia, di mana kita dapat mewujudkan konsep persahabatan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, guru dan belia kita. Ini juga program yang dibiayai kita bersama kedua-dua kerajaan, termasuk juga di mana kita lihat bahawa apa yang telah ditimbul oleh Yang Berhormat tadi bahawa kelemahan-kelemahan mungkin dalam pembinaan.

Sejauh ini kita nampak prestasi syarikat-syarikat Korea yang telah mengambil bahagian dalam pembangunan infrastruktur telah menunjukkan prestasi yang memuaskan dan boleh saya nyatakan di sini projek-projek yang melibatkan syarikat Korea ini termasuklah Jambatan Pulau Pinang, satu daripadanya juga Menara Kembar dan Menara Maybank, termasuk lagi yang lain-lain saya tak dapat sebut, saya tak ingat semuanya di sini.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan kepada Dewan ini, sejauh manakah kesan yang diperolehi oleh pelabur-pelabur kita hasil daripada kejadian-kejadian yang berlaku di dalam negara Korea? Umpamanya penangkapan bekas-bekas Presiden dan juga penangkapan ketua-ketua eksekutif syarikat-syarikat gergasi di Korea? Dan sejauhmanakah efeknya kepada pelabur daripada Korea ke Malaysia dan juga pelabur dari Malaysia ke Korea, dan setakat mana pula harapan kita kepada mereka hasil daripada pergolakan yang berlaku di dalam negara mereka?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di sini, dalam usaha kita kerjasama dalam bidang ekonomi di antara pelaburan negara Korea ke Malaysia dan juga rakyat kita di Korea. Se jauh ini yang kita tahu bahawa tiada kesan yang negatif ke atas pelabur-pelabur ini. Memang menjadi hasrat kita juga mengharapkan supaya keadaan stabil dari segi politik di wilayah ini, khususnya di Asia Timur, East Asia Region, di mana kerajaan kita atau negara kita Malaysia melibatkan diri secara multilateral untuk mendapatkan penjelasan yang baik dan aman untuk wilayah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pernah saya menyatakan dalam Dewan ini kita juga menyumbangkan kepada Tabung Pembangunan Tenaga (KEDO) untuk Peninsular Korea ini dalam usaha kita untuk bersama dengan negara-negara lain untuk mewujudkan keadaan yang stabil dan sesuai untuk pembangunan ekonomi keseluruhannya di Asia Timur.

#### **KAD PENGENALAN BARU - PASUKAN PETUGAS KHAS DI SARAWAK**

**3. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Dalam Negeri dari permulaan sampai sekarang berapakah tempat luar bandar telah dirangkumi oleh pasukan bergerak untuk memperbaharui kad pengenalan dan dokumen lain di Sarawak. Bilakah tugas pasukan ini disambung semula dan di mana. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak operasi penukaran kad pengenalan lama kepada kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) bermula dalam tahun 1990 hingga September 1996, pasukan bergerak melalui program Lawatan Khas jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Sarawak telah melawat 172 kawasan pedalaman (jarak jauh) dan 132 kawasan pinggir bandar (jarak dekat). Pro-

gram lawatan khas ke kawasan-kawasan pedalaman merupakan suatu proses yang berterusan dan akan diteruskan dari semasa ke semasa meskipun selepas tamat tempoh penukaran kad pengenalan pada 31hb. Disember 1996.

Walau bagaimanapun, memandangkan negeri Sarawak adalah luas, maka sukar bagi jabatan ini meliputi semua kawasan dalam jangka masa yang singkat. Namun demikian, sebelum hujung tahun ini lawatan khas juga akan dijalankan untuk tujuan penukaran KPT.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, menurut perangkaan bahawa kira-kira 1 juta lagi rakyat Malaysia yang seharusnya memiliki kad pengenalan belum lagi memperbaharui kad pengenalan masing-masing kepada kad yang baru. Atas kesedaran ini, adakah pihak kementerian juga akan memperbanyakkan lagi usaha urusan pembaharuan kad pengenalan ini diadakan di peringkat akar umbi di seluruh negara dalam masa yang paling singkat ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara memang telah bersedia mengadakan perkhidmatan sama ada di jabatan ataupun secara bergerak terutamanya dalam satu setengah bulan lagi ini. Memandangkan mengikut perangkaan yang terbaru, seramai 14,251,000 warganegara atau penduduk tetap telah pun menukar kad pengenalan, iaitu kira-kira 750,000 lagi untuk satu setengah bulan. Ini cuma satu anggaran. Tetapi semua kaunter Jabatan Pendaftaran telah bersedia kalau sekiranya semua mereka 750,000 ini keluar pun kita masih yakin boleh mengatasinya. **M a s a l a h n y a** sekarang orang sudah, dengan izin, slow down, mereka tak keluar begitu beramai-ramai, ini yang jadi masalah. Mungkin di pedalaman, wakil-wakil rakyat kita boleh bantu kumpulkan di dewan dan pegawai kita boleh pergi. Cara itu akan lebih berkesan.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapakah jumlah penduduk di Sarawak yang belum menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan yang baru? Dan apakah tindakan oleh kerajaan sekiranya mereka belum menukar selepas tamat tempoh 31hb. Disember, 1996 ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ikut perangkaan ataupun ikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, bagi Sarawak bukan satu masalah yang besar, kerana setakat ini, iaitu 30hb. September, 1996 seramai 1,210,000 orang Sarawak ataupun mereka yang berada di Sarawak telah menukar kad pengenalan, berbanding dengan sasaran projek ini

di Sarawak sepatutnya adalah 1,293,000. Maknanya, terdapat kira-kira 80,000 sahaja yang belum buat di Sarawak. Ini mungkin merekalah yang berada di pedalaman. Saya telah kata tadi, iaitu perkhidmatan bergerak kita akan teruskan dengan cara itu.

#### **BANK OF CHINA - CADANGAN MEMBUKA CAWANGAN**

**4. Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan terbaru mengenai cadangan Bank of China untuk mengadakan cawangan di negara ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menggalakkan penggabungan bank-bank perdagangan tempatan yang kecil.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Malaysia telah bersetuju pada dasarnya untuk membenarkan bank-bank asing seperti Bank of China menubuhkan sebuah syarikat yang diperbadankan di Kuala Lumpur sebagai langkah untuk menggalakkan dan meningkatkan lagi perhubungan perdagangan dan ekonomi dua hala dan pelbagai hala. Oleh itu, peruntukan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang sebelum ini melarang syarikat asing daripada mempunyai kepentingan di dalam mana-mana institusi kewangan di Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung telah pun dipinda di persidangan Parlimen yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bank Negara Malaysia masih menunggu permohonan rasmi daripada Bank of China untuk menubuhkan subsidiannya.

- (b) Kerajaan sentiasa menggalakkan institusi perbankan untuk bergabung supaya menjadi sebuah institusi yang lebih teguh dan berupaya memantapkan operasi pada kadar yang lebih cepat melalui Sistem Kawalan Dua Kumpulan mulai Disember, 1994. Bank-bank perdagangan telah dikelaskan kepada Kumpulan I dan II. Bank-bank perdagangan yang diberi status Kumpulan I adalah institusi-institusi yang mempunyai modal yang tinggi dan diuruskan dengan baik dan dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih luas dan di dalam persekitaran yang lebih liberal. Beberapa

insentif telah pun diberikan kepada bank-bank perdagangan di dalam Kumpulan I di samping pelbagai insentif tambahan yang akan diberikan apabila proses meliberalisasikan persekitaran operasi industri bank dipergiatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif adalah seperti:-

- (i) mengeluarkan instrument deposit boleh niaga sehingga lima kali dana modal;
- (ii) mengambil bahagian dalam pasaran derivative ekuiti;
- (iii) menjalankan aktiviti peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti tertakluk kepada kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti; dan
- (iv) dibenarkan mengembangkan operasi serantau mereka melalui penubuhan pejabat cawangan, pejabat perwakilan, anak syarikat atau secara usaha sama.

Maka dengan insentif-insentif yang menarik ini diharap akan menggalakkan bank-bank perdagangan tempatan yang kecil untuk bergabung sekiranya mereka ingin terus berkembang.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa kita memang telah meluluskan pintu untuk bank-bank asing di luar negara untuk memasuki Malaysia dan menjalankan perdagangan mereka di Malaysia. Adakah kerajaan akan mensyaratkan kepada bank-bank asing ini supaya, pertamanya, mereka mestilah menawarkan ekuiti kepada rakyat tempatan ataupun kepada bank-bank kecilan yang ada di negara kita ini supaya menjadi rakan kongsi mereka di dalam perniagaan perbankan ini.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, bank-bank asing yang berminat beroperasi di Malaysia ini boleh berbuat demikian dan secara amnya, mereka adalah tertakluk kepada keperluan tertentu di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan juga bergantung kepada kelulusan dan keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Jadi, mengenai kes-kes yang spesifik sama ada dari gabungan ataupun secara joint venture dan sebagainya itu adalah sangat spesifik dan akan diberikan pertimbangan dari kes kepada kes yang lain.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, apakah garis panduan atau syarat yang dikenakan kepada Bank of China sebelum ia dibenarkan menubuhkan subsidiary atau cawangan di Malaysia dan bilakah Bank of China dijangkakan memulakan operasinya?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama itu bergantung kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, itu jelas sekali dalam jadual-jadual yang tertentu itu.

Soalan yang kedua itu ialah berkaitan dengan bilakah ia akan mula beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau semua perkara berjalan dengan baik, adalah dijangka bahawa Bank of China akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 1997.

#### **BARANGAN KEPERLUAN DI PEDALAMAN SARAWAK - PEMBERIAN SUBSIDI**

**5. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada kerajaan boleh mewujudkan subsidi untuk barangan tertentu di pedalaman Sarawak contohnya minyak petrol memandangkan mod pengangkutan utama di sini adalah melalui sungai.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa harga kebanyakan barangan keperluan di kawasan pedalaman Sarawak adalah tinggi berbanding dengan di Kuching dan di bandar-bandar lain. Ini adalah kerana kos pengangkutan yang tinggi memandangkan cara pengangkutan utama adalah melalui sungai di sana.

Pemberian subsidi untuk barangan tertentu bukanlah langkah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah ini.

Perbezaan harga memang wujud antara satu kawasan dengan kawasan yang lain, perbezaan harga juga wujud bukan sahaja di Sarawak dan Sabah bahkan juga di Semenanjung. Ini adalah kerana jarak dan kos pengangkutan dan sumber bekalan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan supaya kajian harga barang-barang di Sabah dan Sarawak dijalankan dan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun mula membuat kajian

untuk mengenal pasti secara terperinci sebab-sebab harga barang-barang tertentu lebih tinggi daripada Semenanjung.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenal pasti salah satu punca kenaikan harga barang adalah kos pengangkutan. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk memastikan ataupun adakah rancangan untuk memastikan bahawa kos pengangkutan ini diturunkan ke peringkat minimum yang mungkin untuk memastikan bahawa barangan itu diangkut dengan harga yang murah dan sekali gus dapat membekalkan barangan yang murah juga.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa beberapa kementerian dan agensi. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diambil perhatian untuk pertimbangan pihak-pihak yang berkenaan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sering kali membahaskan tentang kenaikan harga barang-barang iaitu harga barang-barang yang belum diproses. Tetapi, begitu jugalah dengan masalah di Sarawak berkenaan dengan pengangkutan dan sebagainya. Begitu juga di Sabah, kawan saya di Baram pun selalu merungut di Sabah mahal. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa barang-barang yang telah diproses seperti kita katakan makanan di dalam hotel-hotel, di dalam restoran-restoran didapati tidak terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya biasa mengalami enam orang makan roti canai hanya dengan kuah dan cofeecino, kita terpaksa bayar RM100 untuk enam orang, jadi, makna seorang lebih daripada RM10. Begitu jugalah makanan-makanan lain. Adakah pihak kementerian hanya mengawal barang-barang yang belum diproses, sedangkan yang telah diproses, yang telah sedia dimasak tidak dikawal.

Begitu juga makanan Jepun, kawan saya cerita, daging mentah pun sampai dekat RM20 hingga RM30 seketul. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kementerian memang memberi tumpuan terhadap barang-barang yang belum diproses. Barang-barang seperti makanan yang disediakan di restoran, di hotel atau gerai-gerai, itu di luar kawalan.

Oleh kerana penyediaan barang-barang itu berbeza, apa yang digunakan untuk menyediakan barang-barang makanan itu pun berbeza, tempat dan

keadaan di mana barang-barang dibekalkan pun berbeza juga.

Walau bagaimanapun, barang-barang mentah yang digunakan untuk menyediakan barang-barang makanan itu khususnya barang-barang perlu dikawal.

#### **KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH - RANCANGAN PENUKARAN**

**6. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) tentang rancangan pihak kementerian menukar Kurikulum Baru Sekolah Menengah kepada kurikulum yang lebih bercorak futuristik, hasil dari rumusan di Konvensyen Pendidikan baru-baru ini. Tidakkah ianya akan men-jejaskan kurikulum pendidikan yang sedia ada dari segi penerimaan pelajar dan penyampaian pengajar, kerana masih ada para pengajar yang masih belum dapat menguasai corak pengajaran yang diperlukan di bawah Kurikulum Baru Sekolah Menengah; dan
- (b) cadangan kementerian untuk memperkenalkan sistem peperiksaan baru yang lebih terbuka iaitu sistem "Open Book Exam" sebagaimana yang diamalkan di institusi pengajian di Barat. Jika ianya dijalankan, adakah ianya akan melibatkan sistem pembelajaran di semua peringkat atau hanya kepada sistem pelajaran di peringkat prauniversiti dan institusi pengajian tinggi sahaja. Sudahkah kajian yang teliti dan menyeluruh dijalankan oleh pihak kementerian dalam memperkenalkan sistem peperiksaan baru ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan setakat ini tidak ada cadangan untuk menukar KBSM. Kurikulum bukan merupakan sesuatu yang kaku dan beku, ianya mesti menampung keperluan semasa dan keperluan yang akan datang.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengemaskinkan kurikulum sekolah bersesuaian dengan masa depan seperti yang disebut dalam resolusi Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM baru-baru ini. Beberapa perkara utama telah

dicadangkan termasuklah unsur-unsur teknologi maklumat yang bercorak futuristik dimasukkan ke dalam kandungan KBSM.

Kualiti kandungan berunsurkan pendekatan yang inovatif seperti memperkenalkan 'Sekolah Bistari' serta pembelajaran yang berteraskan multimedia dan hala tuju strategik ke arah abad ke-21 akan diperkenalkan.

- (b) Sistem, dengan izin, 'Open Book Exam' atau 'Peperiksaan Bebas Rujuk' akan dapat memberi fokus kepada pembelajaran yang tidak hanya bergantung kepada penghafalan semata-mata. Ia wajar dilakukan pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Kementerian Pendidikan sedang menjalankan kajian secara perintis di beberapa buah sekolah menengah yang tertentu untuk mengkaji kesesuaian pelaksanaan sistem peperiksaan ini dalam mata pelajaran yang tertentu.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan perubahan kurikulum sama ada untuk mengubahsuaikan keperluan negara ataupun tidak, tetapi dalam masa yang sama, semasa kita mengubah kurikulum ataupun matlamat tujuan dasar pendidikan, kita juga mengubah beberapa perkara soalan mata pelajaran dan sebagainya.

Tetapi, dalam masa yang sama kita mengubah kalau di peringkat pejabat di Kementerian Pendidikan mungkin boleh dibuat dengan secara cepat, tetapi, perubahan ini tidak disampaikan ke peringkat bawahan iaitu ke peringkat guru yang mana guru perlu menyampaikan kepada peringkat murid.

Dalam keadaan yang sedemikian, experimentation kita dengan education, dengan izin, tidak sampai ke akar umbi. Dengan sendirinya, akan menjejaskan kedudukan budak-budak sekolah dan menjejaskan kepada prestasi guru.

Jadi, dalam soalan saya ialah bagaimanakah pihak kementerian untuk mengatasi masalah yang mana guru tidak begitu menerima dasar yang dibuat setiap kali dasar itu diubahkan supaya tidak menjejaskan prestasi kanak-kanak di peringkat bawah terutama sekali budak-budak di luar bandar.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, kita bukan hendak ubah tetapi ubahsuaikan maknanya menerapkan unsur-unsur, nilai-nilai dan elemen-elemen yang perlu dengan keadaan dan kehendak masa sekarang dan masa akan datang.

Kalau dikatakan apa yang diputuskan itu tidak 'filter', dengan izin, tidak sampai ke bawah, ini satu-satu perkara yang perlukan kepada penelitian. Namun demikian, mengikut sistem ataupun cara yang diamalkan, sebarang perkara, sebarang keputusan yang ada hubungkait dengan soal membimbing, mengasuh dan mendidik pelajar-pelajar kita, kita salurkan melalui sistem yang ada. Dan ini kita buat melalui arahan-arahan pekelilingan, melalui seminar-seminar, kursus-kursus, kolokium-kolokium dengan harapan perkara itu sampai ke bawah dan dilaksanakan.

Misalnya, macam kajian hendak perintis tentang 'Peperiksaan Bebas Rujuk' yang sedang kita kaji sekarang ini, cara yang kita buat, cara perintis itu kita panggil guru-guru di beberapa buah sekolah, misalnya dalam kes ini empat buah sekolah daripada beberapa buah negeri dan kita berikan pendedahan kepada guru-guru, selepas itu mereka kembali ke tempat masing-masing untuk mencuba apa yang kita kaji ini.

Dan selepas itu, kita akan rumuskan dalam bentuk satu keputusan dan direbakkan, kalau sekiranya kita memutuskan demikian. Tetapi saya akan ambil perhatian tentang pandangan Yang Berhormat ini kalau betul ada kes-kes yang spesifik, saya suka hendak mendapat tahulah di mana benda-benda yang seperti ini berlaku.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita faham dengan masalah kekurangan guru-guru pengajar di sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah. Tetapi, apakah kerajaan membuat persediaan ataupun ingin merancang bahawa sistem pembelajaran ini diubah supaya sistem pembelajaran awal itu mestilah guru-guru yang berkelayakan tinggi. Misalnya pengajar-pengajar prasekolah sekarang ini diajar oleh mereka yang berkelulusan Darjah VI, SRP ataupun SPM. Apakah kerajaan bercadang untuk memudahkan penuntut itu masa depan, supaya pelajar-pelajar sekolah rendah ataupun prasekolah ini diajar oleh mereka yang betul-betul berkelulusan, berkelayakan seperti yang ada ijazah ataupun Ph.D dan sebagainya untuk mengatasi masalah kemudian di mana anak ini sukar menerima pengajaran di peringkat menengah, menengah atas ataupun universiti.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, malam tadi ada Forum di RTM dan salah seorang daripada pesertanya ialah salah seorang pensyarah dari UKM yang menyarankan pendapat yang lebih kurang sama dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini.

Jadi, saya ingat sama ada dia sealiran pemikiran ataupun dia telah menonton Forum itu malam tadi, lepas itu bawa ke sini - tak apa! Dan ini satu pandangan yang perlu dipertimbangkan, kalau sekiranya kita hendak membuat satu perubahan yang begitu drastik.

Tetapi saya hendak jelaskan dari segi kementerian setakat ini, matlamat kita menjelang tahun 2000, hasrat kita untuk menempatkan sekurang-kurangnya 30% daripada guru-guru di peringkat sekolah rendah terdiri daripada guru-guru yang berijazah. Manakala guru-guru di sekolah menengah 100% guru-guru siswazah. Sama ada kita hendak pergi lebih daripada itu, memanglah kalau seboleh-bolehnya saya pun boleh bersetuju, kalau sekiranya guru-guru siswazah, guru-guru yang betul layak dapat kita bekalkan sampai ke peringkat prasekolah.

Tetapi, sejauh mana dan setakat mana kemampuan dan keupayaan kerajaan, ini banyak bergantung kepada faktaor-faktor yang lain yang mesti diteliti dengan cermat tentang soal-soal yang sedemikian.

#### **TELEFON - PEMBEKALAN TALIAN DI DAERAH HULU TERENGGANU**

**7. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan dalam daerah Hulu Terengganu tiga kawasan pedalaman masih lagi belum mendapat bekalan telefon ke rumah-rumah iaitu bagi:

- (a) Mukim Hulu Berang;
- (b) Kawasan Felda Jerangau Barat; dan
- (c) Kawasan Mukim Hulu Telemong.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di ketiga-tiga kawasan yang disebutkan telah pun ada ibu sawat masing-masing bagi menampung keperluan di kawasan-kawasan berkenaan.

Bagi Mukim Hulu Berang, satu ibu sawat bermuatan 5,000 talian yang terletak di bandar Kuala Berang telah pun dimulakan perkhidmatannya pada 15hb. April, 1996. Dan pada masa ini terdapat 670 pengguna.

Satu projek menggunakan sistem radio rel ataupun radio in local look, dengan izin, bagi memberi perkhidmatan di luar kawasan Hulu Berang sedang disiapkan dan dijangka akan dilancarkan pada bulan depan tahun ini juga.

Bagi Mukim Hulu Telemong, satu ibu sawat bermuatan 2,000 talian yang terletak di Kampung Kuala Telemong baru sahaja dilancarkan pada 9hb. November, 1996 dan pada masa ini terdapat 276 pengguna. Kerja-kerja sedang dibuat untuk meluaskan perkhidmatan ke kawasan-kawasan sekitar.

Di Felda Jerangau Barat satu ibu sawat bermuatan 1,000 talian telah pun mula digunakan pada 9hb. April, 1996 dan pada masa ini mempunyai 618 pengguna. Satu sistem REL juga sedang dipasang untuk memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan ibu sawat berkenaan dan perkhidmatan dijangka dapat diberi pada bulan Disember pada tahun ini juga. Maka, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memaklumkan kepada penduduk di kampung-kampung yang berkenaan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan perkhidmatan telefon telah menjadi satu kemudahan yang penting bagi rakyat, lebih-lebih lagi rakyat jelata di kawasan luar bandar. Jadi, soalan tambahan iaitu saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan syarat-syarat untuk mendapatkan bekalan telefon ke rumah-rumah di sesebuah kampung yang tertentu? Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada syarat yang tertentu, cuma bagi kawasan yang mempunyai ibu sawat yang memberikan talian yang mencukupi kepada kawasan yang tertentu, baru permohonan akan dilulus dengan serta merta. Kalau sekiranya muatannya tidak mencukupi, keperluan juga meningkat, maka TNB akan mewujudkan ibu sawat yang lebih besar bagi kawasan yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuan Yunof Edward Maringking

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 8, tetapi sebelum itu saya mohon membuat pembedahan di bahagian (b) yang seharusnya berbunyi begini, iaitu "(b) nama-nama kampung yang terpencil "dalam kawasan Tuaran yang telah dirancang" projek-projek lain untuk dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh kelak."

#### **BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DI TUARAN - PROJEK TAHUN 1996**

**8. Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) nama-nama kampung dalam kawasan Parlimen Tuaran yang dirancang mendapat bekalan elektrik dan air dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan senarai projek yang telah dilaksanakan setakat pertengahan tahun 1996; dan
- (b) nama-nama kampung yang terpencil dalam kawasan Tuaran yang telah dirancang projek-projek lain untuk dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh kelak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, saya rasa pindaan itu tadi jauh lari dan jawapannya lain, maka saya perlu notis untuk memberi jawapan.

Projek-projek bekalan elektrik yang telah diluluskan pelaksanaan dalam kawasan Parlimen Tuaran pada tahun 1996 adalah meliputi kampung-kampung berikut:

- (i) Kampung Limbungan/Tengkurangoh Tamparuli,
- (ii) Kampung Karambunai Baru;
- (iii) Kampung Kosusu Kiasom, Topokon;
- (iv) Kampung Masjid, Telipok;
- (v) Kampung Wongkod/Rambituan; Tambou/ Madang/Rungus
- (vi) Kampung Tambalugu

Bagi bekalan air pula projek yang diluluskan pada tahun 1996 adalah:

- (i) Kampung Mondou
- (ii) Kampung Tanjung
- (iii) Jalan Rugading/Giling
- (iv) Jalan Giling/Nagkolod
- (v) Kampung Melalin
- (vi) Kg. Tinambak/Mongou

Bagi kampung-kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik dan juga bekalan air, ianya akan ditimbang dalam tahun 1997 dan seterusnya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Kampung-kampung tersebut termasuklah kampung-kampung terpencil yang akan dilaksanakan mengikut kaedah yang sesuai.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menurut senarai yang

dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, dua kampung yang telah pun mendapat jawapan terdahulu yang dikatakan akan dilaksana bekalan elektrik tidak pula termasuk dalam senarai ini. Adakah ini bererti bahawa jawapan dahulu itu salah atau bagaimana iaitu Kampung Bongol dan Kampung Kelawat ataupun ini adalah satu spesifik projek yang akan dilaksanakan.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, bagi Kampung Kelawat ianya adalah projek yang telah dilulus dalam tahun 1995 dan sekarang dalam pelaksanaan. Begitu juga dengan Kampung Bongol di Kota Belud.

#### **MATLAMAT KECACATAN SIFAR PEMBINAAN RUMAH - GARIS PANDUAN**

**9. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah dan berapakah "Garis Panduan" telah ditetapkan dan dikeluarkan di bawah tugas dan fungsi kementeriannya sejak lima tahun yang lalu, berapa garis panduan telah mencapai matlamat kecacatan "SIFAR", berapa yang perlu diubahsuaikan dan berapa masih dalam kajian?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang lima tahun yang lepas, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah terlibat dengan penyediaan 16 garis panduan yang meliputi pelbagai aspek berkaitan dengan isu-isu pembangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan. Daripada jumlah ini, 12 garis panduan telah pun dimaklumkan kepada semua kerajaan negeri atau agensi kerajaan lain untuk perhatian dan pelaksanaan sementara 4 garis panduan lagi masih di dalam peringkat penyediaan. Pada masa ini kementerian sedang mengawasi dari masa ke semasa pelaksanaan garis-garis panduan yang telah diedarkan itu untuk memastikan ia dilaksanakan dengan sempurna.

Berhubung dengan langkah-langkah menuju kecacatan sifar dalam pembinaan rumah yang pernah diumumkan oleh kementerian adalah dimaklumkan bahawa kementerian sedang mengkaji pelbagai aspek konsep dan cara-cara pelaksanaannya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Soalan tambahan. Antara garis-garis panduan yang telah ditetapkan oleh kementerian Yang Berhormat seperti rumah murah dan membakar sampah sarap secara terbuka dan juga melawat sambil melancong keluar negeri atau seberang laut. Antara garis-garis panduan ini,

banyak telah diabaikan oleh kerajaan tempatan dan apa tindakan boleh diambil sekiranya kerajaan tempatan mengabaikan arahan atau garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan oleh kementerian?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, daripada pelaksanaan garis panduan-garis panduan ini, kita serahkan kepada pihak berkuasa tempatan dan dari masa ke semasa kita ada perbincangan, ada Majlis Negara Kerajaan Tempatan di mana setiap wakil daripada kerajaan negeri akan hadir dan memberi laporan tentang pelaksanaan segala dasar dan garis panduan berkaitan dengan kementerian ini. Dalam masa ini, perbincangan itu tidak ada apa-apa masalah yang besar atau masalah yang rumit berkaitan dengan pelaksanaan garis panduan-garis panduan tersebut.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baur-baru ini terdapat kebakaran di sebuah rumah kediaman di Petaling Jaya yang telah diubahsuai menjadi sebuah hostel yang sesak yang berakhir dengan kehilangan empat nyawa. Pemilik rumah tersebut telah dikenakan denda oleh mahkamah sebanyak RM7,000 kerana pengubahsuaian haram itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu jumlah yang kecil sebagai bayaran bagi manusia yang tamak. Saya ingin meminta Timbalan Menteri apakah langkah-langkah seperti garis panduan yang akan kementerian ambil untuk memastikan tragedi seperti ini tidak berulang lagi di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, memang sedia ada garis panduan yang diedarkan pada pihak berkuasa tempatan mengenai pengubahsuaian rumah-rumah kediaman di kawasan masing-masing. Perkara sekarang yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat adalah perkara berkaitan penguatkuasaan undang-undang kecil dan sebagainya yang terlibat dengan perkara ini.

Saya rasa pihak berkuasa tempatan seperti MPPJ sekarang sudah giat dalam usaha untuk memastikan perkara-perkara ini iaitu pengubahsuaian yang terlebih yang tidak diluluskan dan mereka yang dihubungkan dengan perkara ini akan di bawa ke mahkamah untuk diserapkan dengan undang-undang berkaitan dan kalau mereka salah, mereka akan didendakan.

Saya rasa, perkara ini memang telah diambil perhatian oleh pihak berkuasa tempatan.

## BUAH-BUAHAN TEMPATAN - GALAKAN EKSPORT

10. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasar Puteh] minta Menteri Pertanian menyatakan apakah galakan dan insentif yang diberi kepada petani-petani buah-buahan supaya hasil tani mereka dapat dieksportkan keluar negeri. Dengan ini ia juga dapat meningkatkan hasil tani mereka dan meningkatkan hasil negara.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada buah-buahan tempatan yang mempunyai potensi dalam memberi sumbangan kepada pendapatan negara, di samping meningkatkan lagi pendapatan petani-petani.

Berbagai-bagai usaha telah diadakan untuk memajukan sektor buah-buahan dengan tujuan menggalakkan pengeksporan hasil dari sektor ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan termasuk membantu penanam buah-buahan membangunkan Projek-projek Dusun Nukleus dengan mengintegrasikan keseluruhan aspek pembangunan dusun secara komersial, menyediakan bahan tanaman yang bermutu untuk kegunaan petani dan mengendalikan aktiviti lepas tuai untuk pencegahan kemerosotan kualiti buah-buahan. Pada asasnya, objektif langkah-langkah ini ialah untuk meningkatkan lagi produktiviti sektor buah-buahan demi menjadikan buah-buahan tempatan lebih kompetitif di pasaran dunia.

Selain daripada langkah-langkah tersebut, usaha khas untuk menggalakkan eksport buah-buahan tempatan juga diadakan. Antaranya termasuk:

(i) **Penyertaan Pameran Perdagangan Antarabangsa**

Agensi-agensi kerajaan khususnya FAMA dan peniaga-peniaga swasta sering mengambil bahagian dalam pameran perdagangan antarabangsa dari masa ke masa untuk memperkenalkan buah-buahan tempatan kepada pengguna-pengguna di negara asing.

(ii) **Pengumpulan Maklumat Pasaran**

Bagi tujuan mengkaji potensi pasaran untuk buah-buahan tempatan, agensi-agensi kerajaan termasuk MATRADE, Kementerian Pertanian, FAMA dan sebagainya sentiasa berusaha mengumpul maklumat pasaran sama ada melalui institusi antarabangsa seperti International Trade Centre atau ITC, dengan izin, atau dengan

menyertai persidangan buah-buahan antarabangsa. Maklumat-maklumat ini adalah amat penting kerana ia bukan sahaja dapat mengenal pasti daya saing buah-buahan tempatan tetapi halangan-halangan perdagangan yang mungkin dihadapi oleh pengeksporn tempatan di pasaran dunia.

(iii) **Program Kajian Pasaran Di Luar Negara**

Program ini dilaksanakan oleh FAMA dari masa ke masa. Setakat ini, FAMA telah mengadakan kajian pasaran buah-buahan tropika di Taiwan, Hong Kong, Korea dan beberapa negara lagi di Eropah. Pada asasnya, tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti dengan lebih mendalam kecenderungan pasaran, harga dan amalan-amalan pemasaran di negara-negara berkenaan.

Peningkatan eksport buah-buahan tropika dari Malaysia telah meningkat misalnya, pada tahun 1991 berjumlah RM153.029 juta. Manakala pada tahun 1995 nilainya telah meningkat kepada RM225.951 juta. Buah-buahan yang paling laris atau yang paling banyak dieksport ialah tembikai kira-kira 51.364 juta, betik - RM33.288 juta, pisang - RM21.651 juta, dan belimbing - RM21.964 juta yang akhir langkah yang keempat.

(iv) **Program Penghantaran Sampel Buah-buahan Tropika**

Program ini juga dijalankan melalui FAMA. Di bawah program ini, FAMA menghantarkan sampel buah-buahan tempatan ke luar negara untuk mengkaji penerimaan buah-buahan tempatan di pasaran tertentu. Aktiviti ini penting kerana ia membolehkan pengeksporn untuk mengenal pasti pasaran yang mempunyai potensi untuk buah-buahan tempatan tertentu.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Selain daripada usaha-usaha yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri tadi, adakah kerajaan juga bercadang untuk mengurangkan atau mengehadkan import buah-buahan dari negara-negara luar, sekurang-kurang di musim buah-buahan di negara ini dalam usaha menggalakkan rakyat Malaysia memakan buah-buahan tempatan?

Dengan ini cara pengaliran mata wang ke luar negara dapat dikurangkan di samping petani dapat faedah daripada langkah ini.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sehingga ini kementerian atau pun kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat buah-buahan dari luar untuk masuk ke negara kita. Walau bagaimanapun, kita akan cuba berusaha melipatgandakan minat bagi pihak luar negara untuk meminati buah-buahan tempatan.

Ini sesuai dengan dasar negara kita yang merupakan free enterprise di mana kita akan membenarkan import buah luar di samping kita menguatkan promosi buah-buahan tempatan.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi mutu di kalangan pengeluar-pengeluar buah-buahan tempatan untuk kita eksport? Kerana kita dapati misalnya dari apa jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita hanya eksport tidak sampai pun RM100 juta sedangkan kita import tidak kurang daripada RM3,000 juta setahun dan buah-buahan kita ini apabila kita hendak bersaing di peringkat antarabangsa, kualiti kita rendah lawan dengan Siam pun kalah, lawan dengan Afrika - pisang dia besar-besar ini, Tuan Yang di-Pertua. Lawan dengan Afrika pisang yang ada di tengah, jadi kita ini, kalau macam mana pisang kita hanya besar-besar ini kita nak import.

Jadi, itu kualiti kita tu kurang. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat ....[Ketawa]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Adakah kementerian Yang Berhormat Dato' ini berhasrat supaya bagi betul-betul perhatian pengeluar-pengeluar kita ini supaya boleh kualiti kita tu lebih hebat lagi daripada orang lain, baru kita boleh bersaing dengan luar negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Memang sepertimana yang saya terangkan tadi kita lebih mementingkan kualiti tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kualiti bukan sahaja bersaiz besar [Ketawa] kadangkadang ada benda yang besar tidak berkualiti tetapi ada benda yang kecil begitu menarik. [Ketawa]

Jadi, ini terpulang atas bagaimana yang saya katakan tadi di mana pasaran itu hendak diutamakan. Jika pasaran di Eropah mungkin dia perlu yang besar-besar [Ketawa] tapi kalau di sebelah timur ini perlu yang kecil-kecil. Tetapi walau bagaimanapun, kualiti tetap kita akan diberi keutamaan dan untuk pengetahuan Yang Berhormat tadi kita eksport tidak sampai RM100 juta itu agak

tersilap kerana pada 1995 - RM225.95 juta lebih. Tetapi betul sebagaimana Ahli Yang Berhormat kata, kita import pulak melebihi daripada eksport.

Jadi, yang ini sedang kita gunakan untuk promosi buah tempatan dengan harapan eksport kita dapat seimbang dengan import pada masa-masa akan datang.

#### KONSEP PERMUAFAKATAN EKONOMI INDONESIA-MALAYSIA-SINGAPURA

**11. Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat mana konsep permuafakatan ekonomi tiga segi di antara negeri Johor, Singapura dengan Indonesia dapat memanfaatkan kita. Apakah projek usaha sama yang telah dilaksanakan dan berapakah jumlah nilainya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, konsep permuafakatan ekonomi melalui kerjasama segi tiga Indonesia, Malaysia dan Singapura ini bukan sahaja melibatkan negeri Johor, tetapi juga Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

Konsep ini menggalakkan pembangunan di wilayah IMS-GT melalui mengoptimalkan penggunaan sumber-sumber dan peluang-peluang di dalam kawasan berkenaan serta galakan pelaburan dalam bidang-bidang perdagangan, pengangkutan, pelancongan, perkapalan, telekomunikasi, pertanian, perhutanan, pembangunan infrastruktur, industri latihan dan industri-industri sokongan.

Syarikat-syarikat di wilayah IMS-GT di Malaysia digalakkan melabur terutama sekali di Sumatera dalam industri-industri dan sektor-sektor pengeluaran yang berintensif buruh, yang lebih kompetitif beroperasi di sana. Ini adalah disebabkan pelaburan dalam industri-industri berintensif buruh tidak lagi digalakkan di Malaysia.

Di antara projek usaha sama yang utama yang telah dilaksanakan termasuklah pembukaan sebuah kawasan perindustrian di Padang seluas 616 hektar dengan kos pembangunan RM100 juta, pembukaan ladang-ladang kelapa sawit seluas 14,000 hektar di Sumatera Barat yang melibatkan pelaburan sebanyak RM88 juta. Projek selain daripadanya termasuk mendirikan kilang pengeluaran barang-barang berasaskan kayu di kawasan perindustrian Padang dan juga penubuhan hospital di Padang.

Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani bagi melaksanakan projek-projek usaha sama dalam bidang pertanian, industri

pembangunan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, perkhidmatan, pelancongan dan juga perhotelan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. *[Disampuk]*

**Beberapa Ahli:** Pong...pong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Diam dahulu, diam dahulu. Masalah segi tiga ini.....*[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Pong!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, teruskan, Yang Berhormat, jangan buang masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat beri maklumat sedikit mengenai keadaan pelaburan, sama ada di Johor lebih banyak pelaburan untuk rancangan segi tiga ini ataupun di Batam atau Singapura? Kita hendak tahu setakat mana aktiviti pelaburan di kawasan masing-masing, sama ada lebih banyak pelaburan di Johor yang menimbulkan cemburu, dengki dan sebagainya ataupun lebih banyak di Sumatera? Bolehkah...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** "Lo kun pe!" *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana.... itu Yankah? Sentiasa mungkat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan Yang Berhormat, masa tidak cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masa tak cukup?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang terperinci itu tiada di sini. Saya minta notis. Tetapi maklumat yang ada di sini menunjukkan kebanyakan pelaburan itu adalah di Sumatera.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri soal perhubungan apabila berlaku sesuatu perkara. Persoalan saya ini berbangkit daripada satu perkara tiga hari sebelum pilihan raya negeri Sarawak, saya telah dihubungi oleh pihak kerajaan negara Filipina berhubung dengan Youth Conference of APEC yang diadakan di Manila. Jadi permintaan supaya young entrepreneurs dari Malaysia menyertai APEC Conference di Manila.

Dari segi itu saya berpendapat kita tidak mempunyai sekretariat yang tertentu di mana maklumat-maklumat yang terperinci macam ini disalurkan ataupun diberikan. Soalan saya, adakah permuafakatan segi tiga Johor, Singapiura dan Indonesia ini mempunyai sebuah sekretariat yang mana kalau ada conference atau seminar antarabangsa yang akan diadakan di mana-mana negeri untuk mempromosikan mana-mana perniagaan ataupun business boleh dibuat dan disalurkan supaya maklumat itu boleh disebarkan dengan meluas di seluruh negara yang berkenaan?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan konsep permuafakatan ekonomi segi tiga di antara Indonesia, Malaysia dan Singapura ini adalah satu program yang ditubuhkan di antara kerajaan-kerajaan Singapura, Indonesia dan Malaysia di mana tiap-tiap kementerian yang berkenaan mempunyai department yang tertentu untuk mengendalikan usaha-usaha ini, oleh sebab itu sekretariat seumpama ini tidak payah diwujudkan.

Di dalam MITI, kita pun ada satu department atau satu jabatan yang menjalankan dan mengendalikan perkara-perkara seperti ini. Jadi, oleh sebab itu kita tidak payah mewujudkan sekretariat seumpama itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 33 dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN**  
**1997**  
**DAN**  
**USUL**  
**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis" [*Hari Ketiga*]

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 [Jadual] -**

**Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sila sambung.

3.37 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong ada membangkitkan soal homepage Parlimen yang tidak aktif dan tidak memuaskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Interactive, bukan tidak aktif.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Interactive? Okay. Homepage Parlimen yang tidak interactive dan tidak memuaskan. Buat masa ini jabatan tidak mempunyai unit khas untuk mengendalikan homepage Parlimen. Sungguhpun demikian, homepage ini dikemas kini secara berkala dan pengemaskinian ini akan dibuat lebih kerap lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah lebih wajar dan munasabah supaya ada satu parliamentary homepage yang baik dan kalau mahu mengadakan satu parliamentary homepage yang baik, bukankah satu cara yang baik ialah mengadakan satu Parliamentary Committee mengenai IT, bukan sahaja yang bertanggungjawab mengenai homepage dan isi kandungan bagaimana boleh membuat parliamentary homepage interactive dan ada ciri-ciri current

topics selain daripada archives, latar belakang sejarah dan lain-lain, tetapi bagaimana satu Parliamentary Committee mengenai maklumat teknologi yang boleh membantu semua Ahli Parlimen boleh fasih dalam IT, termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya sendiri. Jadi, kita boleh belajar mengenai IT itu supaya semua Ahli Parlimen boleh di barisan hadapan dalam revolusi IT digital age.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara itu pun kalau Yang Berhormat fikir boleh membantu, saya rasa tidak ada masalah, boleh membuat cadangan kepada pihak yang berkenaan. Saya kira kalau ianya boleh membantukan lagi untuk memperbaiki mutu homepage, saya rasa itu tidak ada apa-apa masalah.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga ada membuat kompelin, iaitu komputer adalah set yang lama dan terlalu slow. [*Disampuk*] Sebagai contoh, bukan hendak merayu suruh ganti?.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Terminal di semua Bangunan Parlimen. Bukan sahaja di pejabat saya, tetapi semua ruangan koridor Parlimen patut ada.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita pun tahu juga style, kadang-kadang bila orang hendak dia kata untuk semua, tetapi sebenarnya dia hendak. Walau bagaimanapun, berita baiklah. Cakap terus terang sahaja, tak payah hendak tunjuk - komputer di Bilik Ketua Pembangkang akan kita ganti pada tahun depan supaya dia boleh memberikan mutu yang lebih baik daripada apa yang ada pada hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun lagi

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya ada banyak lagi. Saya hendak jawab kepada Yang Berhormat banyak lagi. Okay kalau benda ini bangkit, saya jawab dia bangkit, tak habislah. Ini saya punya floor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalnya, Yang Berhormat minta komputer di Bilik Komputer Pembangkang, tak mintalah, tak mengapa kita beri chance. Dia kata komputer di Bilik Ketua Pembangkang adalah set model lama dan slow, dan saya jawab komputer di bilik Ketua Pembangkang akan diganti pada tahun depan, okay sudah jawab, duduklah!.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hendak bertanya.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Banyak lagi benda - Yang Berhormat punya kes pun tak habis, banyak lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan sedikit. Saya terkejut bila Yang Berhormat Timbalan Menteri meluluskan kepada permintaan Ketua Pembangkang, sebab saya dengar dalam hujah ini tidak ada baik yang kerajaan buat. Semua yang diminta, yang diusahakan diberi pandangan oleh pembangkang, Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menimbang, tidak pernah membantu. Ini satu contoh jelas bahawa kita liberal. Yang baik, yang betul patut kita betul, kita betulkan, tidak ada masalah. Saya minta sedikit penjelasan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, terima kasihlah soal daripada Yang Berhormat dari Rompin. Sebenarnya saya ingin menyatakan bahawa kita memang liberal dan kita tidak bohong. Siapa yang tak liberal, yang bohong saya tak tahulah. Kerajaan tetap liberal dan tidak pembohong.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong juga bangkit berkenaan dengan terminal rosak dan belum dibaiki sudah dua minggu. Sebenarnya terminal tidak rosak. Apa yang berlaku ialah pembaikan kepada rangkaian sedang dijalankan. Oleh itu, kemudahan Internet di beberapa bahagian termasuk Pejabat Ketua Pembangkang tidak berfungsi untuk sementara waktu. Ya!

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, Yang Berhormat dari Tanjong ada mencadangkan supaya tajuk Masyarakat Madani ataupun Masyarakat Bertamadun dijadikan kurikulum di dalam kursus-kursus BTN. Kurikulum Bina Negara memang telah merangkumi tajuk Pembentukan Masyarakat Bertamadun ataupun Madani yang menjadi tumpuan kurikulum pendidikan kenegaraan yang dilaksanakan oleh Biro Tatanegara.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong juga ada bangkit berkenaan dengan masalah kehadiran di Parlimen. Saya rasa benda ini pun

telah pun banyak dijawab oleh rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional. Namun, apa perkara yang penting di sini ialah tidak ada apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seorang Ahli Parlimen kalau dia hadir 10% atau 11%, tidak ada apa-apa kesalahan. Melainkan ada kesalahan kalau kerusi itu tidak dihadiri selama 6 bulan, maka kerusi itu akan kosong, barulah ada pilihan raya. Soal sama ada kita hendak marah atau kita tidak suka, itu bukan soal yang kita tentukan. Itu biarlah rakyat Labis yang menentukan, iaitu sama ada dia mahu ataupun tidak mahu wakil rakyat dia. Saya tengok bila bertanding dua-tiga kali menang juga. Jadi, maknanya, rakyat di Labis faham bahawa menteri mempunyai berbagai-bagai peranan ataupun tanggungjawab, dia terpaksa jadi Menteri, dia terpaksa jadi Wakil Rakyat, dia jadi ketua masyarakat, ketua parti, sudah tentulah kita melayani banyak permintaan daripada rakyat. Sebab itu, kalau dia tidak hadir sepertimana yang dikatakan tidak memuaskan, itu biarlah kepada rakyat kawasan pilihan rayanya menentukan sama ada mahu ataupun tidak mahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan sahaja mengenai Ahli Parlimen dari Labis seorang Wakil Rakyat. Masalahnya ialah mengenai prestasi menteri-menteri sebagai pimpinan melalui teladan. Saya setuju bukan kita mahu semua menteri di sini 100%, tetapi masa di mana ada hal ehwal di mana kementerian mereka ada ditimbulkan sama ada masa soal jawab, masa kemukakan rang undang-undang ataupun perbincangan polisi di mana kementerian bersangkut-paut, mereka sekurang-kurangnya patut ada di sini. Kalau bukan 100% masa itu, tetapi sebahagian.

Di sini, kita tengok sebagai contoh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tahun ini langsung tak pernah datang ke Dewan yang mulia ini untuk jawab apa-apa soalan mengenai Kementerian Pengangkutan.

Hari ini sekarang tengok front bench, semua menteri kosong. Ini satu contoh yang tidak baik, oleh kerana kalau kita mahu ikut cara-cara Parlimen Komanwel yang lain, kita boleh tengok di sini, New Zealand, Kanada, India, Australia, selalu menteri-menteri sendiri yang ada untuk jawab soalan, untuk jawab ucapan dan jarang mereka "absence". Tetapi di sini, terbalik, jarang menteri-menteri ada. Sekarang tengok, kosong, selalu kosong, front bench. Apa ini, bukankah kita mahu menteri-menteri yang lebih tanggungjawab? Kalau tidak boleh ikut contoh-contoh kerajaan-kerajaan

komanwel yang lain, di mana the row menteri-menteri, adakah exception tidak hadir? Di sini the row front bench kosong, exception, barulah mereka datang. Kita patut "reverse"lah.

Harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu kepada Kabinet bahawa permintaan rakyat bahawa mereka mahu menteri-menteri lebih bertanggungjawab. Saya percaya Ahli-ahli Parlimen pun mahu menteri-menteri ada di sini supaya pandangan mereka boleh dapat diterima dengan lebih serius.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya kasihan juga Ketua Pembangkang yang sudah lama dalam Parlimen. Hari ini menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri tidak ada sebab Presiden Fujimori ada di bawah, kita hendak sambut dia. Itu satu daripada kita punya tanggungjawab. Mana-mana orang besar datang, semua turun. Jadi, sebab itu hari ini tidak ada, sebab cakap kata hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan pusing, jangan pusing! Bukan Yang Berhormat cakap hari-hari, Yang Berhormat cakap hari ini. Telinga saya masih lagi boleh dengar tahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hari-hari kosong!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat cakap hari ini, jangan hendak tipu, Yang Berhormat. Kita tengok balik *Hansard*.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hari-hari kosong front bench!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduklah! You tidak tengok you punya fakta, you cakap merapu macam ini, you check your fact first! You cakap hari ini, begitu dengan emosi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap, saya suka memperingatkan mengikut jadual, Jabatan Perdana Menteri harus selesai semalam. Jadi, pada hari ini kita ada dua kementerian yang perlu diselesaikan. Saya minta kalau boleh jawapan ini dapat diselesaikan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya mohon mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sedikit-sebanyak apakah masalahnya yang diributkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini? Apa masalahnya yang dia sibuk sangat mengatakan dan

meminta supaya Presiden MCA dan MIC datang ke Parlimen? Selaku Menteri Pengangkutan, dia juga ada Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Fasal apa Yang Berhormat Ketua Pembangkang sakit hati sangat dengan Menteri Pengangkutan ini? Apakah niat di sebalik kejahatan ini? Apakah tidak ada kepercayaan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan dan juga Setiausaha Parlimen Pengangkutan? Jadi, Yang Berhormat sibuk fasal apa? Apakah motif di sebalik ini? Sudah habis modal politik DAPkah?

Tuan Pengerusi, satu perkara, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, apabila MEASAT II dilancarkan pada 14hb. November, 1996 yang lalu, dan kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Ketua Pembangkang hadir di dalam pelancaran tersebut. Apabila roket MEASAT II naik, tetapi dua roket DAP terjun di Seremban. Jadi, dua daripada anggota DAP di Seremban telah masuk ke Barisan Nasional. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perkara ini adalah merupakan kelemahan daripada pimpinan DAP sendiri? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya cukup setuju. Memang cukup setuju fasal roket tidak naik. Saya dok agak dah, iaitu dua, tiga minggu sebelum ini, dia sudah bangkitkan benda ini, mesti ada sesuatu. Rupa-rupanya Roket II sudah masuk dalam Barisan Nasional. Ini dia frustlah.

Tuan Pengerusi, cuma saya minta berilah saya masa banyak kerana kalau benda ini dibincangkan dua hari, sepatutnya semalam satu setengah jam, sebelum pukul 6.30 sudah beri saya jawab. Tetapi oleh kerana tinggal 20 minit untuk saya menjawab, saya ingat tidak adil kepada Ahli-ahli Parlimen, dua hari punya bincang, saya hendak habiskan dalam masa 15 minit, saya ingat tidak boleh. Sebab saya perlu jawab semua, setakat mana yang saya boleh, di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Jadi, saya minta sedikit ruang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, macam soalan dari Jelebu tadi, mengapa dia begitu? Sebenarnya ignorant. Dia tidak pernah menjadi menteri, dia ingat menteri macam dia. Hari-hari datang ke Parlimen sahaja. Menteri banyak kerja lain lagi dan kita tidak diaccess prestasi kita sebagai menteri dengan kehadiran kita dalam Parlimen - tidak. Prestasi kita diaccess

dengan banyak lagi dalam kerja-kerja yang ada kaitan dengan kementerian kita. Jadi, oleh sebab itu, saya ingat saya tidak mahu memanjangkan perkara ini kerana banyak benda yang saya hendak bincangkan lagi, yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong ada bangkit mengatakan bahawa polis 'double standard' dalam tindakan berkenaan dengan APCET II. Saya ingat polis tidak 'double standard', yang 'double standard' ialah DAP. Sebab saya masih ingat lagi dahulu, kalau dia cukup marah dengan orang yang membuat sesuatu demonstrasi tanpa permit, saya masih ingat, tidak berapa lama dahulu DAP sokong satu demonstrasi berkenaan dengan Bakun yang dipimpin oleh seorang perempuan India di Padang Merbok. Mereka ini tidak ada permit, tetapi waktu itu dia sokong demonstrasi ini. Bermakna dia yang 'double standard', bukan polis yang 'double standard'. Mereka ini ada ketika yang mana orang dia buat ataupun simpati dengan dia - langgar, tidak ada permit, buat demonstrasi, kalau polis ambil tindakan, marah kepada polis dan menyokong orang yang berdemonstrasi.

Hari ini pula, bila ada sekumpulan orang-orang muda dari Barisan Tindakan Malaysia buat, kemarahan dia kepada orang-orang ini kerana berdemonstrasi tidak ada permit.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perbezaan di sini. Masalahnya bukan demonstrasi, masalahnya ialah cara demonstrasi sebagai gangster, "hoodlum" untuk pecah pintu, mahu pukul orang, ugut orang - sebagai gangster "lawlessness", khasnya pemimpin-pemimpin Pemuda yang diharap masa depan menjadi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Kita bukan kata bahawa sama ada demonstrasi aman, tidak aman, tetapi bolehkah kita membenarkan demonstrasi gangster dan tidak ada tindakan diambil oleh pihak polis, walhal, peserta-peserta dalam APCET II, yang boleh dikatakan tidak ada mengambil tindakan kekerasan, mereka ditahan dengan lama - 4 hari, 5 hari, sehingga mahu dibebaskan oleh mahkamah, tetapi orang yang bertingkah laku 'gangster' itu - satu hari sudah dibebaskan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak tahu. Yang Berhormat ini peguamkah?

Kepada kita, kesalahan ini, ala gangsterkah, ataupun 'peaceful'kah, kesalahan tetap kesalahan. Apa bezanya kalau saya mencuri duit dari Yang Berhormat, saya cekik Yang Berhormat kemudian saya minta duit. Adakah, kalau saya pergi kepada Yang Berhormat, saya kata, "*ini aman sahaja, saya tidak apa-apa, cuma beri duit sahaja*". Adakah itu bukan kesalahan? Serupa sahaja, sama ada aman atau tidak aman, kesalahan tetap kesalahan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduklah Yang Berhormat. Duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada perbezaan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak kata, kesalahan ini, kalau pun dibuat secara aman (peaceful), ia tetap kesalahan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita tidak boleh kata, kalau kita merompak cara baik - kalau cara baik itu bukan merompak, tetapi kalau dengan keganasan itu merompak. Kesalahan tetap sama. Demonstrasi tetap demonstrasi. Dan yang penting pada hari ini ialah.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tengok, dia anak-beranak. Bapa susah, anak tolong pula. Bapa - Tanjong, anak - Kota Melaka. Jelutong - bapa saudara! Itu saya tidak tahulah, tetapi saya tahu, Kepong ini doktor kulit (family). Ini anak-beranak punya hal. Jadi, masalahnya, kita hendak beritahu bahawa kesalahan tetap kesalahan dan pada hari itu kita tahu bahawa polis mengambil tindakan terhadap 3, 4 orang yang ditangkap itu kerana mereka melakukan kesalahan. Jadi, mereka ini dibawa ke balai polis dan akan di dakwa. Tidak ada siapa pun yang kata bahawa mereka tidak perlu didakwa! Jadi, mereka tahu bahawa mereka membuat sesuatu, menghadapi risiko, mereka ditangkap dan pergi ke mahkamah. Jadi, apa masalahnya?

Sebab itu saya kata, jangan tuduh orang 'double standard', sebab saya tengok, yang 'double standard' ialah pembangkang. Ada orang yang dia sokong, buat demonstrasi secara aman, tidak apa. Kalau hendak kira, demonstrasi yang dibuat di Padang Merbok lagi teruk sebab dia tahu. Dia pergi demonstrasi di sana, walaupun secara aman, permit tidak ada - dia letak budak-budak di hadapan. Itu lagi teruk. Macam bila orang berperang, guna

budak-budak. Jadi, kalau polis pergi tangkap - ha, ini pegang anak, itu semua, hendak menunjukkan bahawa polis ini jahat. Orang pegang anak pun ditangkap. Itu lagi teruk. Menggunakan budak-budak untuk dijadikan sebagai benteng supaya mereka ini kalau ditangkap akan dikatakan tidak bersalah - aniaya, pegang budak pun polis tangkap. Ini lagi teruk punya perangai.

Jadi, dengan sebab itu, kalau kita bercakap sesuatu, kita kena jagalah, janganlah 'double standard'. Tuduh orang 'double standard', tetapi kita sendiri 'double standard'. Ini tidak bagus. Pembangkang ini lebih lama dari saya. Saya datang dengan penuh keyakinan dalam Dewan ini akan berhadapan dengan pembangkang yang telah lama, yang mempunyai prinsip yang tinggi dan tidak bias, rupanya teruk perangai. Jadi, dengan sebab itu saya rasa tidak ada standard.

Tuan Pengerusi, Tuan semalam bersungguh-sungguh hendak bangun, tetapi bukan hal dia, tidak usah bangunlah.

Yang Berhormat dari Tuan mengatakan bahawa standard jawapan adalah tidak memuaskan. Saya hendak beritahu Yang Berhormat di sini bahawa segala jawapan yang diberikan oleh Menteri dan Timbalan Menteri, semuanya disediakan oleh pegawai kerajaan kita. Sebelum mereka memberi jawapan, mereka membuat penyiasatan (research) dan pastikan bahawa bukti-bukti itu adalah benar. Tetapi kalau sekiranya.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, sila duduk. Saya hendak menjawab Tuan. Tetapi kalau sekiranya kita mengumumkan sesuatu dan setelah kita menyatakan sesuatu itu, mengenai projek-projek apakah yang akan diadakan, tetapi, ianya tidak bermakna esok, lusa projek itu telah dijalankan. Tidak boleh. Cara kita membelanjakan wang rakyat adalah mengikut pelbagai prosedur. Ia terpaksa dibuat kajian awal dahulu, selepas kajian awal kemudian hendak kena panggil tender dan bermacam-macam lagi.

Jadi, saya ingat adalah tidak adil kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa jawapan tidak ada standard. Saya takut Yang Berhormat yang tidak ada standard kot. Saya rasa Yang Berhormat yang tidak ada standard, sebab dengar sahaja .....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti dahulu, saya akan beri jalan. Dengar sahaja penyokong-penyokong dia bercakap, terus bawa ke Parlimen tanpa dia menyiasat. Jadi Yang Berhormat tidak ada standard, bukan jawapan daripada pegawai kerajaan yang tidak ada standard.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. 'double standard' ini tidak ada dalam dictionary saya. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat tidak akan menyimpan perkataan 'double standard' dalam dictionary Yang Berhormat kerana ini adalah satu prestasi yang sungguh mengecewakan.

Tuan Pengerusi, yang saya bangkitkan ialah satu spesifik insiden, dan kalau Yang Berhormat mahu saya telah ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar kerana telah membuat satu jawapan yang sungguh baik. Tetapi persoalan saya ialah ada dua spesifik projek yang dikatakan telah diluluskan di dalam tahun 1995 dengan jumlah peruntukan yang telah dinyatakan juga di situ dan ada satu lagi yang dikatakan telah diluluskan dalam tahun 1996 dan memang ada targetnya untuk pelaksanaan ataupun dijangka siap. Saya tidak katakan ia seharusnya siap, itu saya terima. Bahawa bila pelaksanaan itu ada kelewatan, itu kita terima. Tetapi masalahnya, projek untuk tahun 1995 itu pun belum dimulakan juga dan projek tahun 1996 pun belum dimulakan juga.

Jadi, persoalan yang saya timbulkan di sini untuk dibawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri. Jadi, adakah itu 'double standard' ataupun adakah kerajaan tidak menghargai maklumat (feedback) yang bertujuan untuk memperkemas pelaksanaan projek-projek itu ataupun kerajaan inginkan semua Ahli Dewan Rakyat berdiam sahaja, walaupun ada sesuatu yang tidak kena di kawasan masing-masing.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat Yang Berhormat ini tidak ada standardlah. Saya cakap 'double standard' tadi dengan Tanjong. Dengan dia, saya cakap "tidak ada standard" bukan 'double standard'. Betulkah 'double standard' tidak ada dalam kamus, sebab 'double standard' ini ialah apa yang dibangkitkan oleh Tanjong. Yang saya bangkitkan kepada Yang Berhormat ialah "tidak ada standard" - ada beza antara "tidak ada standard" dengan 'double standard'. Jadi, apa Yang Berhormat sebut saya telah jawab iaitu maknanya, kalau sesuatu projek itu diluluskan, kita terpaksa tunggu dan tengoklah. Saya pun minta kepada

menteri-menteri yang berkenaan untuk pembangunan di luar bandar dan saya terpaksa tunggu, bukan boleh minta hari ini, besok dapat. Saya minta Yang Berhormat, kalau sesuatu perkara itu telah diumumkan, Yang Berhormat follow-uplah, ikut. Jadi, sebab itu Yang Berhormat, janganlah bila datang di sini, cakap benda macam itu, akhirnya besok, kalau benda itu dapat besok - macam mana? Kata-kata sudah dikeluarkan dan diluahkan dalam Dewan, besok benda itu jadi. Jadi, kalau benda itu tidak ada.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk dahulu. Saya sudah jawab, kalau benda yang sama tidak payahlah - duduk. Jadi, dengan sebab itu jawapan saya ialah kita perlu tunggu. Apabila sesuatu projek itu diumumkan, kita tunggualah. Maknanya, dia akan datang sebab banyak masalah yang kita hadapi, bukan serta-merta kita boleh bangunkan. Saya sudah sebut tadi, tidak payah sebut dua kalilah. Kajian hendak dibuat - kita tunggualah, sabar. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah, saya hendak jawab mengenai Tuaran.

Yang Berhormat dari Tuaran membangkitkan beberapa perkara khusus mengenai dengan urusan pendaftaran pemilih dan keadaan daftar pemilih bagi negeri Sabah. Antara perkara yang dibangkitkan itu adalah seperti berikut:

- (i) pegawai-pegawai pendaftaran pemilih di negeri Sabah tidak mahir dengan tugas dan tanggungjawab mereka dan meminta supaya SPR mengaturkan latihan untuk mereka;
- (ii) bantahan kepada Senarai A yang daftar pemilih tidak dilayan oleh pegawai-pegawai pendaftaran negeri Sabah; dan
- (iii) terdapatnya pemegang-pemegang kad pengenalan palsu di negeri Sabah yang didaftarkan sebagai pemilih.

Sebagai menjawab persoalan Yang Berhormat itu, ingin saya memaklumkan bahawa SPR sangat mengambil berat akan perlunya pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang membantu menjalankan aktiviti-aktivitinya sentiasa

dilengkapkan dengan pengetahuan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat seramai 20 orang pegawai pendaftaran pemilih di negeri Sabah dan mereka ini terdiri dari pegawai-pegawai kanan Persekutuan dan negeri dan mereka bertugas secara sambilan dengan SPR. Walaupun mereka ini kakitangan sambilan, keperluan latihan untuk mereka tidak diabaikan oleh SPR.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 13hb. dan 15hb. November, 1996 yang baru lalu, pegawai-pegawai pendaftaran pemilih di negeri Sabah telah pun diberi kursus mengenai dengan urusan pendaftaran pemilih dengan penumpuan khusus diberikan kepada cara-cara untuk menguruskan bantahan dan tuntutan kepada daftar pemilih. Kursus ini yang dianjurkan bersama oleh SPR dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah diadakan di Kota Kinabalu. Sebelum itu, kursus yang sama telah diadakan untuk zon timur iaitu Kelantan, Trengganu dan Pahang di Kuala Terengganu dan kursus yang sama akan diadakan untuk zon utara, zon selatan dan zon Sarawak. Kita dahulukan yang di Kota Kinabalu. Adalah menjadi harapan SPR, setelah mengikut kursus ini, mereka akan dapat menjalankan tugas dengan lebih baik dan cemerlang. Jika Yang Berhormat masih mendapati ada di antara pegawai-pegawai pendaftaran di negeri Sabah yang tidak menjalankan tugas dengan sepatutnya, Yang Berhormat bolehlah menghubungi pegawai pilihan raya negeri Sabah ataupun ibu pejabat SPR sendiri dan saya percaya pihaknya akan mengambil tindakan sewajarnya.

Mengenai dengan bantahan kepada Senarai A kepada daftar pemilih, saya telah difahamkan bahawa pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pegawai pendaftaran telah pun mengemukakan rayuan kepada pegawai penyemak (revising officer). Rayuan ini telah pun didengar oleh pegawai penyemak tidak berapa lama dahulu. Oleh sebab perkara ini telah diambil tindakan mengikut saluran undang-undang, saya tidak dapat mengulaskan dengan lebih lanjut akan perkara tersebut sehinggalah ada keputusan nanti.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti, nanti. Berkenaan dengan dakwaan kononnya terdapat pemegang kad pengenalan palsu dalam daftar pemilih di negeri Sabah, perkara ini telah dijawab berulang kali dalam Dewan yang mulia ini

termasuk oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1997 di peringkat dasar. Ingin saya menjelaskan bahawa pihak SPR memang mengambil berat akan perkara tersebut. Pihak SPR memang sentiasa berusaha untuk memastikan hanya orang-orang yang berkelayakan sahaja yang akan didaftarkan sebagai pemilih, bukan sahaja di negeri Sabah, tetapi juga di seluruh Malaysia. Sebagaimana yang dinyatakan, sejak tahun 1992, SPR telah menyemak semua permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih di negeri Sabah dengan Jabatan Pendaftaran Negara kerana pada tahun itu SPR telah membuat keputusan untuk berbuat demikian, memandangkan telah ada kemampuan dan kemudahan di pihak SPR. Saya yakin dan percaya SPR mempunyai cara-cara yang tersendiri untuk menentukan kesahihan daftar pemilih dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberi peluang kepada SPR untuk menjalankan usaha tersebut.

Berkaitan dengan perkara ini juga, satu perkara yang sering ditekankan ialah orang ramai hendaklah mengambil peluang supaya menyemak rang daftar pemilih apabila ianya dipamerkan. Jika terdapat percubaan orang-orang yang tidak layak untuk mendaftar sebagai pemilih, bantahan hendaklah dibuat. Jika Yang Berhormat mendapati ada pegawai pendaftar yang gagal melayan bantahan-bantahan yang dibuat, perkara ini hendaklah dibawa ke pengetahuan ibu pejabat SPR atau Pejabat Pilihanraya Negeri Sabah untuk tindakan selanjutnya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin meminta penjelasan kepada 3 perkara iaitu mengenai latihan kepada pendaftar dan juga daftar pengundi (List A) dan I.C. palsu. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang latihan. Saya sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai pilihan raya negeri, tetapi saya menimbulkan tentang latihan itu, oleh kerana mereka sendiri sedar bahawa pegawai-pegawai yang dilantik itu adalah pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan yang sering bertukar.

Betul ada diberikan latihan, tetapi sebelum digunakan latihan yang diberi itu, mereka sudah ditukarkan dan secara kebetulan pula, tempoh untuk pendaftaran itu akan dilakukan di mana orang yang mahu mendaftar tidak ada latihan langsung. Di situlah timbulnya masalah. Dia tidak tahu tentang undang-undang pendaftaran. Jadi, inilah masalahnya, Yang Berhormat Datuk, dan saya harap minta penjelasan. Adakah tindakan untuk mengatasi

masalah ini? Misalnya, bagi pendaftar-pendaftar itu dilantik khusus sebagai pendaftar pengundi supaya jangan sering bertukar, biar dia fasih di dalam hal pendaftaran pengundi. Oleh kerana kita tahu bahawa cara-cara mendaftar itu bukanlah begitu mudah sekali.

Kedua, tentang daftar pengundi ini iaitu khusus mengenai bantahan ke atas List A. Saya pernah menghadiri beberapa 'public enquiry' (Meyuarat Bantahan) di mana kita diberitahu bahawa daftar List A itu tidak boleh dibantah oleh kerana telah pun digunakan pada pilihan raya yang lalu, tetapi undang-undang mengatakan boleh dibantah. Jadi, saya tidak faham kenapa ini boleh berlaku, ataupun adakah mereka di pejabat pendaftaran itu tidak sedar bahawa ini adalah peruntukan undang-undang ataupun ada masalah yang lain lagi. Itu tentang daftar pengundi.

Di samping itu juga, saya pernah menghadiri.... saya telah katakan dalam ucapan dasar iaitu saya sendiri menghadiri public inquiry di mana tidak kurang dari 30 orang mengakui bahawa mereka ini adalah rakyat asing dan mempunyai kad pengenalan palsu tetapi ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ...

**Tuan Yunof Edward Maringking:** ...diterima pula oleh pegawai pendaftar untuk bantahan saya itu bukan diterima ataupun ditolak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat berucap Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat jangan ambil kesempatan untuk berucap.

**Seorang Ahli:** Berucapkah?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan minta penjelasan dari Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan, cuba padatkan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya. Saya akan buat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukan cara macam ini.

**Seorang Ahli:** Cukuplah!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, saya akan buat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat yang lain janganlah mencelah.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan padatkan Tuan Pengerusi. Soalnya Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Persoalannya Tuan Pengerusi, adakah ini bukan satu perkara yang perlu ditimbulkan di sini. Dan yang kedua mengenai I.C. palsu iaitu kita tahu...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat kalau hendak soal sekaligus, saya rasa payah juga dia hendak jawab.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Supaya ia jangan campur aduk, Tuan Pengerusi. Saya akan timbulkan kad pengenalan palsu ini, oleh kerana dia ada satu masalah yang lain iaitu kita telah tahu bahawa orang-orang telah pun didenda di dalam mahkamah dan bila kita buat penyemakan, masih ada di dalam daftar pengundi. Jadi, bagaimana ini boleh berlaku? Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, minta maaf, saya ingat tidak ada standardlah, saya ingat, saya sudah jawab semua. Dan kalau saya kata tadi jika Yang Berhormat mendapati ada pegawai pendaftaran yang gagal melayan bantahan-bantahan yang dibuat, perkara ini hendaklah dibawa ke pengetahuan Ibu Pejabat SPR ataupun Pejabat Pilihanraya Negeri Sabah. Sebab kalau Yang Berhormat bangkit di sini pun, saya pun rujuk balik kepada SPR Sabah, Pejabat SPR dan juga Pejabat Pilihanraya Negeri Sabah. Jadi, saya sudah jawab.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tuaran juga ada bangkit berkenaan JPPS. Isu pemansuhan JPPS telah kerap kali dibangkit dan terutamanya di peringkat negeri. Dalam hal ini, kerajaan telah juga menjelaskan sebelum ini bahawa ianya tidak bercadang untuk memansuhkan JPPS, memandangkan peranannya yang penting dalam pelaksanaan dan pengawasan projek-projek pembangunan persekutuan di negeri Sabah.

Kerajaan akan sentiasa memastikan JPPS mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan yang cukup serta terlatih dalam bidang masing-masing supaya mampu menyediakan perkhidmatan yang cemerlang ke arah pencapaian matlamat jabatan. Kita tidak akan mansuh, Yang Berhormat dari Tuaran JPPS ini, sebab dahulu masa PBS memerintah, JPPS ini telah pun wujud dan dikatakan sebagai kerajaan dalam kerajaan, iaitu kerajaan Barisan

Nasional, JPPS ini. Jadi, apabila kita memerintah sekarang, kita tidak mansuh. Bermakna tuduhan yang dibuat oleh PBS dahulu adalah tidak betul iaitu bahawa JPPS ini sememangnya ada di situ. Sama ada kerajaan pembangkang PBS ke ataupun kerajaan Barisan Nasional ke, ia memang sudah ada di situ dan sebab itu kita tidak akan mansuh dan kita akan gunakan JPPS ini untuk membantu menjalankan projek-projek pembangunan di dalam negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga ada bangkit berkenaan mengenai Sepang Bay punya naval base, dalam kawasan Yang Berhormat? Dalam kawasan? Saya belum pernah jumpa ahli Parlimen yang tidak bersetuju dengan projek-projek besar yang dibawa ke dalam kawasan dia. Saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional sentiasa berebut, bersaing di antara satu sama lain mahukan supaya projek-projek besar dibina di dalam kawasan kita. Tetapi ini nampaknya macam Yang Berhormat tidak bersetuju. Adakah Yang Berhormat ada kepentingan-kepentingan yang lain. Takut-takut pengundi bertukar ke apa? Kalau itu menjadi perkara yang membimbangkan Yang Berhormat dan Yang Berhormat sudah menjadi seorang yang 'self interest', lebih mementingkan kedudukan diri, hendak menang sebagai wakil rakyat daripada pembangunan yang dibawa dalam kawasan kita?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak apalah, saya sudah hendak habis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, sebab itu saya rasa macam mana kita, kalau projek hendak buat Sepang Bay kita suruh hantar pula ke kawasan lain. Saya percaya itu bahawa keputusan yang dibuat untuk mengadakan naval base itu dalam Sepang Bay, saya rasa sudah tentu ia telah pun mengambil kira kajian-kajian yang telah dibuat secara profesional untuk mengadakan perkara ini, patutnya kita sokonglah, benda ini hendak dibawa ke sana.

Jadi, sebab itu saya rasa bantahan yang dibuat oleh Yang Berhormat ini saya tidak boleh terimalah. Jadi, kita serahlah kepada Kementerian Pertahanan di manakah yang mereka hendak hantar naval base ini didirikan dan kawasan yang mana mereka pilih sendiri.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan yang membangkitkan pelbagai perkara, dia tidak ada pulak. Tetapi tidak mengapa kerana perkara ini tidaklah kontroversi kerana sebenarnya dia menyokong pegawai kerajaan dalam usaha untuk membantu mereka dalam mengatasi beberapa masalah.

Pertamanya, Yang Berhormat membangkitkan berkenaan tandas Parlimen, bilik air, tempat buang air kecil yang tidak berapa sesuai. Jadi, semua tandas-tandas di Parlimen sedang diubahsuai dan dilakukan berperingkat-peringkat. Perkara ini akan diambil perhatian.

Berkenaan dengan bilik gimnasium, Yang Berhormat membangkitkan kawasan bilik gimnasium tidak terang dan alat-alat model yang lama. Sukacita dimaklumkan iaitu bahawa bilik gimnasium akan dipindah ke Dewan Serbaguna Parlimen yang sedang dibina di kawasan belakang bangunan Dewan. Kemudahan-kemudahan sukan 'indoor', badminton, netball, bola tampar akan disediakan.

Ahli Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan bilik pemberita akhbar yang sempit dan tidak selesa. Bilik ini akan ditingkatkan pada tahun hadapan. Projek ini memang ada dalam perancangan ubahsuai pejabat pada tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat juga bercakap sistem siar raya di dalam Dewan Rakyat tidak diterangkan cara penggunaannya. Sistem siar raya baru dipasang dan masih belum lengkap dan ditauliahkan oleh pembekal, belum ditauliahkan. Penjelasan penggunaan akan dibuat sebaik sahaja alat-alat ini ditauliahkan, permission, ya.

Ahli Yang Berhormat minta supaya masa soalan-soalan tambahan kepada soalan jawab mulut dipanjangkan masanya supaya tiga soalan tambahan dijawab oleh menteri. Perkara ini akan kita pertimbangkan. Ahli Yang Berhormat juga bangkit supaya mengehadikan bilangan soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat dihadkan dari 20 kepada 8 soalan sahaja, cadangan ini akan ditimbang, jika didapati sesuai, kerajaan akan membawanya untuk pertimbangan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Yan ada bangkit berkenaan pentadbiran Majlis Agama Islam. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah menaikkan taraf pentadbiran agama Islam negeri-negeri agar setaraf dengan pentadbiran hal ehwal Islam peringkat pusat. Antara langkah yang sedang

diambil ialah untuk mewujudkan perkhidmatan bersama pegawai hal ehwal Islam seluruh Malaysia.

Ahli Yang Berhormat mohon kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan khas bagi membaiki sekolah-sekolah agama rakyat yang daif di seluruh negara. Kerajaan Persekutuan sememangnya ada menyediakan peruntukan untuk membaikpulih sekolah-sekolah agama rakyat yang daif melalui Kementerian Pendidikan di bawah program bantuan kecil ataupun baikpulih setiap tahun. Pada tahun 1994 kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM9.7 juta untuk 48 buah sekolah agama rakyat dan RM9.1 juta untuk 69 buah sekolah agama rakyat pada tahun 1995. Tahun ini juga kerajaan akan meneruskan lagi bantuan seumpama itu kepada sekolah agama rakyat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yan bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mungkin satu lagi Yang Berhormat terlupa nak jawab atau pegawai tidak sedia. Berkenaan dengan Mahkamah Syariah, di dapati banyak kes yang telah lama, pending, dengan izin, disebabkan mungkin oleh kekurangan kehakiman hakim ataupun kadang-kadang Mahkamah Syariah terpaksa menunggu Mahkamah Majistret habis bersidang baru boleh mereka gunakan tempat tersebut untuk dibicarakan.

Jadi, adakah kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri bercadang terutamanya untuk menyelaraskan sistem pentadbiran majlis agama negeri-negeri di bawah Persekutuan? Dan adakah Jabatan Perdana Menteri akan mepercepatkan kes-kes backlog dari segi tuntutan di Mahkamah Syariah kerana banyak kaum ibu terutama sekali ibu tunggal menghadapi masalah untuk menyarakan anak-anak mereka dan saya kira kalau kita lambat-lambatkan mereka akan menanggung kesengsaraan dan kita pun akan menanggung sedikit masalah kerana di Wilayah Persekutuan 14:1, di Kedah saya ingat 5:1? Kita nak tolong pun kadang-kadang tak berapa "ni". Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya soalan Yang Berhormat dari Yan itu telah pun saya jawab kepada Yang Berhormat dari Marang. Iaitu bahawa kerajaan berjuang dari masa ke masa berusaha memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan memperbanyakkan undang-

undang syarak dan seterusnya dan kita memberi kuasa eksekutif bagi membicarakan kes yang melibat umat Islam di negara ini. Kita akan beri, memperluaskan daripada segi maknanya kuasa dan juga kalau Yang Berhormat ada membaca akhbar tidak berapa lama dahulu, Jabatan Perdana Menteri sedang mengusahakan satu konsep di mana bangunan Mahkamah Syariah itu akan dipertingkatkan supaya ianya sama taraf dengan mahkamah-mahkamah sivil.

Sebagai contoh iaitu di Melaka, di mana kita telah pun mengadakan mahkamah bersepadu. Di mana Mahkamah Tinggi Melaka dibuat dalam satu kawasan yang sama dengan Mahkamah Syariah kita yang diberikan bangunan prasarana yang mencukupi dengan tenaga juga supaya mahkamah ini dapat berjalan dan bertindak seperti yang mana diharapkan oleh Yang Berhormat Yan dan juga rakyat Malaysia juga.

Tuan Pengerusi, .....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Semalam saya nak bercakap panjang sikit persoalan Mahkamah Syariah, malangnya oleh kerana masa itu terhad semua.

Jadi, saya ingin bertanya dengan Datuk Timbalan Menteri mengenai penyelarasan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Pada masa sekarang, kita memang mengenali iaitu Mahkamah Syariah tidak mempunyai satu kuasa eksekutif umpamanya kalau pertelingkahan tanah di antara keluarga, jadi salah seorang daripada keluarga itu memasukkan kaveat ke atas tanah itu. Mahkamah Syariah yang mentadbirkan harta benda orang Islam tidak boleh memberi arahan kepada Pendaftar Tanah terutama sekali di Sarawak. Pendaftar dari Jabatan Tanah untuk mengalihkan kaveat apabila membuat satu kepastian atau kehakiman selaras dengan keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Jadi, dengan sendirinya undang-undang itu belum lagi bukan sahaja diperingkat mahkamah tetapi juga di peringkat Kerajaan Negeri Sarawak belum meminda undang-undang terutamanya undang-undang tanah negeri Sarawak dipinda supaya keputusan-keputusan Mahkamah Syariah itu mestilah diberi sama kuasanya dengan mahkamah-mahkamah sivil. Jadi, itu yang utama.

Yang kedua lagi, adakah tidak jabatan membuat satu perancangan untuk membuatkan satu etika atau seminar ataupun kursus etika semua hakim-hakim

Mahkamah Syariah supaya apa yang ditafsirkan sebagai perkara yang tidak betul atau pun tidak baik berlaku, umpamanya kalau defendan, dengan izin, berhubung dengan pihak hakim Mahkamah Syariah dan hakim Mahkamah Syariah berbincang panjang lebar soal perkara yang akan dihakimi, tidak dihadiri oleh pihak lawan. Jadi, dalam keadaan yang demikian dipandang pihak litigan itu, yang hakim itu telah memihak kepada satu pihak. Jadi, sepatutnya pihak litigan jangan sama sekali dibenar atau dibolehkan berbincang perkara itu kepada setengah-setengah hakim, kalau tidak dengan kehadiran pihak yang sebelah.

Jadi, banyak lagi perkara-perkara yang patut diberitahu kepada hakim-hakim mahkamah Syariah yang patut, yang boleh dan tidak boleh dibuat di masa menghakimi satu-satu perkara supaya perkara itu tidak dipandang atau ditafsirkan perkara yang boleh mendatangkan berat sebelah dalam penghakiman. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**

Tuan Pengerusi, memang kita mengakui bahawa memang ada pelbagai kelemahan dari segi prosedur dan macam-macam lagi dalam soalan pentadbiran - mentadbirkan mahkamah Islam di negeri-negeri. Tetapi semua ini, insya-Allah dapat kita selesaikan kalau kita dapat menyelaraskan semua ini, tetapi Yang Berhormat harus tahu bahawa kita mewarisi sistem waktu penjajah dahulu, apabila mereka datang menjajah negara kita. Di negeri-negeri itu mereka mengatakan bahawa dalam soal pentadbiran kerajaan, penjajah berkuasa ke atas semua perkara melainkan soal agama dan juga soal adat istiadat Melayu.

Jadi, perkara ini apabila kita merdeka kita warisi hinggalan tiap-tiap negeri itu cukup merasa cemburu dengan kuasa yang ada pada mereka. Jadi, sebab itu soal perlantikan, soal agama, undang-undang dan lain-lain apa juga yang berkaitan dengan agama dan juga soal adat istiadat Melayu seperti perlantikan ketua kampung dan lainnya semuanya terletak di bawah sultan-sultan ataupun raja berkenaan. Dan untuk kita menyelaraskan ini kita memerlukan persetujuan daripada mereka. Jadi, sudah tentulah kalau satu kumpulan yang merasakan bahawa dia punya kuasa telah mengecil dan agak sukar hendak melepaskan walaupun penyelarasan itu berikan kepada pihak pusat akan dapat memberi perkhidmatan yang jauh lebih baik kepada rakyat kita.

Jadi, masalahnya sekarang ialah masalah penyelarasan dan sepertimana yang saya jawab sebentar tadi, bahawa kita dalam proses berunding,

memujuk supaya dapat perkara ini diselaraskan, supaya kita dapat meningkatkan mutu Mahkamah Syariah termasuk dari segi apa yang telah saya sebut, Yang Berhormat prosedur dan bermacam lagi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Yan mencadangkan supaya perkhidmatan tadbir negeri dicantumkan dengan perkhidmatan persekutuan. Perkhidmatan awam negeri adalah terletak di bawah kawalan dan bidang kuasa pihak berkuasa negeri masing-masing. Ini yang saya sebutkan tadi. Dan pihak persekutuan tidak boleh memaksa mereka menggunakan perkhidmatan tadbir persekutuan. Pada masa ini terdapat beberapa negeri misalnya, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan lain-lain yang menggunakan perkhidmatan tadbir persekutuan iaitu PTD di negeri masing-masing.

Yang Berhormat dari Yan juga membangkitkan berkenaan dengan memperbaiki skim perkhidmatan pegawai profesional dan teknikal. Sebagai contoh, pegawai perubatan, jurutera dan lain-lain. Kajian mengenai perkara ini sudahpun selesai dijalankan dan akan dibawa kepada pihak yang berwajib untuk dipertimbangkan. Jadi, kita ambil kiralah berkenaan dengan profesional-profesional ini. Jadi, cadangan yang bernas itu kita pertimbangkan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cuma penjelasan sedikit lagi, boleh tak? *[Ketawa]*

Saya hendak berbalik tadi kepada pegawai tadbir persekutuan dengan pegawai tadbir negeri. Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita menghadapi masalah. Kita sebagai wakil rakyat, kita tahu bahawa masalah antara pegawai tadbir negeri dan persekutuan. Kadang-kadang bila pegawai itu tidak menjalankan prestasi yang baik, dia akan hanya ditukarkan di dalam negeri itu sendiri. Macam di Kedah itu, tukar macam mana pun ke situ sahajalah. Boleh balik ke Alor Setar hari itu juga.

Jadi, kalau Pegawai Tadbir Diplomatik Persekutuan ini (PTD) kita boleh tukarkan dia pergi ke Sarawak untuk belajar sekejap di sana ataupun di Sabah, hantar di Kapit biar dia terkapit sekejap di sana, kemudian kita proses dia hantar balik.

Kadang-kadang tidak boleh selaras di antara persekutuan dan negeri. Di sini akan menyebabkan kelembapan dan kelambatan dari segi memperturunkan program-program dan projek-projek kerajaan ke negeri-negeri kerana perhubungan di antara pegawai negeri dengan federal ini kadang-kadang ia tidak selaras. Tetapi kalau antara PTD dengan PTD, kadang-kadang dia angkat telefon, dia sudah boleh on.

Contoh di dalam kawasan saya, kita hendak ubah satu jalan. Jalan itu telah diluluskan oleh ICU, kemudian kerana jalan itu diubah ke kawasan lain, hendak ubah nombor kepala sahaja, bukan ekor. Baru kepala, setahun, terlepas jalan itu. Orang kampung bising! Inilah yang kita kata masalah-masalah yang kita perlu atasi. Benda itu sedikit, tetapi bila banyak berlaku, ia jadi banyak.

Jadi, saya ingin cadangkan, kalau boleh, Kerajaan Persekutuan cadangkan kepada kerajaan negeri supaya kita selaraskan, serapkan pegawai-pegawai PTD negeri ini ke pegawai tadbir persekutuan. Jadi, senang. Order datang dari Federal, berjalan di State. Yang Berhormat setuju tak pandangan saya ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kita menghadapi masalah dalam perkara ini. Sepertimana yang telah disebut tadi, ia tidak semudah begitu iaitu kalau kita hendak mereka masuk dalam PTD, maka esok kita buat keputusan kita ambil alih. Ia tidak semudah itu kerana ia juga melibatkan kepada Perlembagaan negeri itu sendiri dan juga kuasa-kuasa Sultan Kedah. Jadi, benda ini bukanlah mudah.

Kalau Yang Berhormat boleh pakai bomoh di mana, bomoh sedikit, beri seronok, dia boleh luluskan, sebab dia pun kena sains juga benda ini. Kadangkala di kalangan KCS ini pun, dia ada groupnya dan mereka mempertahankan kedudukan mereka kerana mereka merasakan ini merupakan domainnya dan dia tidak mahu dimasukki oleh PTD.

Jadi, banyak benda yang harus dilakukan oleh kita kerana sepertimana yang telah saya sebut sebentar tadi, kita tidak boleh memaksa mereka menggunakan perkhidmatan tadbir Persekutuan melainkan kalau mereka bersetuju. Jadi, banyak kerja lagi Yang Berhormat. Tetapi saya minta Yang Berhormat kompelin biar PTD masuk sebab ada pegawai yang tidak bagus itu, dok mai tukar, tukar ke Kedah sahaja. Jangan hantar ke Perak sudahlah Yang Berhormat. Kita hantar ke luar negeri pun tak apalah, Yang Berhormat. Sabah Sarawak pun jangan hantar! Mungkin Kelantan tak apa kot. Kita hantar ke sana. Tetapi Kelantan pun mereka pakai state civil 'service'nya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan....

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jerantut bangun.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di dalam perbincangan berkenaan dengan pegawai-pegawai PTD, saya difahamkan oleh beberapa orang pegawai dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, ramai pegawai PTD yang berhenti ataupun yang berhijrah dari sektor kerajaan ke sektor swasta terdiri daripada mereka yang berada di dalam M1 dan M2, tetapi bukan mereka yang merupakan JUSA oleh kerana mereka yang berada di dalam M1 dan M2 ini mendapati bahawa perbezaan gaji di antara mereka dengan JUSA ini terlampau besar sehinggakan boleh jadi tidak ada insentif bagi mereka duduk di peringkat itu begitu lama.

Saya difahamkan sampai RM3,000 hingga RM4,000 perbezaan antara M1 dan M2 dengan superscale "D" atau superscale "C". Jadi, boleh jadi kerajaan menghadapi satu brain drain dari segi middle management, dengan izin, berbanding dengan mereka yang duduk di peringkat atasan oleh kerana dengan gaji dan kemudahan yang begitu baik sekali, maka mereka boleh duduk dengan lama ataupun boleh berkhidmat dengan lama di dalam kerajaan.

Tetapi dari segi middle management ini, saya diberitahu bahawa ramai yang keluar dari sektor kerajaan oleh kerana ketidakpuasan dari segi perbezaan gaji. Kalau perkara ini berlaku berlanjutan dan begitu ramai yang keluar, kita dapati bahawa esok ada vacuum di antara mereka yang hendak mengisi top level management oleh kerana middle level management sudah putus dari segi mereka yang duduk di dalam kumpulan tersebut. Apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat dari Jerantut. Sebenarnya jawapan itu ada di dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat dari Jelebu dan saya akan jawab sebentar lagi.

Yang Berhormat dari Yan mencadangkan supaya elaun penuntut-penuntut di luar negeri dinaikkan. Kerajaan sentiasa mengkaji kadar tajaan pelajar-pelajarnya di dalam dan di luar negara bagi memastikan kadarnya adalah mencukupi dan tidak menjajaskan tumpuan mereka untuk belajar.

Cadangan kadar tajaan telah dikemukakan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan, jangan bimbang. Tetapi kita berharaplah supaya penuntut-penuntut kita kalau pergi ke luar negara itu tak usahlah berbelanja berlebihan dan apa juga wang dan kenaikan yang diberikan kepada mereka saya percaya mereka akan gunakan untuk memusatkan perhatian mereka kepada pendidikan.

Yang Berhormat dari Jelutong dalam hujahnya, saya tengok rakan-rakan saya dari Tanjong Karang dan juga Kuala Pilah membangkitkan Peraturan Mesyuarat menyatakan bahawa sebenarnya Yang Berhormat tidak patut bercakap tentang perkara yang mana ia mempunyai kepentingan kewangan. Yang Berhormat Jelutong menjawab dengan mengatakan bahawa kes sudah habis. Jadi, keputusan sudah habis dan tidak ada apa-apa lagi. Tetapi duit pun sudah ambil. Bukan berkenaan kes sudah habis, duit tidak ambil! Saya...

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, atas isu ini Tuan Pengerusi sudah membuat satu keputusan. Bukan kali yang pertama, tiga kali kalau tidak silap bahawa kerana kes itu sudah tamat, peraturan yang berbangkit tidak terpakai. Itu ada di dalam *Hansard*. Tak payah untuk membangkitkan apa yang diputuskan. Keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad. Bolehkah itu diterima oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, prinsip di sini sama ada kes itu tamat atau tidak tamat pun, percuniary interest itu ada sebab duit dia sudah ambil. Dia bukan macam kita plead sub judice, macam satu perkara, katalah orang bangkitkan kata, "Yang Berhormat Jelutong tak boleh bincang kes Arulpragasam ini kerana kes masih on subjudice". Yang Berhormat bolehlah bangun kata, kes itu sudah tamat, tidak ada subjudice lagi.

Tetapi kalau percuniary interest ini, bermakna bahawa walaupun kes sudah tamat, tetapi itu bukan bermakna tidak ada percuniary interest - kepentingan kewangan sebab baru-baru ini ada satu kes di Perancis, pilihan raya untuk memilih seorang Datuk Bandar di satu pekan bernama Dreux. Jadi, seorang itu bertanding, dia menang pilihan raya. Setelah dia menang, apabila dikaji bahawa sebelum dia bertanding itu di dalam kawasan Bandaraya Dreux itu dia pernah terlibat dengan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti saya habiskan dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa? Point of order? Okay.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, yang ke berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerana satu keputusan telah diambil.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah yang ke berapa.. [Disampuk][Ketawa]

**Seorang Ahli:** Yang ke berapa? Yang ke berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi sendiri....

**Seorang Ahli:** Hey, tipukah?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada inherent power dalam Kerusi bahawa jika satu keputusan telah diambil, ini ada dicabar sekarang apa yang sudah diputuskan. Bolehkah itu dibuat? Bolehkah saya dapat satu ruling atas apa yang diputuskan, bolehkah dia menyemak apa yang diputuskan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat. Terima kasihlah kerana Yang Berhormat akur kepada keputusan yang dibuat itu. Tetapi sukalah saya nak ingatkan Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa perkara ini memang telah pun diputuskan, tetapi bacalah *Hansard* dengan teliti apa yang diputuskan itu.

Sebenarnya, bila saya membuat keputusan itu, saya sudah kata kes ini memang tamat, tetapi sekiranya Yang Berhormat mengungkit-ungkitkan kes yang sama kembali atas kepentingan kewangan peribadi, memang itu saya tak akan benarkan. Itu sahaja yang saya pernah cakap.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan. Jadi, kalau balik kepada benda yang sama, saya rasa tak payahlah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay, terima kasih, Tuan Pengerusi, saya akurlah. Cuma saya hendak jelaskan berkenaan dengan pecuniary interest ini tidak tamat dengan habisnya kes, itu sahaja. Kita beri chance sahajalah, nanti dia malu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkenaan dengan jawapan yang diberi oleh Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan soal kes seksyen 180 di Mahkamah Tinggi, iaitu kaedah yang digunakan untuk menentukan di akhir pendakwaan sama ada pembelaan patut

dipanggil ataupun tidak. Mencukupi kalau pendakwa hanya menunjukkan kes *prima facie* sahaja dan tidak melampaui batas keraguan. Jadi, dia cuba hendak menceritakan bahawa Yang Berhormat kita tidak tahu tentang perkara legal terms. Saya ingat kita jangan cuba hendak menghinakan orang. Yang penting di sini iaitu orang faham, orang tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri. Kerana isu itu besar dan semuanya bukan peguam. Daripada 18 juta ataupun 20 juta rakyat dalam negara ini, berapa orang sahaja peguam. Beberapa orang peguam yang tahu tentang legal terms, sehinggakan kita hendak hinakan kalau orang itu tersilap sebut sedikit. Seolah-olah seluruh Malaysia, 18 juta orang ini semuanya peguam. Itu pun, Yang Berhormat, peguam dengan peguam pun dia tak bersetuju sama dia. Sebab itu yang berlaku kes Khoo Hi Chiang dan kes Arulpragasam ini. Empat kata macam ini, 3 kata macam ini, dia sendiri pun tak tahu. Jadi, dia hendak kata kepada orang.

Jadi, saya harap bahawa.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang saya menyatakan apabila saya mengambil bahagian dalam perbahasan hari itu, apa yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ini ada di muka surat 51, Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 13hb. November tahun ini. Ini apa yang dinyatakan oleh dia, this makes no sense. Saya baca apa yang ada di sini. "Apa yang dicadangkan oleh Peguam Negara dan kerajaan ialah kes tafsiran dan takrif *prima facie* ini dikembalikan kepada takrif yang asal." Ini tidak ada apa makna, takrif yang asal dalam Kanun Acara Jenayah dan kes-kes yang diputuskan dan kes pertama yang diputuskan mengenai seksyen 173F yang sama dengan 180. Dalam tahun 1939 kes Chin Yoke, *prima facie* ini beyond reasonable doubt yang diikuti dalam kes Khoo Hi Chiang dan selepas itu diikuti dalam kes Arulpragasam.

Apa yang saya mengadu hari itu adalah seorang yang bukan lawyer, bukan semua lawyer pandai. Ada banyak orang yang tidak berapa pandai daripada lawyer. Tetapi dalam hal ini, kenapa Timbalan Perdana Menteri untuk menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini satu prinsip yang teknikal, kenapa tidak ada Menteri yang duduk di sini, selalu duduk senyap, tidak ada apa-apa tugas, apabila kami bangkit untuk mendapat penjelasan, tidak memberi jalan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Point of order. Kalau menteri tak datang marah, menteri datang pun marah lagikah. *[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu bukan point of order. Malulah macam ini, apakah ini Timbalan Menteri atau Setiausaha, what is it?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Jelutong!

**Tuan R. Karpal Singh:** Langsung tidak faham, apa point of order?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan main-main!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dinasihatkan....

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh nasihat, nasihat dia, bukan saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat, saya rasa....

**Seorang Ahli:** Kurang ajar!

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia yang harus dinasihatkan, bukan saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, bila saya cakap, sabar sedikit!

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh sabar, itu tidak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat janganlah berbuat demikian. Saya rasa kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan pun....

**Tuan R. Karpal Singh:** Itulah saya minta sekarang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**....janganlah ambil kesempatan untuk berucap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerana ini benar apa yang Menteri ada jawab. Apabila dia bangkit untuk jawab apa yang diperbahaskan, dia ada menyatakan dalam Dewan yang mulia ini saya tidak mahu apa-apa soalan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak soal kepada siapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Kepada Timbalan Menteri di sana. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Habis?

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerana Menteri tidak berani jawab.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi, apa hubung kaitnya dengan orang lain?

**Tuan R. Karpal Singh:** Hubung kait kerana kedua-dua ini menafikan tugas dia memberi Timbalan Perdana Menteri yang tidak layak untuk menjawab dan dia jawab apa yang tidak ada bermakna. Adakah bersetuju dengan saya?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau setakat standard Jelutong ini, Timbalan Menteri cukuplah, itu pun saya rasa tinggi sangat. *[Tepuk]* Cukup, tak payah.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Timbalan Menteri sama ada beliau boleh bersetuju dengan saya atau tidak, bila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab, Jelutong minta supaya Menteri jawab. Kerana dia kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan lawyer. Tetapi Menteri juga bukan lawyer. Yang lawyer ialah Timbalan Menteri. Dia takut dengan Timbalan Menteri menjawab, sebab itu dia minta Menteri jawab. Ini lekehlah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya bersetuju sangatlah Yang Berhormat. *[Ketawa]* Saya tak mahu cakap.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, bila saya dengar tadi Yang Berhormat dari Jelutong kata bukan semua lawyer pandai, memang saya bersetuju. Lawyer ini 50% sahaja pandai, sebab saya tengok dua lawyer masuk court cuma satu sahaja menang. *[Ketawa]* Saya hendak bertanya, saya bukan lawyer, Jelutong selalu panggil saya lawyer buruk, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah adil kalau seorang lawyer itu dia masuk dalam Parlimen ini, dia bangkitkan kes-kes lama. Tujuan dia publisiti. Bila dia keluar mereka kata lawyer ini bagus, ada salah cari lawyer itu. Sebab kalau dia kalah di luar, dia masuk dalam Parlimen lawan. Jadi, saya hendak bertanya adakah adil lawyer yang semacam ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memang betul, Yang Berhormat. Perangai pembangkanglah. Dia kalah di sana, dia cari tempat lain, furthering their court dan macam-macam lagi. Kalau tak boleh di sini, pergi ke International Parliamentary Union, bawa kes sana pula, seperti biasa.

Jadi jantanlah. Dalam pertandingan, dalam arena atau dalam gelanggang, bila masuk, menang-kalah sahaja. Kalau kalah, kalahlah, bangun balik. Janganlah pergi tempat lain cuba hendak menaikkan lagi kes dia. Ini perangai mereka. Bila kalah selalu pergi cari tempat lain, minta tolong daripada orang ramai. Kita lawan....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk, duduk! Nanti saya mahu jawab, you punya belum lagi dijawab. Saya hendak jawab, ini dia bercakap berkenaan apa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cakap. Soalnya kita faham apa dia cakap. Dia kata incomprehensible, orang tak boleh faham. Kita faham, rakyat semua faham apa yang hendak kita buat. Jadi, apa masalahnya? Macam dia, cakap Bahasa Malaysia punya teruk, horrendous, horrifying shocking, teruk bahasa dia. Tiap-tiap kali buka mulut cakap Bahasa Malaysia dia murder the language. Tetapi kita appreciate, tidak mengapa, dia bangun, dia bercakap, walaupun dengan kelam-kabut bahasa dia, kita faham apa dia cakap. Tidak menjadi hak kita untuk menghina dia dengan mengatakan bahawa dia bercakap bahasa Melayu begitu-begini, kita tak buat begitu. Yang penting dia bangun, dia cakap, kita faham, kerana kita tahu dia bukan Melayu. Dia Punjabi, memang bahasa Punjabi dia - ini betul. Kita jangan hina orang.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dia menjawab, dia bukan peguam. Jadi, dia menjawab kita faham. Yang penting kita faham, kita tahu apa yang dimaksudkan oleh dia. Kalau Yang Berhormat tak faham tidak mengapa.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat, duduk! Saya tak beri jalan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, oleh kerana itu, kita jangan hina orang. Saya sudah sebut bahawa kita bukan semuanya peguam. Yang penting ialah Yang Berhormat bangkitkan masalah ini dan walaupun Timbalan Perdana Menteri bukan peguam, dia menghormati Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen dari Tanjong, dia adress masalah yang telah dibangkitkan. Silap sedikit bahasa dan sebagainya takkanlah kita hendak kenakan dia. Yang Berhormat pun bukan tahu juga berkenaan dengan soal medical punya terms dan sebagainya. Tetapi we don't

hold that against you, dengan izin. Janganlah hendak tunjuk hebat sangat.

Tuan Pengerusi, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, mengenai adakah saya fasih dalam Bahasa Malaysia. Lima kali dari Jelutong bertanding di sana kembali ke sini, walaupun ada dihalau keluar daripada Dewan ini. Dan bahasa pengantar dalam mahkamah adalah Bahasa Malaysia, beberapa kali menang kes dalam Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan mahkamah-mahkamah lain dalam negara ini, siapa yang menang? R. Karpal Singh!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam Bahasa Malaysia. Adakah faham? Jangan kritik kerana tidak fasih ....

**Seorang Ahli:** Selalu kalah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak jawabkah ataupun hendak soal?

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no! Mahu memberitahu, sebagai penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat cuma boleh meminta penjelasan, bukan hendak memberi penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan! No, no. Bukan memberi penjelasan kepada dia, saya mahu dapat tahu daripada dia. Adakah dia sedar dalam Mahkamah Tinggi - Bahasa Malaysia, Mahkamah Rayuan - Bahasa Malaysia, Mahkamah Persekutuan - Bahasa Malaysia. Saya ada mengendalikan kes-kes dalam mahkamah-mahkamah ini, termasuk mahkamah-mahkamah rendah dalam negara ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, ini advertisement!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** No! Bukan advertisement!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jangan menyampuk macam itu, Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** No! Kerana mutu Bahasa Malaysia saya ada dibangkitkan. Saya ada hak untuk mempertahankan diri saya. Boleh faham Bahasa Malaysia itu? *[Ketawa]* Bukan sebagai orang 'Singh' oleh itu tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Barangkali dalam tahun 1978 bila saya masuk Dewan ini, barangkali masa itu lain. Sudah 20 tahun berada di sini, sekarang sudah

mengerti dan boleh bercakap bukan sahaja dalam Dewan ini .....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi!

**Seorang Ahli:** Panjangkah?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, padatkan, kalau hendak soal!

**Tuan R. Karpal Singh:** Itulah, saya mahu memberitahu .....

**Tuan Tuan Yunus bin Rahmat:** Ini bukan mahkamahlah Singh!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bukan iklan atau advertisement! Jangan berbangkit apa yang ....

**Seorang Ahli:** Cukuplah Singh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerana tidak boleh menjawab, tidak faham Arulpragasam, bukan dia sahaja, semua lawyer dalam Barisan Nasional tidak faham.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Seorang Ahli:** Hei Singh!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [Bercakap dalam bahasa Cina]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan, cuma boleh soal dan minta penjelasan. Bukan hendak membuat dakwaan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan buat dakwaan. Dia buat dakwaan tadi. Adakah sedar?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya buat dakwaan apa? Saya mahu jawab!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah faham kes-kes ini - ada menang dalam Bahasa Malaysia, bukan bahasa Inggeris.

**Seorang Ahli:** He, ini bukan mahkamahlah Singh.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu zaman lain, saya cabar awak untuk jumpa dalam satu mahkamah, lawan dalam Bahasa Malaysia.

**Seorang Ahli:** Ini Dewan bukan mahkamah!

**Seorang Ahli:** Nantilah Singh, saya angkat you sebagai lawyer saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima cabaran itu dalam Bahasa Malaysia, tengok siapa menang - Karpal Singh menang! [Ketawa]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** 'Calohhe, caloh, caloh'!

**Seorang Ahli:** R. Karpal Singh kalah!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini soalan yang bodoh yang bertanya kepada saya! Hendak suruh saya lawan, saya Timbalan Menteri bukan boleh praktis dalam mahkamah! [Tepuk] Bodoh, jangan tanya soalan bodoh! Wasting my time.

**Beberapa Ahli:** Yah!

**Seorang Ahli:** Lawyer buruk!

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tak beri jalan!

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, ada peraturan mesyuarat ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu! Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah menggunakan 'bodoh'? [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Boleh, boleh!

**Seorang Ahli:** Point of order apa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkan perkataan itu digunakan oleh seorang yang fasih dalam Bahasa Melayu, lahir sebagai Melayu? [Pembesar suara dimatikan] Bolehkah dia menggunakan bahasa seperti itu? Ini orang Melayu!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya, cukup jelas!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada standard?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup!

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa cukup? [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa ini tak bersabit dengan kefasihan bahasa atau tidak, tetapi perkataan bodoh itu saya rasa adalah perkataan unparliamentary. Yang Berhormat, diminta .....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalan bodoh! Yang Berhormat, saya cakap soalan bodoh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya minta dia tarik balik!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Seorang bodoh. Seorang bodoh, tetapi Yang Berhormat jangan khususkan, ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalan itu bukan Ahli dari Jelutong, soalan yang bodoh!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Nahi, nahi!

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah tarik balik?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi jangan khususkan kepada sesiapa, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak khususkan kepada sesiapa, saya kata soalan itu, soalan bodoh, itu sahaja! *[Tepuk]* Check balik *Hansard*.

**Seorang Ahli:** Tak silap, soalan bodoh!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tak, yang saya dengar tadi itu 'seorang bodoh' bukan 'soalan bodoh' Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** 'Soalan bodoh'! *[Ketawa]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau tidak ditujukan kepada sesiapa, maka tidak timbul. Tetapi jangan digunakan untuk sesiapa! Ya!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak tujukan kepada sesiapa. Tak ada! Saya tidak ada gunakan untuk sesiapa! Sebab soalan itu bukan 'sesiapa'.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, ya, Gerik bangun!

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, Jelebu bangun!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti sekejap Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, point of order!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Timbalan Menteri tadi dan saya ingin bertanya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bukan point of order.

**Beberapa Ahli:** Hai!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang telah diputuskan oleh Tuan Pengerusi, belum lagi diselesai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, satu demi satu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, satu persatu!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tadi bangkitkan ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat! Saya cakap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, belum ada diikuti oleh dia.

**Seorang Ahli:** Hai Singh! duduklah! Mana boleh you cakap saja?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini orang Melayukah? Awak kurang ajar! *[Pembesar suara dimatikan]* Ini standard orang Melayu! Sebagai Melayu boleh cakap Bahasa Malaysia!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Point of order!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Jelutong!

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, saya minta tarik balik, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, bertenang, bertenang!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hai! Caloh he, caloh! Loh Punjab he!

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan main-main!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelutong, duduk dahulu!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, 25 tahun!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Duduk dahulu! Nanti dahulu, satu demi satu!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Dia menggunakan perkataan 'kurang ajar' tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, baik, saya dengar itu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Jadi, tadi Timbalan Menteri kata bodoh, dia bukan main hina lagi kerana menggunakan perkataan unparliamentary.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya, baik. Saya akan buat keputusan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Ini perkataan 'kurang ajar', lagi kurang ajar!

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, nanti dahulu Ahli Yang Berhormat Jelebu. Sabar dahulu! Saya rasa kalau kedua-dua pihak cuba hendak menggunakan perkataan unparliamentary, ini bukan satu teladan yang baik, bukan satu budaya yang baik dan kedua-duanya tidak akan memberi manfaat kepada sesiapa dan kedua-duanya memang unparliamentary. Tetapi kalau perkataan yang digunakan tadi itu tidak ditujukan kepada ahli yang lain, biasanya ianya tidak dihalang. Tetapi, jangan Yang Berhormat yang berkenaan gunakan kesempatan macam ini untuk memalukan ahli yang lain dan perkataan 'kurang ajar' dan sebagainya memang itu dikira unparliamentary.

Yang Berhormat Jelutong, saya dengar tadi itu, minta tarik balik Yang Berhormat, perkataan kurang ajar itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa yang memulakan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, saya sudah buat keputusan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, ada membuat keputusan tadi. 'Bodoh' harus ditarik balik. Adakah itu ditarik balik sampai sekarang?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya tak mahu kedua-dua perkataan itu digunakan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sebagai pengadil!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, bolehkah itu ditarik balik?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dinasihatkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat, duduk! Sabar!

**Beberapa Ahli:** Duduk!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sudah 20 tahun takkan Yang Berhormat tak erti! Duduk! Duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, saya mahu keadilan!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, saya akan buat keputusan.

**Beberapa Ahli:** Hai, duduklah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat, saya rasa perkataan 'bodoh' dan juga 'kurang ajar' itu janganlah kita gunakan dan saya minta Yang Berhormat berdua tarik balik perkataan yang berkenaan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, point of order. Sebenarnya, di antara dua orang ini Jelutong lagi teruk! Kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan pertanyaan bodoh, tetapi, Jelutong kata 'Melayu kurang ajar'. Ini lagi unparliamentary, kena minta maaf kepada semua Melayu yang ada dalam Dewan ini. *[Tepuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. nanti!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, ini maruah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yan, jangan mencelah macam itu Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Hot, hot!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya hendak buat satu keputusan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, walaupun tidak disenangi tetapi dengar dahulu! Saya rasa ini membabitkan dua peraturan

mesyuarat mengikut apa yang dibangkitkan oleh Gerik tadi. Satu unparliamentary dan satu lagi Yang Berhormat tidak menyebutnya iaitu 36(10)(c). Itu sepatutnya dibangkitkan! Dan saya dengar tadi itu, itu bukan sahaja tidak digalakkan, itu patut ditegah sama sekali. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, Point of Order 36(10)(c).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa Ahli Yang Berhormat dari Gerik kata ialah sensitive - inciteful fool, oleh kerana dia memutarbelitkan apa Yang Berhormat dari Jelutong kata. Dia tidak kata orang Melayu kurang ajar, itu sangat sensitif, saya rasa sangat tidak bertanggungjawab. Kita boleh tangguhkan mesyuarat, jangan teruskan mesyuarat ini check *Hansard*, check recording.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini jangan membesarkan bahawa Ahli Yang Berhormat Jelutong kata orang Melayu kurang ajar - tidak! Dia ada kata kurang ajar! Ada! Tadi, Yang Berhormat kata orang Melayu kurang ajar. Ini sangat serius. [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, yang saya sebut, Jelebu kata Singh, dia kata Melayu, lepas itu dia kata kurang ajar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah latar belakang, ada orang yang mahu menggunakan 'Singh', tetapi jangan kita isytiharkan kata orang Melayu kurang ajar, ini mustahak!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak Yang Berhormat!

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, sabar! Sebab apa yang didakwa tadi itu, saya rasa tidak timbul. Cuma dalam perbahasan yang hangat semacam itu biasanya kalaulah mungkin secara tidak sengaja atau tidak berhati-hatikah, perkataan semacam ini mudah menjadi satu bahan yang dipertikaikan.

Yang Berhormat, saya rasa cukuplah setakat ini sahaja, ya! Dan perkataan tadi itu, saya mintalah kedua-dua pihak tarik balik, demi kepentingan

Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa yang dulu, dia yang memulakan! Dia tarik balik dahulu. Saya boleh tarik balik lepas itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya tidak pernah cakap Ahli Yang Berhormat "Tanjong" bodoh. Saya tahu saya punya - soalan itu saya kata, soalan bodoh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order. Adakah dia cabar keputusan Speaker?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Jelutong, nanti dahulu. Berilah peluang sedikit!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sukar untuk tarik balik tentang benda yang saya sendiri tak sebut!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi telah membuat keputusan supaya dia tarik balik!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelutong, nanti dahulu Yang Berhormat. Jangan menyampuk! Okay! Ya, Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak sebut bahawa Jelutong bodoh, saya cakap soalan bodoh. Jadi, saya rasa tidak ada unparliamentary terhadap sesiapa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Soalan bodoh ya? Hmm!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, soalan bodoh.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi, bukan ditujukan kepada sesiapa!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak tuju kepada sesiapa!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi telah membuat keputusan. Ini keputusan tarik balik!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya meneruskan dengan menyatakan di sini iaitu bahawa, saya teruskan ya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Iaitu bahawa kalau kita menang kes, bukan bermakna bahasa kita bagus. Sebab saya sudah kata tadi, cukuplah orang faham!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu! Ada dua orang yang bangun. Ya, Parit Sulong dahulu. Yang ke berapa? Sebutkan!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** 36(10)(c). Saya hendak tanya sama ada Tuan Pengerusi puas hati tidak ada perkataan Melayu kurang ajar dikeluarkan dalam Dewan sebentar tadi? Saya hendak tanya Tuan Pengerusi, puas hati atau tidak, tidak ada perkataan itu disebut dalam Dewan. Kalau ada, saya hendak kepastian bahawa perkara ini harus ditarik balik!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik! Sebenarnya, keputusan memang dikekalkan. Yang Berhormat berdua, termasuk juga Timbalan Menteri dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dinasihatkan supaya tarik balik apa yang tidak sepatutnya dilafaz.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah cakap tadi dan sebelum beliau menyambung jawapannya saya minta Ahli Yang Berhormat Jelutong tarik baliklah perkataan yang disebutkan tadi itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, dia memulakan, saya selepas itu, tetapi saya tarik balik, tak apa! Tidak apa, ini menunjukkan Tuan Pengerusi tidak ada keadilan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia harus menarik balik dahulu! Saya tarik balik, tak apa, boleh! Itu tidak masalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya sudah kata tadi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi, ini bukan keadilan, adakah Tuan Pengerusi takut kerana dia dalam UMNO atau apa?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat, jangan buat dakwaan Yang Berhormat. Apa yang diputuskan itu cukup jelas!

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam ingatan saya, Tuan Pengerusi takut!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerana dia Timbalan Menteri, UMNO, MCA, takut!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu tak kisah! Yang saya putuskan itu adalah kedua-dua pihak kena tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa yang memulakan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukup.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup, setakat ini sahaja. Kalau Yang Berhormat hendak tarik balik, tarik balik. Kalau tidak, terserah kepada Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan itu! Saya tarik balik, itu tidak apa.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, orang macam ini berbantah dengan kerusi, mana boleh? 18 tahun, bukan 20 tahun. Saya pun 1978 juga - sama! 1978 hingga 1996 - 18 tahun. Inikah standard 18 tahun?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah, sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kena jawab!

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan kena jawab, dia perlu tarik balik!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, takkan Yang Berhormat tak dengar tadi. Jadi, sekarang ini saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat Jelutong. Apa yang saya putuskan tadi itu, kalau Yang Berhormat akur patutlah Yang Berhormat tarik balik. Sekadar itu sahaja, takkan Yang Berhormat tak erti?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi sudah membuat keputusan tadi. Kalau dengan saya awak takut!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi jangan takut. Sebagai orang tengah, tidak boleh takut. Itu sahaja, saya tidak mahu ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak tarik balik atau tidak? Saya minta Yang Berhormat supaya tidak mengganggu perjalanan persidangan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan mengganggu! Dalam fikiran saya awak takut daripada dia.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat berdua tarik balik.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kuala Pilah bangun ini. Ada apa?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 43, 'Setiap keputusan Tuan Yang di-Pertua atau Tuan Pengerusi itu mestilah muktamad dan tidak sesiapa yang berdegil perlu juga dirujuk kepada Peraturan Mesyuarat 44'. Dan perkara ini saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mempersoalkan dan engkar keputusan yang dibuat oleh ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelutong bukan Tanjong!

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Jelutong, minta maaf. Jelutong! Saya minta keputusan daripada Tuan Pengerusi, supaya membuat satu keputusan.

**Seorang Ahli:** Halau dia keluar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini kata dualah! Kalau Yang Berhormat masih berdegil-degil, saya rasa ini tidak membina dan lagi pun saya telah minta Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tarik balik, kalau beliau itu gunakan perkataan yang disebutkan tadi itu untuk mana-mana seorang ahli dalam Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 43, mengenai keputusan Tuan Pengerusi. Keputusan Pengerusi ialah bahawa kedua-dua pihak, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tarik balik apa yang dia kata bahawa "bodoh" ....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini Timbalan Pengerusikah?

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Pokok Sena, janganlah! Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....bahawa beliau tarik balik perkataan bodoh dan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tarik balik "kurang ajar".

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sudah tarik balik tiga kali - tengok dalam *Hansard*. Sudah tiga kali kata dia sudah tarik balik. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri masih belum tarik balik dan beliau tidaklah mengikut arahan Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan sebab itu Peraturan Mesyuarat 44 patut dilaksanakan dan beliau tidak boleh kata dia ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....itulah, saya harap bahawa Tuan Pengerusi boleh menjalankan kuasa beliau, tatatertib 44. Dia boleh mitigate, tak boleh dispute.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik! Yang Berhormat, sebelum ini saya hendak ingatkan Yang Berhormat Jelutong, kalau hendak tarik balik, Yang Berhormat kena buat sendiri. Bukannya ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya sudah tarik balik dan saya tarik balik sekarang! Adakah puas hati?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, baik. Okay. Cukup!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, bolehkah dia tarik balik?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ya, saya rasa janganlah .....

**Seorang Ahli:** Jangan tawar menawar!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau saya cakap iaitu bahawa Jelutong bodoh, saya tarik balik, tetapi saya cakap soalan bodoh, itu sahaja! Boleh saya teruskan?

**Seorang Ahli:** Tarik baliklah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia sudah tarik balik!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order. Dia tidak tarik balik! Dia main-main sahaja, sama ada timbul lagi, keputusan sudah dibuat dan dikeluarkan, tarik balik.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia bukan Timbalan Pengerusi. Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, memang. Kalau perkataan yang disebut itu digunakan untuk mana-mana seorang ahli, memang kena tarik balik. Tetapi secara umum biasanya memang tiada halangan. Tetapi Yang Berhormat sudah kata tadi, kalau digunakan, kalau dikhususkan kepada ahli yang lain, maka tarik balik kan? Ha, itulah! Memadailah itu!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu yang saya cakap mutu Bahasa Melayu yang rendah ini. Ini masalahnya!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya tadi bertanya bahawa Peraturan Mesyuarat 36(10)(c), Jelutong ini sudah tarik balik atau belum perkataan yang dikatakan 'Melayu kurang ajar' tadi? Saya tanya dia sudah tarik balik atau belum? Kita dengar belum tarik lagi!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalaulah Ahli Yang Berhormat Jelutong sudah tarik balik, maka Peraturan Mesyuarat 36(10)(c) itu tidak timbul juga. Sebab ....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti, Tuan Pengerusi, kita bertenang sekejap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya bertanya dalam hal ini, dia sudah tarik atau belum perkataan 'Melayu kurang ajar'? Itu pertanyaan saya.

**Seorang Ahli:** Jangan api-apikanlah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ini masalah maruah bangsa! Tidak ada sesiapa yang boleh mempersoalkan saya! *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukuplah. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Putarbelit! *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka, cukuplah!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduklah, diamlah! Saya punya floor sekarang. Saya punya term, saya cakap, saya tak beri you bangun, tak boleh cakap, you duduk diam!

**Seorang Ahli:** Jawablah!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kalau menang kes dalam mahkamah, bukan bermakna bahasa itu bagus, orang faham sahaja. Itu sahaja, jadi, saya ingat itu bukan ukuranlah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, .....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya Yang Berhormat, ini Pokok Sena bangun ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Penjelasan! Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab saya baru enam tahun sahaja jadi wakil rakyat. Jadi, saya takut adakah bila 20 tahun jadi wakil rakyat tak mungkin nyanyuk? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu mempunyai possibility, kemungkinan yang besarlah, yang besar. Saya tidak kata apa, saya kata kemungkinan yang besar. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** : Ini perlu Perdana Menteri ke?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, 36(10) point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, nanti dulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of Order, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Peraturan mesyuarat, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(6) Sangkaan yang jahat, adakah Yang Berhormat dari Pokok Sena dibenarkan untuk menghinakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sudah ada dalam Dewan lebih 20 tahun. Dia kata, dia nyanyuk... *[Ketawa]* Ini, contempt untuk Perdana Menteri tahu!

**Wan Hanapiah bin Wan Mat Saman:** Bukan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sudah, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak apa-apa. Ya, Pokok Sena, Pokok Sena. Kita.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sabar. Saya rasa Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan yang tadi itu, tidak timbullah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak timbul.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebab tidak ditunjukkan kepada sesiapa.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dia pun baru pergi ke Kourou, Guiana...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Guiana. Jadi, awak pergi sana, 'jack' sikit biasalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kita ada Peraturan Mesyuarat lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Biasalah, tak apalah. Tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Pasal mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dapat pergi ke Guiana, jadi nampak seolah-olah hendak defend Perdana Menteri. *[Disampuk]* Okay, tidak masalah. No problem. Kita faham, kita faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dulu sudah jadi, sekarang mahu jadi pengkhianat lagi? Boleh jadi pengkhianat tahu! Mahu jadi pengkhianat? Saya tak mau jack Perdana Menteri!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong, Tanjong. Baik, Yang Berhormat semua, saya rasa cukuplah. Ini apa sahaja pun ada had batasnya. Ya, Batang Lupar bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya akan laporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu bahawa Ketua Pembangkang defend dia begitu cantik. *[Ketawa]* Jadi, lain kali kita boleh hantar dia pergi ke Afrika pulak ke, mana-manalah ya. *[Ketawa]* Termasuk Kota Melaka dan lain-lain lagi. Okay. Tuan Pengerusi....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita boleh hantar luar negeri, tidak ada masalah ya. Tuan Pengerusi, jadi, saya ingat saya hendak beralih kepada soalan daripada Jelebu, kerana banyak lagi ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah membangkitkan pelbagai permasalahan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam dan dia bertanya berkenaan dengan beberapa perkara, UPP harus memberi pemerhatian ke atas kakitangan yang tidak dapat sempurna pelaksanaan projek-projek peringkat daerah...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri baru mahu jawab mengenai kes Arulpragasau tetapi nampaknya sudah lupa. Tidak boleh kita dapat itu jawapan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kes Arulpragasau sebenarnya dalam isu ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu bahawa, kalau tidak silap saya, menyatakan bahawa kalau berlaku pertikaian di kalangan hakim-hakim sendiri, berkenaan kaedah yang harus digunakan dalam kes untuk membuktikan kes di bawah seksyen 180 itu, kaedah yang diguna itu ialah kaedah '*prima facie*' dan bukan kaedah melampaui batas keraguan.

Maka, Dewan Rakyat ini yang merupakan mahkamah yang paling tinggi, seperti yang disebutkan oleh Jelutong sendiri, maka kita faham dari situ bahawa amalan dan ikutan semenjak kes Chin Yoke, pada tahun 1939 itu di mana di bawah seksyen 180 dan 173(f) iaitu bahawa kita akan kembali kepada asal di mana dalam kes-kes ini iaitu pihak pendakwaraya di akhir kesnya, hanya perlu membuktikan bahawa ada kes '*prima facie*'. Itu sudah mencukupi tanpa membuktikan melampaui batasan keraguan. Jadi, yang itu saya difahamkan yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, maka kitalah legislative akan menyelesaikan pertikaian ini dengan diperundang-undangkan mendefinisikan atau memperjelaskan lagi seksyen 173(f) dan juga seksyen 180. Itu jawapan, ya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jelevu menyatakan iaitu bahawa berbangkit berkenaan perkhidmatan awam. Saya ingin menjawab iaitu bahawa kerajaan telah mengeluarkan arahan nombor I, 1996, iaitu:

- (i) Jentera penyelarasan pelaksanaan dasar pembangunan nasional bagi tujuan mewujudkan jentera penyelarasan projek-projek pembangunan di pelbagai peringkat pentadbiran iaitu peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah dan senarainya sememangnya ada dalam Lampiran A yang akan saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelevu. Di bawah arahan ini, pengawasan dan penyelarasan pelaksanaan projek-projek pembangunan amat ditekankan. Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah dan disertai bukan sahaja oleh pegawai-pegawai kerajaan tetapi juga ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri telah dipertanggungjawabkan mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah.
- (ii) Apa jua isu dan masalah dalam pelaksanaan projek di peringkat daerah wajar dibincangkan dan dicari kaedah penyelesaiannya. Ini untuk memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan dalam sesuatu daerah telah berjalan lancar dan dapat disiapkan mengikut jadual yang dirancangan.
- (iii) Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan sumber manusia di semua peringkat pentadbiran termasuk pentadbiran peringkat daerah. Agensi latihan utama kerajaan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan cawangan-cawangannya di selatan, utara dan timur menjalankan kursus-kursus peningkatan kemahiran ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan sepanjang tahun. Di samping itu, latihan-latihan juga dianjurkan oleh pentadbiran negeri melalui agensi-agensi latihan setiap negeri.

[Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ahli Yang Berhormat dari Jelevu juga membangkitkan masalah Penggerak Masyarakat Orang-orang Asli. Masalah kekosongan jawatan

Penggerak Masyarakat Orang Asli memang wujud bukan sahaja di kawasan Parlimen Jelevu, tetapi juga di negeri-negeri lain. Tindakan sedang diambil untuk mengisi kekosongan tersebut dan dijangka dapat disempurnakan pada tahun 1997.

Adalah tidak benar iaitu BAHEIS tidak memberi tugas dan perhatian kepada penggerak-penggerak tersebut yang menyebabkan kononnya mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Untuk makluman Yang Berhormat, pertemuan berkala di antara BAHEIS dan Penggerak Masyarakat diadakan dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan kekesanan terhadap Penggerak Masyarakat. Kemuncak pertemuan tersebut ialah pertemuan tertinggi Penggerak Masyarakat dengan Ketua Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Sarji pada beberapa bulan yang lalu. Di samping itu, acara tahunan ijtimak, Penggerak Masyarakat Orang Asli juga diadakan.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah meluluskan sebanyak ...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti sekejap ya. Kerajaan telah meluluskan sebanyak 306 jawatan Penggerak Masyarakat di perkampungan Orang Asli pada tahun 1993. Dalam pengambilan pertama Penggerak Masyarakat tersebut sebanyak 100 orang, hanya 68 orang daripadanya telah melapor diri. Pada tahun 1995, pengambilan kedua seramai 100 orang, hanya 79 orang yang melaporkan diri. Jumlah Penggerak Masyarakat yang ada 147 orang, 34 di antaranya telah meletakkan jawatan, ditamatkan perkhidmatan dan meninggal dunia. Sehingga kini, jumlah Penggerak Masyarakat yang sedang bertugas seramai 113 orang sahaja.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih di atas jawapan yang diberikan. Cuma saya ingin mendapat sedikit penjelasan mengenai dengan latihan kakitangan. Memang tidak kita nafikan terdapat modul-modul latihan yang diberikan kepada kakitangan, tetapi apa yang saya maksudkan ialah untuk mendapatkan sedikit sebanyak penjelasan mengenai dengan peluang kursus dan latihan kepada kakitangan yang berkenaan. Adakah JPA memberikan peluang-peluang latihan ini kepada kakitangan-kakitangan yang berkenaan, umpamanya untuk membuatkan latihan ataupun kursus lanjutan Masters, Degree dan sebagainya ataupun di peringkat Diploma kepada kakitangan-kakitangan yang berminat?

Apa yang berlaku ialah terdapat pemilihan yang tidak begitu menyeluruh, hanya beberapa orang melalui kawan-kawan ataupun kenalan yang biasanya mendapat peluang.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, mengenai dengan jawatan Penggerak Masyarakat Orang Asli. Saya memang faham terdapat pertemuan-pertemuan tetapi bagaimanakah langkah jabatan ataupun BAHEIS ini sendiri untuk menggalakkan penggerak masyarakat ini, pada waktu ini terdapat percanggahan tugas mereka dengan ketua-ketua masyarakat Orang Asli. Kadang-kadang masyarakat Orang Asli memang memberikan peluang untuk Penggerak Masyarakat ini mendampingi Orang-orang Asli tetapi oleh kerana ketidakfahaman budaya, cara hidup masyarakat Orang-orang Asli ini, makanya banyak pantang larang yang dilanggari oleh Penggerak Masyarakat ini terhadap kumpulan masyarakat Orang Asli. Seinggakan ada di antara Penggerak Masyarakat tidak dibenarkan masuk ke kawasan perkampungan Orang Asli, oleh kerana sifat mereka yang tidak memahami budaya Orang Asli itu sendiri. Jadi, mohon penjelasan, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya telah sebut sebentar tadi, bahawa kita sememangnya sebelum memberikan tugas-tugas kepada pihak-pihak penggerak masyarakat Orang Asli ini, sememangnya kita memberi latihan dan kursus kepada mereka. Tetapi kita harus ingat bahawa sebenarnya Orang Asli bukan satu masyarakat yang mudah kita hendak fahami. Mereka merupakan golongan manusia yang terlalu sensitif, sebenarnya kadang-kadang kadar standard yang kita jalankan tugas kita itu yang memadai kepada kita tetapi mungkin kepada Orang Asli ia agak sensitif.

Jadi, sebenarnya perkara ini bukan kesalahan kepada pihak BAHEIS yang tidak memberikan mereka latihan tetapi sebenarnya masyarakat itu sendiri merupakan masyarakat yang sensitif dan betullah bahawa kita harus buat lebih daripada apa yang perlu dibuat kalau untuk digunakan kepada masyarakat biasa.

Walau bagaimanapun, kita akan sentiasa memastikan bahawa mereka ini sentiasa diberikan peringatan dan latihan untuk memastikan tugas mereka ini, prestasi mereka adalah ditahap yang memuaskan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jelebu ingin mengetahui sama ada pegawai yang tidak mematuhi

peraturan kad perakam waktu dikenakan tindakan tatatertib. Kegagalan mematuhi peraturan kad perakam waktu adalah satu kesalahan tatatertib dan tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak berkuasa tatatertib berkenaan yang ditubuhkan di semua jabatan dan kementerian termasuk SPA.

Yang Berhormat juga ingin tahu berkenaan bilangan pegawai yang mendapat pergerakan gaji melintang dan menegak dan kekerapan mereka yang berulang mendapat pergerakan yang sama itu. Bilangan pegawai yang mendapat pergerakan gaji melintang dan menegak adalah seramai 5 peratus setahun. Bilangan sebenar akan diberitahu semasa menjawab soalan mulut Yang Berhormat pada 25hb. November nanti.

Bilangan pegawai yang mendapat pergerakan gaji melintang dan menegak berturut-turut adalah sangat kecil bilangan dan ia berasaskan prestasi pegawai berkenaan yang turut cemerlang dalam tahun-tahun berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, panjang.

**Tuan Pengerusi:** Kerana sepatutnya kita menghabiskan Jabatan Perdana Menteri semalam, sekarang ini sudah satu hari pula. Kita ada 24 jabatan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Banyak, Tuan Pengerusi, macam mana? Kalau Tuan Pengerusi boleh setuju, saya hantar yang belum jawab secara bertulis.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baik.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Perbuatan itu tidak pernah dibuat, tetapi saya hanya minta supaya Yang Berhormat dapat cari jalan memendekkan jawapan itu. Dan lagi pula, janganlah bagi permohonan untuk menjelaskan terlampau banyak.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya pindah kepada Kuala Pilah. Kuala Pilah membangkitkan berkenaan dengan menubuhkan sebuah sekretariat khas untuk pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan Parlimen antarabangsa. Itu adalah satu cadangan yang baik dan kita akan pertimbangkan. Kuala Pilah juga mencadangkan supaya pegawai yang bersara

dilantik semula tidak begitu ramai, kerajaan memang amat berhati-hati dalam melantik semula secara kontrak pegawai-pegawai awam yang telah bersara dan ianya mengambil kira kepakaran, keupayaan dan kepentingan perkhidmatan.

Yang Berhormat dari Pokok Sena meminta Akta Perkhidmatan Parlimen dipinda, akta ini masih lagi kekal bagi mereka yang tidak memilih untuk memasuki Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. Berkenaan dengan soal jawatan Setiausaha Dewan Negara hendaklah diisi, jawatan ini telah diisi oleh pegawai dari Parlimen mulai 12hb. Januari 1996.

Yang Berhormat dari Balik Pulau bercakap berkenaan dengan kekurangan personel. JPA sedang meneliti cadangan yang dikemukakan oleh Pengurusan Parlimen berkaitan dengan skim ini. Berkenaan dengan perpustakaan, tindakan untuk mempertingkatkan sistem yang disebutkan itu akan dimulai tahun hadapan apabila peruntukan diluluskan.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ada membangkitkan masalah berkenaan urusan kenaikan pangkat pegawai pendidikan siswazah ada kaitan dengan suasana politik. Kenaikan pangkat pegawai awam adalah mengikut prinsip yang telah ditetapkan. Oleh kerana wujud kekosongan jawatan di Sabah sebelum SSB, maka urusan berkenaan telah diadakan apabila semua maklumat dan dokumen yang perlu telah diperolehi dan ia tidak ada kaitan dengan suasana politik di Sabah ketika itu.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, Kota Melaka ada membangkitkan berkenaan kedudukan di dalam kerajaan. Sebenarnya kerja-kerja di luar daripada kerajaan iaitu di swasta itu adalah begitu banyak dan begitu lumayan. Jadi, kita tidak dapat hendak mengatasi masalah kekurangan under staffing dalam kerajaan ini.

Jadi, saya ingat, Tuan Pengerusi, itu sahaja dan saya ucapkan terima kasih pada semua yang telah mengambil bahagian dan ingin saya ingatkan di sini bahawa kalau ada yang saya tidak jawab, saya minta supaya Yang Berhormat peringatkan saya dan jawapan itu akan diberikan kepada mereka. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM30,276,300 untuk Maksud B.1; RM1,133,500 untuk Maksud B.2; RM43,764,900 untuk Maksud B.3; RM21,636,900 untuk Maksud B.4; RM17,994,300 untuk Maksud B.5; RM6,744,800 untuk Maksud B.6; RM1,1013,423,800 untuk

Maksud B.7; RM394,529,000 untuk Maksud B.8; RM62,716,900 untuk Maksud B.9; RM25,094,000 untuk Maksud B.10; RM32,395,600 untuk Maksud B.11; RM977,300 untuk Maksud B.12 dan RM801,300 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30,276,300 untuk Maksud B.1; RM1,133,500 untuk Maksud B.2; RM43,764,900 untuk Maksud B.3; RM21,636,900 untuk Maksud B.4; RM17,994,300 untuk Maksud B.5; RM6,744,800 untuk Maksud B.6; RM1,013,423,800 untuk Maksud B.7; RM394,529,000 untuk Maksud B.8; RM62,716,900 untuk Maksud B.9; RM25,094,000 untuk Maksud B.10; RM32,395,600 untuk Maksud B.11; RM977,300 untuk Maksud B.12 dan RM801,300 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,034,615,820 untuk Maksud P.7 dan RM15,465,300 untuk maksud P.8 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,034,615,820 untuk maksud P.7 dan RM15,465,300 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] -**

**Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.14 hingga B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Bagan.

**5.29 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Butiran 040000 Kerajaan Tempatan. Tuan Pengerusi, semakin hari semakin banyak bidang perkhidmatan yang dilakukan oleh kerajaan tempatan telah diswastakan dan seperti pembetulan dan tidak lama lagi sampah sarap juga akan diswastakan. Tetapi tiap-tiap tahun cukai pintu atau cukai taksiran di semua kerajaan tempatan terhadap tuan-tuan punya rumah meningkat.

Saya bertanya di sini, semakin kurang kerja yang dilakukan oleh kerajaan tempatan, adakah cukai taksiran atau cukai pintu juga akan diturunkan?

Tuan Pengerusi, baru-baru ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengumumkan bahawa mulai tahun depan, pihak kerajaan tempatan akan mengharamkan penggunaan beg plastik dan dalam surat khabar hari, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada berkata kerajaan tidak bercadang hendak mengharamkan penggunaan beg plastik.

Saya memberi terjemahan dalam surat khabar Cina iaitu *Nanyang Siang Pau* hari ini berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau diurus dengan betul, tidak akan menjejaskan alam sekitar. Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk melarang penggunaan beg plastik.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri juga berkata banyak negara Eropah tidak menggalakkan orang ramai dan bukan mengharamkan orang ramai menggunakan beg plastik atas alasan alam sekitar. Buat masa sekarang, kerajaan tidak mengharamkan orang ramai menggunakan beg plastik kerana rakyat Malaysia banyak yang sedar tentang hal ehwal alam sekitar dan mereka tahu menimbang baik buruknya penggunaan beg plastik.

Beliau juga berkata, jikalau Majlis Perbandaran Seberang Perai mengharamkan penggunaan beg plastik, ia adalah bertentangan dengan dasar kerajaan pusat dan juga tidak akan mengubati akar umbinya. Beliau berpendapat, penggunaan beg kertas memang bermanfaat kepada alam sekitar, tetapi kalau dikendalikan dengan betul, penggunaan beg plastik tidak akan menjejaskan alam sekitar oleh kerana beg plastik boleh direcycle, dengan izin. Beliau menasihatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai mendidik orang ramai supaya jangan membuang sampah sarap dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Pengerusi, hasrat Majlis Perbandaran Seberang Perai hendak mengharamkan penggunaan beg plastik ini memang tidak mendapat restu dari kerajaan pusat sekarang. Saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengarahkan Majlis Perbandaran Seberang Perai membatalkan cadangan mereka sehingga satu masa yang lain yang didapati bahawa masa itu adalah sesuai untuk diharamkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan melawat sambil belajar atau lebih

tepat lagi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selalu menghantar rombongan mereka ke seberang laut atas nama melawat sambil belajar, tetapi apa yang rakyat jelata fahami ialah mereka mengambil kesempatan ini untuk melancong ke seberang laut. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memperuntukkan satu jumlah yang besar iaitu RM650,000 untuk tahun hadapan untuk perkara ini iaitu melawat sambil belajar.

Saya difahamkan bahawa baru-baru ini satu rombongan telah pergi ke Kanagawa, Jepun untuk tujuan ini dan tidak lama lagi satu rombongan akan pergi ke New Zealand untuk tujuan yang sama. Saya difahamkan bahawa ada garis panduan untuk menjalankan maksud melawat sambil belajar dan hari ini dalam soal jawab berkenaan dengan garis panduan kerajaan tempatan, saya pun ada membangkitkan bahawa ada kerajaan tempatan yang mengabaikan garis panduan kerajaan pusat mengenai melawat sambil belajar.

Garis panduan ini, antara lain ada mengatakan, cuma mereka yang berkhidmat dengan Majlis Tempatan selama tiga tahun boleh menyertai rombongan untuk melawat sambil belajar. Negara-negara yang dikunjungi itu hanya terhad kepada negara-negara ASEAN sahaja dan bukan pergi ke Eropah, New Zealand atau Australia.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, saya berharap kerajaan pusat dapat memastikan bahawa semua kerajaan tempatan dapat mengikuti arahan atau garis panduan dari kerajaan pusat.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00300 - Program Bersih dan Indah.

Tuan Pengerusi, tidak dinafikan bahawa banyak kerajaan tempatan kini menjalankan program bersih dan indah, tetapi saya ingat ini juga melibatkan satu jumlah wang yang sangat besar kerana di mana-mana lampu isyarat di mana-mana bulatan trafik kami nampak bunga-bunga begitu subur dan begitu cantik, tetapi kalau dikaji dengan dalam, mereka membeli pokok bunga jangka pendek di dalam beg plastik sehingga berharga RM1.50 satu pokok. Semua ini di dalam satu bulatan trafik ada berapa ribu pokok bunga-bunga itu dan berapa ribu telah dibelanjakan?

Itu cuma boleh bertahan lebih kurang satu atau dua bulan sahaja. Selepas itu, ia tidak boleh dipakai lagi. Saya mencadangkan di sini, bukan semestinya kita tanam bunga. Jikalau boleh ditanam dengan pokok-pokok atau pokok bunga yang boleh tahan lama dalam jangka panjang, itu boleh lebih menjimatkan wang.

Tuan Pengerusi, saya ingat dalam projek ini cuma mereka yang mendapat kontrak atau taman-taman bunga atau orchid farm yang mendapat faedah dari program ini kerana mereka dapat menjual pokok bunga mereka dengan begitu banyak sekali.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00400 - Bantuan Perparitan.

Tuan Pengerusi, saya mendapat tahu bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan setiap tahun ada memberi bantuan kepada pihak kerajaan tempatan dalam jenis sumbangan bantuan kadar. Tetapi apa yang saya khuatir di sini ialah peruntukan yang diberi kepada kerajaan tempatan ini bukan digunakan dengan sepenuhnya dan juga bukan digunakan untuk tujuan yang khusus seperti bantuan perparitan ini kerana kami boleh nampak di kebanyakan tempat parit tidak diselenggarakan, parit runtuh tidak ada orang yang menjaga dan tidak ada orang yang membaikinya, tetapi ada jumlah yang besar diberi kepada mereka.

Saya ingat dalam fikiran saya bantuan yang telah diberi untuk tujuan perparitan tidak dipakai dengan tujuan yang sebenarnya tetapi dipakai kepada projek-projek atau tujuan-tujuan yang lain.

Tuan Pengerusi, beberapa hari yang lepas saya ada membangkitkan perkara berkenaan dengan projek perumahan di KTMB. Di dalam muka surat 92 ada tajuk Perumahan dan juga di dalam surat khabar hari ini tajuk utama di dalam *Nanyang Siang Pau*, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata, "Semua pemaju tidak ada imunisi untuk membina rumah kos rendah. Ini ada di dalam tajuk utama *Nanyang Siang Pau* hari ini.

**Tuan Pengerusi:** Minta Yang Berhormat gulung, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, saya habiskan tajuk ini sahaja. Beberapa hari yang lalu semasa saya membangkitkan soal projek perumahan di KTMB Perai, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ada berkata bahawa setengah-setengah projek boleh dikecualikan dari membina rumah kos rendah. Saya berpendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ini dia jahil dan pendiriannya tidak selaras dengan pendirian kerajaan pusat.

Tuan Pengerusi, saya pertikaikan projek ini kerana ia tidak membina rumah kos rendah, dan ini boleh dapat disahkan mengikut jawapan yang telah diberi oleh Setiausaha Parlimen pada 15hb. Julai dan juga 22hb. Oktober tahun ini yang dijawab oleh

Timbalan Menteri Pengangkutan bahawa dalam projek ini tiada rumah kos rendah. Saya mahu tahu dari sini, sebagai satu badan yang meluluskan perancangan ini, iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai, mengapa ia boleh meluluskan satu projek raksasa begini tanpa membina rumah kos rendah. Tajuk ini atau perkara ini juga menimbulkan satu pertikaian antara Timbalan Menteri Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Shariff Omar dan juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Yang Berhormat dari Tasek Gelugor berkenaan dengan tarikh kelulusan pelan. Sebenarnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Ketua Menteri Pulau Pinang berkata ia diluluskan sebelum beliau menjawat jawatannya, iaitu sebelum pilihan raya umum April tahun lalu. Tetapi tarikh yang sebenarnya kelulusan ini ialah 4hb. November tahun ini iaitu selepas pilihan raya umum. Ini memang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah betul dalam mengesahkan tarikh ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya. Saya sukalah catit bahawa kelulusan pelan ialah selepas pilihan raya umum, iaitu Yang Berhormat Dato' Shariff Omar menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada satu Usul depan saya, kita ambilkan Usul ini dahulu.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

5.43 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

5.44 ptg.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh dalam mengambil bahagian dalam perbahasan ini B.14 dengan Butiran 04000 - Kerajaan Tempatan. Tuan Pengerusi, pada ketika Kerajaan Negeri Selangor telah mencadangkan supaya Majlis Daerah Petaling, Majlis Daerah Hulu Langat dan Majlis Daerah Gombak akan dinaikkan taraf sebagai Majlis Perbandaran pada masa akan datang. Perkara yang telah disebutkan satu tahun lebih, sampai hari ini belum tahu lagi bilakah majlis-majlis daerah yang telah dicadangkan untuk dinaikkan taraf sebagai Majlis Perbandaran.

Sukacita saya menyokong bahawa Kerajaan Negeri Selangor untuk mencadangkan menaikkan taraf ini kerana mengikut arus pembangunan yang pesat di ketiga-tiga kawasan tersebut. Jadi, kalau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat keputusan supaya menaikkan taraf menjadikan majlis perbandaran akan datang, akan memberi perkhidmatan lebih berkesan lagi kepada rakyat di kawasan tersebut. Mungkin dapatlah membanteras masalah sosial seperti sentiasa mendengar kurang memuaskan untuk mengutip sampah-sarap, longkang dan parit sumbat oleh kerana kekurangan pembersihan dijalankan oleh majlis-majlis tempatan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil perhatian nama yang akan dinamakan ke atas Majlis Perbandaran di kawasan Subang Jaya, Serdang dan Puchong. Sekarang ini Majlis Daerah Petaling

meliputi dengan kawasan USJ, Puchong dan Serdang. Lepas itu, kalau naik taraf akan meliputi dengan Subang Jaya, dan dicadangkan supaya dijadikan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Pada pandangan saya, Subang Jaya telah wujud, namun di bawah jagaan MPPJ sekarang. Selepas itu diserahkan kepada Majlis Perbandaran akan datang.

Jadi, yang lebih sesuai namanya dicadangkan Majlis Perbandaran itu ialah Majlis Perbandaran Puchong, kerana Puchong merupakan satu kawasan baru dirancang oleh kerajaan negeri dengan pembinaan rumahnya 100,000 unit hingga 120,000 unit pada masa 5 tahun akan datang ini. Kawasan baru yang dekat dengan Putra Jaya dan dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang sangat sesuai dengan namanya majlis perbandaran itu dengan Majlis Perbandaran Puchong. Saya sebagai Wakil Rakyat kawasan tersebut dan ADUN kawasan Puchong, Yang Berhormat Tuan Haji Satim telah mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor melalui kerajaan negeri sampaikan kepada Kerajaan Pusat supaya Majlis Daerah Petaling ini akan dinamakan Majlis Perbandaran Puchong selaras dengan arus pembangunan yang sedang giat dijalankan di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, Butiran 07000 - Dasar Baru. Saya mengambil perhatian terhadap pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CF) di kawasan perumahan pada waktu ini. Saya mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan garis panduan untuk mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki bagi projek-projek perumahan telah diubah. Tetapi sampai hari ini kita tidak tahu cara mana garis panduan untuk mempercepatkan mengeluarkan sijil tersebut. Pada waktu ini masih terdapat rayuan-rayuan daripada penghuni-penghuni rumah untuk mendapat CF itu.

Sebagai contohnya, di kawasan saya terdapat beberapa projek perumahan selepas 4 tahun, walaupun pemilik-pemilik telah menduduki rumah tersebut, tetapi sehingga hari ini masih belum dapat CF. Contohnya, Taman Desa Baiduri. Kawasan perumahan ini dianggotai oleh anggota polis daripada Wilayah Persekutuan. Anggota-anggota polis telah menduduki rumah di kawasan tersebut selama 4 tahun, pada masa ini masih belum ada CF. Taman Ceras Utama juga 4 tahun tidak ada CF. Oleh kerana tidak ada CF, pemaju menggunakan pam meter untuk bekalan air. Tetapi oleh kerana pemaju tidak bayar bulanan kepada JBA, sudah potong, air putus.

Yang teruk sekali pada tahun ini semasa menjelang perayaan Hari Raya Puasa dan juga Hari

Raya Haji. Menjelang Hari Raya Haji, Jabatan Bekalan Air telah menjalankan tugasnya untuk memotong bekalan air. Jawatankuasa penduduk datang pukul 6.00 pagi, sebelum itu telefon saya minta Yang Berhormat tolonglah esok Hari Raya Haji, tidak ada air. Hendak sembelih lembu pun tak boleh untuk merayakan. Saya terpaksa meminta merayu kepada Pengarah JBA untuk pulihkan semula. Tetapi bagi tempoh 1 bulan, kalau tak ada CF, potong semula.

Tuan Pengerusi, tetapi sehingga hari ini saya sudah merayu kepada Majlis Daerah Hulu Langat dan mintalah - apa sebab C.F tidak dapat di keluarkan di dua kawasan tersebut walaupun sudah 4 tahun menduduki di situ. Dikatakan bahawa pemaju-pemaju tidak mengikut syarat-syarat tertentu. Tetapi dengan adanya garis panduan yang baru, yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan dengan pengeluaran sijil tersebut, saya mintalah pihak kerajaan dapat memberi penjelasan dengan lebih lanjut bagaimana untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh tentang rumah awam kos rendah. Kementerian telah mengumumkan bahawa ada cadangan kerajaan untuk menaikkan tahap kelayakan mendapat rumah kos rendah daripada gaji RM500 kepada RM750 sebulan. Ini memang langkah baik untuk memastikan supaya golongan yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah kos rendah, tetapi kalau kita berfikir, masih adakah keluarga di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu, dan Ipoh yang memperolehi pendapatan di bawah RM750 sebulan, jika suami isteri bekerja. Jadi, seperti gaji kerani rendah, pembantu pejabat dan juga tukang sapu/tukang kebun yang kebanyakannya sudah lebih dari RM500. Ada juga pekerja operator di kilang-kilang di mana gaji mereka RM1,000 sebulan. Nampaknya, bukan sahaja RM500 sudah tidak sesuai, malah RM750 sebulan juga sudah ketinggalan zaman dan tidak praktikal. Mintalah pihak kerajaan beri pandangan dalam perkara ini supaya rakyat yang berpendapatan rendah - mungkin berpendapatan lebih RM750 sebulan itu berilah kelayakan untuk memperolehi rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, juga terdapat sesetengah pembeli rumah kos rendah juga dapat membeli Proton Saga. Kalau beliau boleh memiliki kereta Proton Saga, maka bermakna gajinya lebih daripada RM1,000 sebulan. Maka apa rasionalnya berlaku demikian?

Tuan Pengerusi, jadi, saya mintalah pihak kerajaan memberi satu dasar yang tetap supaya tidak terdapat kekeliruan orang ramai terhadap perkara tersebut. Saya juga hendak menyebut perkara yang berkaitan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih Tuan Pertua. Satu ketika, Unit Perancang Ekonomi di JPM telah diarahkan untuk menjalankan kajian terhadap masalah setinggan. Pada waktu ini pun terdapat juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga menjalankan bancian mengenai masalah setinggan di seluruh negara. Saya minta, adakah bercanggah di antara Unit Perancang Ekonomi di JPM dan juga Kementerian Perumahan. Adakah sesuatu yang sama dalam perkara ini atau tidak? Saya minta penjelasan lebih lanjut diberikan supaya masalah setinggan di negara kita dapat dibuat satu rumusan atau bancian yang lebih tepat supaya tidak ada percanggahan antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, terima kasihlah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tambun.

5.56 ptg.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah tajuk Perancang Bandar dan Desa, terutama tentang Rancangan Tempatan dan Rancangan Struktur, saya ingin menyentuh tentang rancangan pembangunan yang dijalankan secara *ad hoc*. Saya dapati bahawa rancangan pembangunan yang telah dijalankan secara *ad hoc* merupakan masalah yang besar, yang sekarang terpaksa kita hadapi. Salah satu contoh kawasan perumahan yang terletak berhampiran dengan kawasan kilang dan terdapat juga di kawasan kilang projek-projek yang mengeluarkan asap serta bau yang menjejaskan alam sekitar, mengakibatkan para penduduk merasa tidak senang.

Jadi, dalam hubungan ini saya ingin membangkitkan pertanyaan kepada pihak kementerian, apakah perancangan mereka dari segi mengadakan master plan untuk pembangunan, kalau tidak diperingkat Parlimen, di peringkat daerah ataupun sekurang-kurangnya di setiap majlis tempatan mesti ada master plan supaya dapat dilaksanakan pembangunan secara terancang yang akan memberi kesan maksimum dari segi jangka panjang. Dengan adanya master plan kita dapat

menetapkan zon untuk kawasan perkilangan, perumahan, persekolahan, kawasan-kawasan ibadah, rekreasi dan sebagainya.

Di samping itu kita dapat menggunakan tanah dengan cara maksimum berdasarkan potensi kawasan-kawasan yang dibangunkan. Ada kawasan-kawasan yang mempunyai potensi ekonomi yang begitu tinggi telah digunakan untuk kawasan pendidikan ataupun kawasan-kawasan yang mempunyai potensi untuk perumahan digunakan untuk tujuan yang lain. Begitu juga saya lihat, kerana tidak adanya perancangan, terdapat kawasan-kawasan perumahan yang kependudukannya begitu padat mengakibatkan timbul masalah sosio-ekonomi serta masalah sosial, pada hal kawasan lapang di sesuatu kawasan itu masih banyak lagi.

Satu lagi masalah yang timbul ialah tentang pentadbiran kerajaan. Saya percaya jikalau diadakan master plan, maka mudah untuk kerajaan memberi perkhidmatan dengan cara yang lebih efektif dan efisien, bukan sahaja dari segi membuat keputusan - maksud saya dari segi membuat keputusan, ada kawasan-kawasan, jikalau telah dizonkan untuk perumahan dan di kawasan tersebut ada penanam sayur ataupun penanam limau, bila mereka mohon tanah tersebut, kerajaan boleh tolak permohonan dan pihak pertanian boleh berpindah ke kawasan pertanian. Ini tidak mengakibatkan masalah sosial dan masalah politik yang menjadi tekanan kepada kerajaan.

Begitu juga dengan koordinasi kerja, baik pihak JKR, JPS, TNB dan Telekom, boleh bekerjasama untuk menyalurkan perkhidmatan mereka agar pembangunan yang lebih saksama dapat dijalankan.

Saya juga ingin membangkitkan soal kemudahan kepada masyarakat di kawasan perumahan. Di dalam Belanjawan tahun ini terdapat peruntukan di mana kerajaan memberi insentif kepada pemaju-pemaju perumahan, di mana pendapatan mereka dipotong daripada pendapatan kasar untuk tujuan cukai, sumbangan-sumbangan yang berbentuk sumbangan kebajikan dan untuk projek-projek komuniti. Saya ingin menekankan di sini, jikalau boleh, pihak kementerian menggunakan kuasa serta pengaruh supaya tiap-tiap kawasan perumahan diadakan kemudahan-kemudahan masyarakat baik perpustakaan, dewan orang ramai mahupun surau, terutama perpustakaan.

Kita sedia maklum bahawa dalam kita menangani dan menghadapi abad 21, rakyat perlu mempunyai ilmu yang lebih banyak. Kita akan pergi ke era Information Technology (IT). Dalam zaman In-

formation Technology itu nanti, masyarakat akan terbahagi kepada dua, antara yang 'the have' dan 'the have not', dengan izin. Jadi, jikalau masyarakat negara kita tidak memiliki ilmu yang tinggi, mereka akan tergulung di kalangan orang-orang yang tidak berjaya. Dengan adanya perpustakaan, ini adalah sebagai langkah untuk kita meningkatkan tahap ilmu masyarakat kita.

Saya ingin pula menyentuh tentang tajuk Kerajaan Tempatan. Dalam kajian saya, terdapat perbezaan antara satu kerajaan tempatan dengan satu kerajaan tempatan berkenaan dengan kualiti kerja yang diberikan kepada masyarakat. Umpamanya, saya mengambil contoh antara bandar raya Kuala Lumpur dengan bandar raya Ipoh. Kualitinya berbeza. Prestasi bandar raya Ipoh lebih rendah daripada bandar raya Kuala Lumpur, walaupun masalah yang dihadapi oleh bandar raya Kuala Lumpur lebih besar daripada masalah yang di hadapi oleh bandar raya Ipoh. Dengan sebab itu, terdapat masalah infrastruktur, masalah lalu lintas, banjir serta tempat-tempat kemudahan dan keperluan masyarakat yang tidak dipenuhi oleh bandar raya Ipoh.

Saya difahamkan ini adalah akibat daripada, pertama perbezaan jumlah budget yang diberikan, bilangan kakitangan yang tidak saksama serta peralatan dan kelengkapan yang berbeza di antara kedua-dua badan tersebut. Berkaitan dengan Dewan Bandaraya Ipoh, saya ingin membangkitkan isu koordinasi kerja. Apabila berlaku banjir, Dewan Bandaraya mengatakan, ini masalah Pejabat Tanah, kemudian Pejabat Tanah pula kata, ini masalah JPS - sehinggakan masalah-masalah banjir ini tidak diambil tindakan langsung kerana tidak ada seorang yang bertanggungjawab mengatakan bahawa ini adalah masalah dia.

Begitu juga dengan lampu jalan. Ada di satu kawasan di Ipoh yang dipanggil Taman Keledang Jaya. Jalan masuk telah diminta oleh penduduk supaya diadakan lampu jalan. Pihak Majlis Bandaraya kata ini JKR punya jalan dan menjadi tanggungjawab JKR. JKR kata ini majlis bandar raya punya tanggungjawab, majlis bandar raya patut ambil tindakan. Pada hal, daripada permohonan yang dibuat oleh penduduk sehingga sekarang, banyak kematian yang telah berlaku di kawasan tersebut. Perbelanjaan untuk mengadakan lampu jalan tidak banyak, tetapi menjadi masalah kerana masalah koordinasi tersebut. Begitu juga dari segi soal jalan.

Jadi, saya berharap bahawa pihak kementerian dapat mengatasi masalah ini. Jadikan bandar raya sebagai 'one stop agency' supaya mudah untuk

diselaraskan kerja-kerja. Perkara yang berkaitan dengan Dewan Bandaraya Ipoh ialah soal pembuangan sampah yang pada masa ini masih mengamalkan konsep kawasan sampah yang terbuka dan membakar sampah. Tempat pembakaran sampah ini adalah dalam kawasan saya. Bersebelahan dengan kawasan perumahan, terdapat lebih kurang 3,000 unit rumah yang terdiri daripada lebih kurang 15,000 penduduk. Saya berharap perkara ini dapat diperhatikan oleh Kementerian agar satu sistem yang baik dapat dilaksanakan.

Satu lagi perkara tentang Dewan Bandaraya Ipoh ialah tentang kampung-kampung Melayu. Ini pernah saya bangkitkan. Kampung-kampung Melayu di bawah Majlis Bandaraya Ipoh masih lagi tidak mempunyai lampu jalan, sistem perparitan, perkhidmatan pembersihan, dewan orang ramai dan masalah landscaping. Pada hal tiap-tiap kampung ini membayar cukai tafsiran pada setiap tahun, tetapi masih lagi menghadapi masalah-masalah tersebut. Mengikut kata majlis bandar raya bahawa jumlah kewangan yang diperlukan lebih kurang RM50 juta tetapi yang diperolehi tidak seberapa juta, dengan itu masalah ini tidak dapat diatasi oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah tentang pelan struktur Ipoh. Pelan ini telah dipamerkan kepada penduduk pada tahun 1984. Saya difahamkan sehingga sekarang belum lagi diluluskan. Kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit untuk tujuan pelan struktur Ipoh ini tetapi tidak mempunyai kesudahan. Apa yang menjadi masalah, di bawah pelan struktur Ipoh, kawasan-kawasan tanah telah dizon mengikut keperluan kawasan tersebut. Saya tidak tahu sama ada tidak diluluskan atau pun sengaja dibuat oleh pihak kerajaan, kawasan yang dizonkan untuk pertanian diambil untuk membuat perumahan. Dalam keadaan yang begini, apakah langkah yang harus diambil oleh Kementerian. Kalau kawasan telah dizonkan untuk pertanian umpamanya, adakah patut dijadikan kawasan perumahan? Jadi, tidak ada guna kita mempunyai satu pelan struktur. Saya berharap bahawa pihak Kementerian dapat menyiasat akan perkara ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir.....

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, saya tahu. Itu fasal yang terakhir. Soal perumahan. Satu perkara sahaja. Dalam masa orang-orang miskin untuk memiliki rumah, saya dapati bahawa dengan kita mengadakan rumah kos rendah

berharga RM25,000 pun, banyak di kalangan rakyat yang tidak mampu, walaupun pendapatan mereka RM700 hingga RM1,000 tetapi dengan kos sara hidup yang begitu tinggi dan anak yang ramai, mereka tidak mampu untuk membeli rumah. Maka mereka duduk sebagai setinggan. Salah satu jalan yang saya fikir elok dijalankan oleh kerajaan ialah dengan mengadakan perumahan awam. Di adakan 'leasing and by-back system' yang membolehkan mereka untuk memiliki rumah dari segi jangka panjang ataupun salah satu lagi cara ialah dengan mengadakan konsep pemberian tanah dan infrastruktur. Penduduk hanya membayar lebih kurang RM7,000 dan rumah dibina cara sendiri ataupun apa yang dipanggilkan sebagai perancangan perkampungan tersusun. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Senai.

6.06 ptg.

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya cuba habiskan ucapan saya dalam masa 3 minit. Saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 14 - Butiran 00400 - Perparitan Bandar Pihak Berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi, kini terdapat banyak kawasan di pihak penguasa tempatan terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Muar, Batu Pahat dan Johor, termasuk kawasan saya di Kulai yang kerap mengalami banjir kilat semasa atau selepas hujan lebat. Kejadian banjir kilat dikaitkan dengan pembangunan pesat di sesuatu kawasan. Di kebanyakan kawasan pembangunan pihak pemaju telah tidak memberi keutamaan kepada penyediaan sistem perparitan yang mencukupi terutamanya ketika kerja-kerja tanah dijalankan.

Tuan Pengerusi, sistem perparitan yang telah lama dibina telah tidak mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung air yang terhasil dari sesuatu kawasan pembangunan. Di samping itu kerosakan yang berlaku kepada perparitan juga menyekat pengaliran air dan menyebabkan penakungan air tersebut. Pembangunan dan kemasukan sampah sarap ke dalam parit dan longkang turut menghalang pengaliran air dan boleh menyebabkan banjir kilat, terutamanya, ketika musim hujan.

Maka, saya dengan ini ingin membuat beberapa cadangan kepada pihak Kementerian. Adalah dicadangkan supaya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menambahkan peruntukan

bagi menyelenggara parit dan longkang kepada semua pihak penguasa tempatan kerana projek-projek seumpama ini memang memerlukan satu peruntukan yang besar. Sebagai contohnya, projek untuk mengelakkan banjir di Pekan Kulai, peruntukan sejumlah RM7 juta diperlukan. Jadi, jikalau Kerajaan Persekutuan tidak sanggup memberi pertolongan, sudah tentu rakyat jelata di sesuatu tempat itu akan menghadapi masalah.

Tuan Pengerusi, di samping itu pemaju adalah dikehendaki membina sistem perpartian yang sempurna bagi memastikan pemaju melaksanakan syarat-syarat yang ditentukan, maka kerajaan digesa mempertingkatkan tenaga kerja di pihak penguasa tempatan agar menambah kakitangan teknikal dan profesional untuk meningkatkan keupayaan pihak penguasa tempatan dalam menguatkuasakan kawalan pembangunan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ipoh Timor.

6.09 ptg.

**Tuan Chang Kon You [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang saya hendak sentuh ialah tentang penswastaaan perkhidmatan pembetulan.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa penyemakan semula kadar tarif untuk semua kategori pengguna, ini adalah dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi sebelum ia dibawa ke Jamaah Menteri untuk mendapat persetujuan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional amat prihatin dan peka akan masalah dan kehendak rakyat keseluruhannya.

Indah Water Konsortium (IWK) telah mengambil alih 3,300 buah loji rawatan najis, 86 buah stesen pam dan 2,798 kilometer rangkaian paip pembetulan daripada 84 buah pihak berkuasa tempatan.

Kakitangan IWK kini berjumlah lebih kurang 1,368 orang. Sehingga 30hb. April, 1996, IWK telah membelanjakan sebanyak RM185.6 juta untuk menyelenggarakan sistem-sistem pembetulan awam iaitu sebanyak RM52.6 juta untuk pembinaan sistem-sistem baru dan juga sebanyak RM32.6 juta untuk peralatan dan peralatan sokongan pembetulan.

Tuan Pengerusi, IWK dalam mengemukakan cadangan tarif barunya telah memberikan kepastian bahawa peruntukan perancangan dan pelaksanaan bagi projek kapitalnya untuk fasa I tidak akan berubah seperti yang terkandung dalam syarat dan

terma perjanjian konsesi. Adalah dijangkakan bahawa kadar tarif baru akan mula dilaksanakan pada awal tahun depan iaitu 1997.

Sebelum itu, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dalam usaha menyusun semula kadar tarif yang baru. Antara lain ialah pertama, kadar tarif baru haruslah tidak membebankan rakyat iaitu para pengguna IWK. Kadar tarif baru ini harus dapat diterima secara keseluruhan oleh rakyat jelata. Sekiranya kadar tarif terlalu tinggi, bukan sahaja ia akan menyusahkan rakyat, malah juga ia akan mengakibatkan kadar inflasi yang tinggi.

Yang kedua, kadar tarif baru haruslah mudah difahami dan tidak merumitkan seperti yang dahulu menggunakan formula yang merumitkan. Jadi saya cadangkan bahawa kadar tarif yang baru ini mestilah mudah difahami. Misalnya, untuk sektor isi rumah, satu kadar tetap atau 'a fixed rate', dengan izin, harus digunakan. Misalnya, rumah kos rendah dikenakan katakan RM1 ataupun RM2 sebulan. Sektor isi rumah boleh dikelaskan kepada kawasan rumah kos rendah, kawasan kampung tradisional, kampung baru dan estet, kawasan taman perumahan dan kawasan kediaman mewah.

Jadi, kadar tarif yang tetap atau 'a fixed rate' dengan izin, perlu dikenakan kepada setiap jenis rumah mengikut kemampuan mereka. Untuk sektor komersial pula, kadar tetap dikenakan atas satu had penggunaan air yang minimum dan selebihnya dikenakan kadar tarif tambahan mengikut isi padu air yang telah digunakan. Ini cadangan saya.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, IWK patut membersihkan 'oxidation pond' dengan izin, setiap isi rumah apabila diminta dan tidak terhad hanya sekali pembersihan dalam masa dua tahun sahaja. Maksud saya ialah kalau isi rumah minta, patut dibersihkan dan pada kebiasannya isi rumah dia tidak minta banyak kali, dalam satu, dua tahun, biasanya 2 kali sahaja satu tahun. Kadangkala, isi rumah memerlukan dua kali pembersihan dalam tempoh dua tahun, saya minta kerajaan boleh benarkan tanpa mengenakan caj tambahan. Itu maksud saya.

Yang keempat, pembayaran kadar tarif patut mula dikira pada awal tahun depan apabila sistem kadar tarif baru mula dikuatkuasakan. Ini bermakna, wang yang telah dibayar oleh para pelanggan sebagai pembayaran tarif pada masa dahulu, mana-mana yang sudah bayar patut dikreditkan kepada para pelanggan apabila sistem baru mula dilaksanakan.

Yang kelima, IWK haruslah mempertingkatkan mutu perkhidmatannya dari masa ke semasa supaya orang awam dapat melihat secara langsung perkhidmatan yang telah diberikan oleh IWK. Dan di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada IWK kerana dari pengamatan saya, 'from my observation', dengan izin, IWK memang sudah berusaha dengan gigih ke arah peningkatan mutu perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, sesungguhnya perkhidmatan IWK adalah penting dalam usaha kita menghasilkan satu persekitaran yang bersih, indah dan ceria menjelang tahun 2020. Usaha IWK juga mustahak di samping berperanan untuk meningkatkan mutu dan taraf kesihatan rakyat dan negara. Kita harap IWK dapat melaksanakan misi dan visi yang penting itu berdasarkan konsep perkhidmatan yang efisien, cemerlang dan bertanggungjawab kepada masyarakat sama ada di bandar mahupun diceruk-ceruk rantau pedalaman di seluruh negara. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Cheras.**

**6.16 ptg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja. Yang pertama, di bawah Butiran 030000 Perumahan dan 030100 Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Saya ingin membangkitkan masalah caj penyelenggaraan bangunan kediaman yang dikenakan ke atas para pembeli dan pemilik rumah oleh para pemaju. Selain caj penyelenggaraan, ia dikenali juga dengan nama fee perkhidmatan. Apa yang berlaku ialah pada masa ini tidak ada kawalan tegas dan tertentu oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh kerana para pembeli dan pemilik rumah merasa tidak berpuas hati, maka keraplah berlaku pertikaian antara pembeli dan pemaju.

Saya mendapati pengenaan caj ini sungguh meluas khususnya kawasan bandar yang mana tanah untuk tujuan pembinaan kediaman sangat kurang dan bangunan-bangunan kediaman serta premis perniagaan terpaksa dibina berbilang tingkat. Seperti yang kita maklum bahawa hanya kawasan awam perkhidmatan asas dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan seperti kutipan sampah sarap, memotong rumput, pembersihan longkang, memperbaiki jalan yang rosak, lampu jalan dan sebagainya.

Dalam kawasan perumahan yang dibina secara berbilang tingkat, walaupun kawasan perumahan itu telah diserahkan oleh pemaju kepada pihak berkuasa tempatan, tetapi kawasan keliling tingkat dan unit adalah kawasan bersama atau 'common area' yang masih dikendali oleh perbadanan pengurusan. Apa yang berlaku sebelum surat hak milik strata dikeluarkan oleh Jabatan Tanah bagi sesuatu unit kediaman bertingkat, maka pemaju perlu menguruskan bangunan dan ia boleh mengutip caj atau fee bagi perkhidmatan penyelenggaraan yang dijalankan. Malangnya, kadar caj atau fee ini dikenakan ke atas para pembeli dan pemilik biasanya tinggi dan kadangkala sesuka hati pemaju sahaja. Kadar caj dan tempoh kutipan yang perlu dilakukan oleh pemaju adalah bebas dan tanpa dikawal.

Tuan Pengerusi, dengan sebab itu sering timbul masalah mengenai kedudukan di mana pemaju didakwa mengutip bayaran terlalu tinggi, sedangkan prestasi perkhidmatan penyelenggaraan yang disediakan oleh pemaju sungguh merosot dan mengecewakan. Akibatnya, ramai penghuni enggan membayarnya dan oleh kerana ramai penghuni enggan membayar, maka pemaju gagal memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Ini menimbulkan keadaan yang tidak selesa di kawasan-kawasan perumahan.

Dalam perjanjian jual beli, terdapat peruntukan bahawa pemaju boleh mengutip caj penyelenggaraan, ada yang menyebut kadarnya sekali, ada yang tidak. Biasanya, selepas rumah siap dan pembeli pergi mengambil kunci rumah, beliau dipaksa membayar secara pendahuluan caj penyelenggaraan selama 6 bulan atau 12 bulan ataupun 24 bulan kepada pemaju. Ini perbuatan yang tidak adil dan membebankan para pembeli yang miskin. Kemudian dalam tempoh setahun atau dua selanjutnya pemaju akan menaikkan kadar caj penyelenggaraan itu ikut suka kerana tidak adanya kawalan tentang caj penyelenggaraan yang sepatutnya boleh dikutip oleh pemaju. Banyak kes berlaku di mana para pembeli tidak boleh membuat apa-apa walaupun hati kecil mereka membantah terhadap kadar caj yang tinggi, tidak berpatutan.

Tuan Pengerusi, sebagai wakil rakyat kawasan bandar yang terdapat bangunan berbilang tingkat. Baik bangunan kos rendah, sederhana dan kondominium, saya sering menerima aduan-aduan daripada pemilik-pemilik mengenai layanan kasar pemaju kerana mengenakan mereka caj penyelenggaraan yang tidak berpatutan.

Saya pernah merujuk beberapa kes masa lalu, mengenai ketidakadilan pemaju ini ke atas penghuni serta meminta bantuan kementerian tetapi pihak kementerian tidak berbuat apa-apa untuk menyelesaikan masalah kerana mereka tidak ada kuasa undang-undang untuk mengurus dan menyelesaikan aduan. Saya juga difahamkan bahawa wakil-wakil rakyat kawasan bandar yang lain selalu menerima aduan seperti ini. Jika pemaju bersikap adil dan bertolak ansur, maka bolehlah diselesaikan secara baik tetapi bukan semua pemaju bersikap seperti itu.

Jika pemaju tidak mahu bekerjasama, tiada sikap positif terhadap masalah maka kes-kes ini berlarutan tanpa kesudahan dan penyelesaian. Banyak bangunan berbilang tingkat dalam Kuala Lumpur, Selangor dan di mana-mana menghadapi keadaan gawat dan berada dalam keadaan yang mengecewakan.

Tuan Pengerusi, saya menyambut baik pengumuman kementerian pada akhir tahun lalu, bahawa kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang yang berdasarkan pengalaman kerajaan Singapura untuk mengawal pengurusan caj penyelenggaraan bangunan berbilang tingkat di sana. Tetapi sehingga kini, saya belum mendengar apa-apa perkembangan positif lagi. Saya tidak tahu bilakah undang-undang kawalan tersebut akan menjadi kenyataan.

Saya ingin menyeru kementerian supaya memberitahu Dewan ini, apakah kemajuan yang telah dicapai berhubung cadangan ini? Dan saya harap, pihak kementerian tidak melengah-lengahkan perkara ini. Saya ingin mencadangkan satu badan khas ditubuhkan bagi menerima dan menimbangkan permohonan para pemaju untuk mengutip caj penyelenggaraan. Dan sebelum diluluskan, badan itu hendaklah berpuas hati bahawa tahap perkhidmatan pemaju adalah baik dan memuaskan supaya caj yang dikutip adalah seimbang dengan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh pemaju. Apabila badan ini menerima aduan penghuni, mereka haruslah menjalankan siasatan.

Tuan Pengerusi, sekarang kita bercita-cita hendak menjadi negara maju dan masyarakat madani. Malangnya terdapat rakyat kita yang tinggal di bangunan-bangunan berbilang tingkat yang berada dalam suasana yang tidak bertamadun, khususnya di rumah pangsa kos rendah di mana keadaan kesihatan tempat dan kebersihan serta kemudahan asas lebih teruk dan buruk walaupun terletak dalam bandar. Maka kementerian patut menyegerakan

usaha-usaha untuk menggubal undang-undang dan peraturan berkaitan.

Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan 16, Butiran 040000, Operasi Kebombaan. Saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai satu kejadian kebakaran pada 15hb. November lalu, lebih kurang jam 3.00 pagi yang telah memusnahkan rumah setinggan kepunyaan 20 keluarga di Jalan Peel, Kuala Lumpur iaitu di kawasan saya. Saya berada di tempat kejadian sebelum 4.00 pagi tatkala api sedang marak menyala dan lebih kurang jam 6.00 pagi, api dapat dipadamkan oleh pihak bomba.

Terima kasih kepada pihak bomba kerana bertungkus-lumus memadam api dan mengawal kebakaran. Saya memang bersetuju bahawa jika tidak ada pasukan bomba di situ dan nasib baik tidak ada tiupan angin - barangkali lebih banyak rumah akan musnah hangus terbakar kerana kawasan setinggan tersebut sangat padat dan rumah berkeadaan rapat. Akan tetapi, saya terpaksa timbulkan satu perkara yang pernah ditimbulkan di Dewan ini pada masa yang lalu, mengenai tingkah laku sebahagian kecil anggota bomba yang tidak bertanggungjawab dan bersikap tamak yang meminta wang dari mangsa-mangsa kebakaran semasa mereka sedang bertugas memadamkan api.

Saya banyak menerima aduan daripada mangsa yang mana mereka kena bayar wang kepada anggota-anggota bomba, sebelum mereka memancarkan air ke rumah mereka bagi mengelakkan api menyambar rumah mereka. Ada duit ada air, tiada duit tiada air.

Ini kisah benar, Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta gulung.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, saya gulungkan. Sungguhpun tidak ada siapa pun yang ke hadapan membuat laporan mengenai kelakuan segelintir anggota-anggota bomba.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Nak bagi jalan ke tidak?

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya tidak ada masa, sabarlah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Dua saat sahaja. Minta penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sila ikut apa yang akan saya ucapkan nanti.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tidak boleh.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ini tuduh.

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan tuduhan palsu. Sudah banyak kali perkara ini ditimbulkan di Dewan ini.

**Tuan Pengerusi:** Dia membuat ucapan. Biarlah menteri menjawab.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, saya setuju adalah satu kesalahan bagi mana-mana orang merasuah anggota-anggota bomba bagi meminta mereka menyemburkan air menggelakkan kebakaran di rumah mereka. Sungguhpun hal ini banyak kali dibangkitkan di Dewan ini tetapi masih tidak ada perubahan. Saya timbulkan sekali lagi, dengan harapan perkara ini tidak berulang lagi.

**Tuan Pengerusi:** Cukup, Yang Berhormat. Cukup.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ingin membuat sedikit cadangan mengenai masalah yang sama.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah. Batu.

7.28 ptg.

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Kluang, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang saya untuk membahas. Sebenarnya saya ada tiga perkara, Tuan Pengerusi. Sebab masa tidak mengizinkan, saya rasa cuma bangkitkan satu subjek sahajalah. Iaitu di bawah Butiran 015000 bawah tajuk Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, kalau kita baca Rancangan Malaysia Ketujuh sejumlah 550,000 unit rumah awam kos rendah akan dirancang untuk dibina. Dan bagi mempercepatkan lagi pembinaan rumah kos rendah, kerajaan menubuhkan Syarikat Perumahan Negara dan menyediakan peruntukan sejumlah RM1.1 bilion ringgit sebagai dana untuk pembinaan rumah awam kos rendah. Dan selain daripada itu, sejumlah RM500 juta disediakan sebagai pinjaman mudah kepada pemaju perumahan bagi membina rumah awam kos rendah pada kadar faedah cuma 2 peratus.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan atas usaha untuk membantu pembinaan rumah awam kos rendah. Sehubungan ini saya ingin membangkit tiga perkara mengenai pembinaan rumah awam kos rendah.

Pertama, saya ingin meminta pihak kerajaan khususnya kementerian, apabila membina rumah awam kos rendah harus juga mengambil kira budaya rakyat Malaysia iaitu pemilik rumah akan mempunyai anak perempuan dan anak lelaki. Jadi, dari segi tatatertib, sudut agama dan adat kekeluargaan yang lebih baik maka sudah sampai masanya, kerajaan harus membina semua rumah awam kos rendah yang mempunyai tiga bilik serta mempunyai keluasan yang agak selesa dan bermutu.

Kedua, mengenai kualiti dan reka bentuk rumah awam kos rendah ini, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih atas statement Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam, apabila beliau merasmikan satu simposium arkitek antarabangsa yang bertemakan "Kediaman Unggul Perspektif Abad Ke-21".

Beliau menegaskan bahawa, bukan sahaja harga rumah awam kos rendah harus dikawal bahkan juga kualiti dan reka bentuknya. Saya mengalu-alukan cadangan untuk mewujudkan Kerusi Pengajian Perumahan untuk menjalankan kajian bagi satu reka bentuk yang standard untuk rumah-rumah kos rendah.

Selain daripada itu, pada hemat saya kementerian harus mengarah kepada semua pihak berkuasa tempatan iaitu majlis-majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah supaya dapat menyediakan satu standard pelan bagi permohonan pembinaan tambahan rumah awam kos rendah, di depan dan belakang rumah, apa yang dikatakan porch dan dapur. Sekarang mereka harus melalui arkitek untuk memohon kepada pihak berkuasa tempatan dan ia memerlukan satu kos pembayaran yang agak tinggi.

Jadi, dengan adanya standard pelan ini, ia bukan sahaja akan meringankan beban pemohon bahkan setiap kawasan rumah kos rendah nampak lebih tersusun dan teratur.

Yang ketiga, mengenai sistem pendaftaran terbuka berkomputer bagi pengagihan rumah awam kos rendah ini. Seperti yang diterangkan oleh kementerian, tujuan menggunakan sistem pendaftaran terbuka berkomputer adalah untuk memastikan pemilihan dan pengagihan rumah awam kos rendah dilaksanakan dengan lebih adil dan saksama serta menepati kumpulan sasaran.

Jadi, tiga perkara utama yang diberikan penekanan dalam sistem ini iaitu pendaftaran terbuka, sistem pemberian markah serta penilaian dan pemilihan melalui komputer.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu sama ada seorang pemohon yang layak mendapat rumah awam kos rendah ini, tetapi oleh kerana unit rumah yang dibina tidak mencukupi, maka mereka terpaksa menunggu dalam waiting list, dengan izin, dan sama ada mereka akan diberi keutamaan apabila kali pertama, kali yang kedua sehingga kali yang ketiga apabila mereka ditemuduga.

Jadi, saya minta pihak kerajaan supaya pemohon-pemohon seumpama ini patut diberi keutamaan. Setakat ini saya ingin bertanya, berapa buah negeri telah dilaksanakan melalui sistem pendaftaran terbuka berkomputer? Adakah sistem ini disambung secara on-line sebab mungkin melalui cara on-line ini, semua negeri mendapat maklumat mengenai pemohon-pemohon tersebut dan ini dapat mengelakkan setengah orang yang mungkin mengambil kesempatan untuk memiliki rumah awam kos rendah di beberapa negeri.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya, selain daripada komitmen kerajaan pusat bagi meningkatkan jumlah rumah yang berkualiti untuk dimiliki oleh majoriti rakyat di negara kita, kerjasama dan sokongan kerajaan negeri dan juga pihak pemaju sangatlah perlu untuk memastikan matlamat pembinaan rumah awam kos rendah di negara kita tercapai.

Jadi, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya cuma ingin hendak bertanya satu perkara lagi iaitu tentang sudah lama timbul Majlis Daerah Kluang Utara di negeri Johor iaitu di kawasan saya dibangkitkan supaya akan dinaikkan taraf sebagai Majlis Perbandaran. Jadi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah Majlis Daerah Kluang Utara ini akan dinaiktaraf sebagai Majlis Perbandaran?

Jadi, itu sahajalah dua perkara yang saya ingin bangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Balik Pulau.

6.35 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.14, Butiran 030000 - Perumahan.

Apabila seseorang hendak membeli rumah, dia kena isi dan menandatangani Perjanjian Jual Beli di antara pembeli dengan penjual. Di antara syarat-syarat yang dikenakan ialah selepas kita membayar 10%, maka pembeli dikehendaki membuat bayaran berperingkat mengikut kemajuan projek sehingga siap projek tersebut membayar 100%.

Apabila si pembeli gagal memenuhi bayaran berperingkat mengikut kemajuan projek, maka seperti yang dituntut dalam Perjanjian Jual Beli tersebut, pemaju boleh mengenakan faedah ke atas amaun yang tertangguh itu. Proses untuk pemaju menjalankan tuntutan seperti yang ada di dalam perjanjian itu adalah secara pentadbiran, senang sahaja.

Secara automatik, apabila pembeli gagal membayar katakan 15% apabila rumah sudah siap 25%, tambahan daripada 10%, maka secara pentadbiran sahaja tuntutan ke atas pembeli itu dapat dilaksanakan oleh penjual. Samalah juga kalau pembeli meminjam dari bank. Tuntutan ke atas pembeli itu, peminjam kalau terlewat bayar, caj faedah itu dikenakan secara automatik.

Tetapi, dalam Perjanjian Jual Beli ini, ada juga tuntutan ke atas penjual. Penjual ataupun pemaju misalnya, dua tahun dari tarikh Perjanjian Jual Beli tersebut ditandatangani, sepatutnya pemaju menyerahkan kepada pembeli rumah yang sudah siap. Tetapi jika perkara tersebut tidak berlaku, susah untuk pembeli untuk menuntut haknya seperti yang ada di dalam Perjanjian Jual Beli secara pentadbiran.

Selalunya, apa yang berlaku, tambahan pula sekarang ini apabila pasaran hartanah begitu rancak, terdapat banyak kes di mana pembeli bila sampai tempoh 2 tahun selepas ditandatangani Perjanjian Jual Beli itu, rumah itu tidak siap lagi ataupun ada masalah dari segi pemaju itu memenuhi syarat-syarat teknikal kerajaan tempatan atau sebagainya, maka pembeli tadi tidak boleh hendak buat apa. Dia pergi kepada pemaju, pemaju kata, "Okay".

Kadang-kadang ada pemaju yang bekerjasama, di kata, "Tak apalah, kita bayar in kind, tidak bayar tunai". Maknanya dia kata tadi, tak apa, kita tambah mozek di dalam bilik sebagai ganti rugi kepada itu. Tetapi untuk pembeli sebenarnya menuntut haknya di dalam Perjanjian Jual Beli ini amatlah susah.

Kadang-kadang ada pemaju pula kata, kelewatan untuk dia menyerahkan itu bukan sebab dia, tetapi jabatan kerajaan itulah yang lewat dan sebagainya. Jadi, susah. Kadang-kadang pemaju kata, "Kalau tak setuju, pergi court". Jadi, amatlah tidak adil dalam keadaan sebegini apabila satu pihak dalam perjanjian untuk dia menuntut haknya dia kena pergi sampai ke mahkamah. Manakala, pihak yang satu lagi, pihak penjual, apabila dia hendak menuntut hak ke atas yang satu lagi, dia boleh buat secara pentadbiran sahaja atau secara automatik. Ini satu keadaan yang berlaku dengan banyaknya.

Oleh kerana perkara ini berlaku, maka saya ingin mencadangkan kepada kementerian ini supaya kalau tidak silap saya, Akta Pemaju Perumahan dipinda supaya semua pemaju apabila diluluskan diberi kebenaran oleh kementerian untuk melaksanakan projeknya setelah melalui kerajaan tempatan dan sebagainya, dia kena meletakkan satu amaun atau dana indemnity atau gantirugi yang dipegang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya apabila berlaku kes macam saya kata tadi, apabila pemaju tersebut terlewat untuk menyerahkan rumah itu kepada pembeli seperti yang dijanjikan dalam Perjanjian Jual Beli, maka tidak perlu lagi pembeli hendak pergi mahkamah bertengkar di sana sini dan sebagainya, dia terus boleh pergi menuntut kepada kementerian untuk mendapat panggunya seperti yang dijanjikan dalam perjanjian tersebut daripada dana yang tersebut. Kita tidak tahu sama ada hendak sebut indemnity fund atau pun apa.

Ini seperti juga dana yang ada pada Suruhanjaya Sekuriti sepertimana dalam Stock Brokerage Industry sepertimana ia ada indemnity fund yang mana ia menjamin semua pembeli kontrak supaya apa juga terjadi kepada broker tersebut, dapat dibayar balik apa-apa kerugiannya.

Jadi, saya mencadangkan supaya berlaku keadilan di dalam kes-kes seperti ini supaya dipinda Akta Pemaju Perumahan tadi seksyen yang berkenaan supaya diwujudkan satu tabung indemnity atau gantirugi yang mana memberi keadilan kepada kedua-dua pihak dalam proses jual beli ini tadi. Kalau tidak, ia menyenangkan pemaju atau penjual, tetapi amat menyusahkan pembeli untuk menuntut haknya dalam perjanjian tersebut.

Perkara yang kedua....

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Tanjung Karang.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Sekejap sahaja.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapatkan pandangan dari sahabat saya mengenai cadangan tadi, adakah Yang Berhormat setuju kalau kita juga mencadangkan supaya pihak kementerian menyelaraskan Perjanjian Jual Beli ini dengan perjanjian pinjaman? Ini kerana kita dapati isi kandungan perjanjian pinjaman dengan kandungan Perjanjian Jual Beli rumah ini tidak selari.

Sebagai contoh, tuntutan berperingkat yang dibuat oleh pihak pemaju kepada pembeli tidak selaras dengan bayaran berperingkat yang diberi

oleh institusi kewangan. Oleh kerana ada percanggahan ini, kita dapati pihak yang memberi pinjaman ini tidak hendak bayar selagi tuntutan yang dibuat itu tidak selaras dengan mengikut perjanjian pinjaman. Jadi, oleh kerana pinjaman jual-beli, pinjaman ini tidak selaras, jadi adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita cadangkan supaya diselaraskan kedua-dua perjanjian ini?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih Yang Berhormat dari Tanjung Karang. Jadi, ini satu lagi perkara supaya, selalunya tidak ada orang beli rumah cash supaya diselaraskan masalah ini. Apabila disebut perjanjian jual-beli ini, saya juga teringat satu lagi masalah. Perjanjian jual-beli ini, kebanyakan ini mungkin bukan masalah kementerian, tetapi boleh diselesaikan oleh kementerian. Perjanjian jual-beli ini kebanyakannya yang saya tengok, dibuat dalam bahasa Inggeris. Bila ada pembeli-pembeli yang ada masalah datang berjumpa saya. Jadi, sudahlah bahasa Inggeris, legal punya language, dia pun jadi tak faham. Ini satu keadaan yang sepatutnya saya bangkitkan dalam masa JPM iaitu di bawah Peguam Negara. Sepatutnyalah sampai 40 tahun merdeka, perjanjian jual-beli ini bolehlah juga kita tulis dalam Bahasa Malaysia supaya orang faham Bahasa Kebangsaan itu sendiri.

Perkara yang kedua, B.16, 040000 - Kebombaan. Ini sedikit pertanyaan sahaja, kita lihat dalam P.16 ada balai bomba RM30 juta lebih, kelengkapan kereta bomba RM29 juta lebih. Ini saya hendak bangkitkan di kawasan saya, di kawasan perindustrian Bayan Lepas, satu kawasan yang mempunyai kilang yang begitu banyak dan kawasan bandar Bayan Baru dan sebagainya, sebenarnya kawasan itu tidak ada balai bomba. Kecuali ada satu balai bomba yang ada satu enjin. Jadi, sebagai pertanyaan saya ingin bertanya sama ada dalam Belanjawan tahun ini ataupun dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti ada rancangan untuk kita mewujudkan balai bomba ini?

Perkara yang berikut P.14, 01500 - Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Ini kerajaan negeri punya kuasa. Sekarang ini apabila ada pemohon untuk rumah kos rendah awam ini, apabila dia lihat dari segi kelayakan, kebanyakan ia letak syarat sudah berkahwin, pendapatan dan sebagainya, tak memiliki rumah langsung. Tetapi masalah takrif milik rumah ini menimbulkan sedikit masalah, sebab ada ramai orang terutamanya dalam kampung, dia memang memiliki rumah itu, ada nombor, dia bayar cukai assessment, tetapi rumah itu bukan duduk

atas tanah dia. Dia practically land tenant. Tetapi status dia sebagai land tenant mengecualikan dia daripada layak untuk membeli rumah kos rendah. Jadi, itu menimbulkan masalah kerana dia sebenarnya adalah masuk dalam golongan yang sepatutnya layak memohon rumah kos rendah, tetapi oleh sebab dia ada rumah, rumah kampung buruk, ada nombor dan dia bayar cukai pintu bertahun-tahun, maka bila dia check dalam komputer nanti, dia dikira sebagai orang yang sudah pun memiliki rumah. Jadi, dia dikecualikan dikira sebagai tidak layak untuk memohon rumah kos rendah.

Jadi, antara perkara-perkara yang patut di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melihat semula dalam pada kita mengemaskan lagi pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah ini ialah melihat kepada syarat-syarat yang dikenakan, selain daripada perkara-perkara yang disebut tentang tahap pendapatan dan tahap tingkat harga dan sebagainya. Ada masa lagi?

Perkara yang berikut ialah B.14, 070000 - Dasar Baru. Banyak kita dengar dalam satu jam yang lepas perbincangan tentang kementerian ini ditimbulkan perkara-perkara yang mana seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun tadi, yang mana dari segi penyelesaian ataupun penentuan pihak yang bertanggungjawab tentang apa juga masalah yang ada on the ground ini selalunya susah hendak cari satu pihak yang mana betul-betul mengaku ini tanggungjawab saya dan masuk dalam bidang kuasa saya dan saya hendak selesaikan benda ini. Saya rasa sebenarnya permasalahan ini timbul oleh sebab sekarang ini apabila negara sudah makin jadi lebih urban, maka pertindihan bidang kuasa di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan semakin banyak dan semakin kabur sebenarnya sebab ada pertindihan-pertindihan yang tersebut.

Jadi, saya ingat ini satu masalah yang umum. Jadi, untuk kita mendapat satu penyelesaian yang jelas, bukan sahaja dari segi pertanggungjawaban, tetapi juga dari segi aliran peruntukan siapa hendak cukai siapa, siapa yang turun hasil kepada siapa dan sebagainya ini, saya pernah mencadangkan sebenarnya dalam Dewan ini supaya kita adakan satu forum ataupun apa benda juga untuk kita melihat semula hubungan intergovernmental ini, hubungan di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan. Dan juga mungkin satu perkara.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya hendak gulung. Okay. Dan supaya perkara permasalahan yang saya sebut tadi dapat kita perelaskan dari segi bidang kuasa pertindihan, bidang kuasa hak memungut cukai dan hak untuk mengagihkan pendapatan serta juga hubungan dari segi kuasa dan sebagainya di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan-kerajaan tempatan. Sekian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mas.

6.45 mlm.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkit dua-tiga perkara sahaja di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu berkenaan tajuk P.14 - Kerajaan Tempatan, Butiran 00300 - Program Bersih dan Indah, dan 00400 - Perparitan Bandar Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, Program Bersih dan Indah ini adalah satu dasar dan polisi kerajaan tempatan yang begitu bermanfaat dan harus digalakkan. Saya merasa daripada pengalaman kita di Sarawak, di kawasan saya sendiri, Bukit Mas begitu menggalakkan. Program Bersih dan Indah ini kejayaan dan kegagalannya bergantung kepada terutama sekali siapa yang memimpin di peringkat majlis daerah ataupun majlis perbandaran. Tujuan saya mengutarakan berkenaan ini oleh kerana saya pernah melawat beberapa kawasan di sana ada banyak perbezaan. Misal kata, di kawasan saya, saya tidak ingin menyebut oleh kerana kawasan ini lebih baik. Tetapi terbukti Majlis Daerah Lawas di dalam kawasan saya di peringkat negeri pernah dua kali berturut-turut tahun 1995 dan 1996 di peringkat Kerajaan Pusat, pernah menjadi naib johan, dan di peringkat negeri, johan dua tahun lalu berturut-turut. Ini sangat membanggakan oleh kerana kalau ada pelancong datang dari negara jiran, mereka memuji kawasan-kawasan kita.

Tetapi yang menyedihkan, di negeri Sarawak juga oleh kerana saya diam di Miri, bukan bermakna Miri tidak baik, saya pernah berjalan di beberapa kawasan lain, Program Bersih dan Indah ini tidak begitu berfaedah untuk mereka. Saya rasa kementerian harus mengadakan selain daripada taklimat, kursus yang tertentu, khusus untuk Pengerusi Majlis Daerah dan Setiausaha supaya mereka betul-betul faham tentang apakah kebbaikannya program seperti ini. Saya juga ingin menyuarakan misal kata ada di dalam Program Bersih dan Indah ini kementerian juga mengadakan

comparison, dengan izin, dan hadiah yang diberikan tidak begitu menggalakkan. Misal kata, Majlis Daerah Lawas naib johan dalam peringkat kebangsaan, geran RM85,000 sahaja. Apa yang kita hendak laksanakan untuk RM85,000. Misal kata keperluan perparitan untuk membesarkan longkang, parit dan lain-lain itu tahun depan untuk Majlis Daerah Lawas sendiri sahaja, lebih kurang RM1.2 juta.

Saya rasa untuk kita menggalakkan supaya Program Bersih dan Indah ini dapat mencapai matlamat yang diobjektif daripada kementerian, kita harus kaji insentif, hadiah yang diberi. Saya juga difahamkan majlis daerah ataupun majlis perbandaran yang menerima hadiah johan, naib johan untuk kakitangan tidak ada galakan insentif yang lain. Harus kita mengadakan lawatan untuk mereka, lawatan sambil belajar misal kata supaya pada tahun yang akan datang mereka juga ingin bekerja untuk menjaga kebersihan.

Saya betul-betul merasa sedihlah apabila saya melawat satu kawasan, rumput dan dari segi kebersihan tidak begitu memuaskan dan saya difahamkan oleh kerana moral pekerja-pekerja di dalam majlis daerah itu tidak ditaraf yang tinggi. Untuk kita menaikkan prestasi ataupun mutu kerja, kualiti kerja, pekerja kita juga harus ambil kira apa yang kita ingin sumbang ataupun bantu kepada pekerja-pekerja di dalam majlis daerah. Oleh kerana banyak tekanan yang mereka hadapi, masalah dan cabaran.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya ingin bangkitkan perkara dalam tajuk Perumahan, Butiran 01508 - Kerajaan Negeri (Sarawak) iaitu banyak perkara yang penting kita harus bangkitkan dalam tajuk ini tetapi masa tidak mengizinkan. Secara keseluruhan, misal kata peruntukan yang diagihkan untuk Kerajaan Negeri Sarawak RM16 juta Anggaran Perbelanjaan 1997.

Tuan Pengerusi, cuba kita bayangkan dalam kawasan saya sendiri di dalam Majlis Daerah Lawas dan Limbang ada lebih 3,000 permohonan untuk rumah kos rendah, tetapi RM16 juta ini kalau kita bahagikan RM25,000 anggaran untuk rumah kos rendah, bermakna tidak sampai 100 unit ataupun 100 buah rumah yang dapat kita binakan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian ataupun menteri yang berkenaan, di sebelah Semenanjung di sini, ada satu cara di mana beberapa firma gergasi dapat menyumbang kepada satu tabung, apakah salahnya sekiranya cara begini dapat diteruskan di sebelah Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi pun daripada Sabah, memang faham tentang masalah yang saya sebutkan di sini, kalau setiap tahun kita minta duit daripada kerajaan, kerajaan tidak ada duit, carilah cara yang lain. Misal kata di Sarawak, apa salahnya kementerian mengadakan satu lawatan ke sana dan teruskan usaha secara sosial, banyak tycoon daripada Sarawak.

Saya berterima kasih oleh kerana Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri selalu mengatakan, dengan izin, 'we should not forget our social obligation to the masyarakat'. Tetapi di sebelah sana saya rasa harus banyak orang yang sudah menerima faedah dan manfaat oleh kerana kestabilan politik di negeri Sarawak, misal kata. Apakah sumbangan mereka untuk masyarakat, the social obligation? Harus kita pandangkan, misal kata kalau syarikat gergasi tidak dapat menyumbangkan kepada satu tabung, apakah salahnya kerajaan menggalakkan mereka yang memberi peluang pekerjaan kepada 10,000 orang harus digalakkan membuat perumahan untuk pekerja mereka masing-masing? Tidak salah, kalau mereka ikut, okay, tidak ikut, apa boleh buatlah. Kita hanya mencadangkan sahaja.

Masalah ini kita bangkitkan setiap tahun. Di dalam kawasan saya pun kalau kita bangkitkan selalu pun susah juga, kerajaan dan Timbalan Menteri pun dari Sarawak dan terima kasih pernah melawat-lawat kawasan saya, saya berterima kasih.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan kementerian ini juga, saya ingin sebelum daripada itu banyak masalah yang saya sebutkan mengenai perumahan kos rendah di Sarawak harus dikaji cara yang baru, reengineering process, cara baru untuk melaksanakannya. Setiap tahun kita balik ke kawasan, rakyat minta, oleh sebab itu, carilah satu cara yang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Pengerusi, satu lagi yang penting, iaitu mengenai Jabatan Perkhidmatan Bomba - 01101 iaitu Sarawak, peruntukan RM2.2 juta.

Saya berterima kasih, oleh kerana di dalam kawasan saya pernah dibina balai bomba di Lawas, sudah siap dibina, tunggu menteri untuk merasmikan dan dibina selepas Pekan Lawas mengalami kebakaran, Pekan Terusan dan Sunda di kawasan saya. Dan di Limbang dalam pembinaan, terima kasih juga.

Tetapi, yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu kejadian SRK Abang Moh sebagai wakil dari Sarawak, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada seluruh masyarakat Malaysia yang bersimpati tentang kejadian ini. Ada orang yang menyumbang secara direct mengenai kewangan.

Yang saya ingin tanya kementerian di sini, Kementerian Pendidikan memang sudah mengambil tindakan, ada tindakan mengenai perkara seperti begini supaya tidak dapat berulang sekali lagi. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, adakah cara untuk mengatasi masalah seperti ini di pihak sekolah-sekolah lain kali, misal kata ada kursus untuk guru-guru tertentu, warden-warden tertentu atau murid-murid tertentu atau adakah peraturan yang telah disediakan, akan disediakan dan bagaimana dapat dilaksanakan supaya kejadian seperti begini tidak akan berlaku lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Gelang Patah.

6.56 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.14 tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengambil perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang masih ada banyak pihak berkuasa tempatan yang masih belum mengikut arahan kerajaan tempatan sejak tahun 1984 untuk meminda Undang-undang Kecil Perlesenan Trade Perniagaan Industri dan Profesion yang diwujudkan dalam tahun 80-an, tahun 1981 dan tahun 1982 dan setelah Seksyen 102S Akta Kerajaan Tempatan dipinda, pada masa sekarang terdapat banyak pihak berkuasa tempatan masih memungut bayaran lesen-lesen yang tidak perlu dilesenkan.

Mengikut pindaan itu, cuma 155 jenis trade perniagaan dan industri boleh dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan, tetapi hingga masa sekarang terutama di negeri Johor, semua pihak berkuasa tempatan masih belum mengikut arahan itu dengan meminda undang-undang kecil itu.

Tuan Pengerusi, dari segi prinsip undang-undang, bila Akta Ibu telah dipinda, undang-undang subsidiari seperti Undang-undang Kecil Perlesenan Trade Perniagaan Industri dan Profesion mesti dipinda sejajar dengan kehendak akta ibu itu. Jika tidak, ia adalah salah dari segi undang-undang.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1995, saya telah dapat jawapan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bahawa semua pihak berkuasa tempatan mesti meminda undang-undang kecil itu. Jika tidak, segala bayaran lesen yang dipungut sejak tahun 1984 perlu dikembalikan kepada peniaga-peniaga yang mana mereka tidak perlu dilesenkan akibat pindaan Seksyen 102S itu.

Tuan Pengerusi, satu fenomena berlaku bahawa pihak berkuasa tempatan tidak menjalankan tindakan undang-undang terhadap peniaga yang menjalankan perniagaan yang luar daripada 155 jenis perniagaan yang perlu dilesenkan. Kerana pegawai-pegawai di pihak berkuasa tempatan tahu mereka tiada peruntukan undang-undang untuk tindakan undang-undang terhadap peniaga yang tidak perlu dilesenkan, tetapi jikalau pihak peniaga memohon lesen dari pihak berkuasa tempatan kerana tidak tahu bahawa perniagaan mereka tidak perlu dilesenkan, pihak berkuasa tempatan akan terus proses dan memungut bayaran lesen.

Ini boleh dikatakan satu 'mockering', dengan izin, dalam negara kita yang mengamalkan sistem perundangan demokrasi. Kerana jika satu undang-undang itu tidak boleh dikuatkuasakan, ia bukan satu undang-undang yang baik.

Oleh yang demikian, saya dapati bahawa pihak berkuasa tempatan menghadapi kekurangan pegawai yang mempunyai persefahaman yang baik dalam undang-undang dan mereka perlu diberikan lebih latihan perundangan.

Dan satu perkara yang saya ingin bawa dalam Dewan yang mulia ini iaitu baru-baru ini di Johor Bahru, pusat perkhidmatan Ahli Dewan Negeri kawasan Setulang dirobuhkan oleh pihak penguatkuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru dan mereka mengambil tindakan tergesa-gesa tidak tahu bahawa Ahli Dewan Negeri kawasan Setulang memang mempunyai lesen bangunan sementara daripada tahun 1995 hingga akhir tahun ini untuk mengadakan pusat perkhidmatan itu. Dan ini boleh dikatakan pihak pegawai-pegawai di Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan tindakan itu sudah kurang mempunyai fahaman dalam tindakan undang-undang, biasanya bila tindakan ingin diambil terhadap sesuatu bangunan, notis perlu diberikan diikuti dengan saman, jika notis tidak diikuti dan bila disaman di mahkamah perlu dapat 'demolition order', dengan izin, baru boleh mengambil tindakan meroboh.

Dan sepatutnya, pihak berkuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru perlu mendapat koordinasi dalam kerja mereka supaya sebelum tindakan

merobohkan sesuatu bangunan itu diambil, mereka mesti menyiasat lebih mendalam sebelum kerja meroboh itu dijalankan.

Tindakan itu sudah menjejaskan imej Majlis Bandaraya Johor Bahru dan imej kerajaan negeri Barisan Nasional di Johor. Oleh yang demikian, saya harap perkara yang saya bawa itu pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu mengambil tindakan tegas kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang selama ini belum lagi mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan oleh kementerian, seperti yang saya katakan tadi tentang pindaan Seksyen 102S itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang.

7.02 mlm.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama, 04000 - Operasi Kebombaan. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada anggota-anggota bomba yang seringkali berusaha memadamkan sebarang kebakaran sehingga menggadaikan nyawa, kadang-kadang peralatan tidak cukup, tetapi mereka masih mampu untuk menjalankan tugas mereka dengan baik.

Saya juga tidak pernah lagi mendengar pegawai-pegawai Bomba atau anggota-anggota bomba ini minta rasuah sepertimana yang dituduh dan dibangkitkan oleh wakil rakyat ataupun Ahli Parlimen dari Sungai Besi tadi.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, prestasi anggota bomba ini boleh kita pertingkatkan seandainya anggota-anggota bomba ini peka terhadap perkara-perkara ataupun laporan-laporan yang diterima dari orang ramai.

Saya membangkitkan perkara ini kerana malam tadi, pukul 2.00 pagi di dalam kawasan Parlimen saya berlaku satu kebakaran di Simpang Lima yang melibatkan tujuh buah kedai dan tadi saya sempat pergi melawat dan saya hanya hendak menyampaikan keluhan daripada orang kampung apabila mereka menghubungi pihak bomba di Sabak Bernam. Ada tiga perkara yang mereka timbulkan.

Yang pertama, beberapa kali di telefon telah dibuat, tetapi tidak ada jawapan. Deringannya ada, tetapi tidak ada pun mana-mana pegawai bomba

pun ataupun anggota bomba itu yang menjawab panggilan telefon tersebut. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, setahu saya anggota bomba ini ia berkhidmat 24 jam, sentiasa ada stand-by. Jadi, kalau ada stand-by, mengapakah panggilan telefon ini tidak diangkat?

Yang kedua, apabila telefon ini diangkat, pegawai-pegawai anggota bomba ini tidak percaya kebakaran berlaku. Katanya, ini panggilan palsu. Memang, saya tidak nafikan kemungkinan perkara panggilan palsu ini mungkin kerap berlaku, tetapi kalau pegawai bomba sudah berfikir setiap panggilan itu panggilan palsu, saya khuatir apabila kebakaran yang benar-benar berlaku seperti malam tadi, dianggap juga palsu, maka sudah tentu akibatnya amat buruk kerana kebakaran ini kita semua tahu, bukannya mengambil masa yang panjang, tiga, empat minit boleh meranapkan satu bangunan ataupun dua bangunan.

Tuan Pengerusi, jadi, jangka masa bomba ini sampai juga begitu lama, yang mengambil masa hampir 25 minit daripada Sabak Bernam ke Simpang Lima yang sepatutnya dalam 15 minit boleh sampai. Jadi, oleh kerana kegagalan-kegagalan ini, maka luahan orang kampung ini dia kurang berpuas hati dengan tindakan pihak bomba.

Walaupun bagaimanapun, saya telah menyatakan tadi, ini mungkin segelintir ataupun sebilangan anggota-anggota bomba yang kurang prihatin terhadap tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi, kebakaran di dalam kawasan Parlimen saya di tahun lepas pun ada berlaku, tidak pernah lagi saya lihat dapat diselamatkan dengan baik. Kecuali malam tadi, dapat diselamatkan sebuah kedai kerana di Parlimen Tanjong Karang ini di luar bandar, kawasannya luas, jadi, hanya ada satu balai bomba di Tanjong Karang dan satu lagi di Sabak Bernam yang jaraknya lebih kurang 30 batu. Jadi, sudah tentu apabila panggilan-panggilan dari luar bandar ini jauh jaraknya.

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk membina sebuah lagi balai bomba sekurang-kurangnya di Pekan Sekinchan untuk memudahkan operasi kebombaan ini seandainya berlaku kebakaran di dalam kawasan Parlimen saya di masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya ingin menyentuh Butiran 070200 - Pertandingan Landskap. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada penal

hakim daripada lanskap ini yang telah memilih Kampung Batu 23 Sungai Nibung dalam kawasan Parlimen saya sebagai johan peringkat kebangsaan Pertandingan Landskap ini. Tetapi, walau bagaimanapun, saya ingin juga menyampaikan luahan penduduk-penduduk di dalam kawasan Parlimen saya.

Yang pertama, mereka rasa terkilan kerana apabila mengambil hadiah dahulu hanya seorang sahaja dijemput dan dia pun tidak diberitahu bahawa kampung itu telah dipilih sebagai johan. Jadi, apabila perkara ini berlaku, sudah tentu JKK yang lain, yang bekerja bertungkus lumus ini rasa tidak puas hati. Mengapa seorang sahaja dijemput, sedangkan masa gotong-royong dahulu, mereka buat bersama-sama dan saya sendiri pun tak tahu yang Kampung Batu 23 ini dipilih sehinggalah saya baca di dalam surat khabar.

Yang kedua, mereka juga mendapati hadiah yang diberikan memang agaknya kurang berpatutan RM50,000 untuk keindahan kampung. Tetapi, banyak pertandingan yang diadakan seperti 'Kurnia Belia Jaya' dan pertandingan di peringkat negeri johan-johan ini diberi peluang untuk melawat ke luar negeri supaya sekurang-kurangnya mereka dapat melihat bagaimana tempat orang lain boleh indah ataupun boleh mencantikkan lagi tempat mereka ini, kerana usaha-usaha mereka ini kalau sekadar RM50,000 ini memang mereka akan teruskan untuk memperindahkan lagi kampung mereka.

Tetapi, alangkah indahnya kalau mereka ini diberi peluang untuk melawat ke luar negeri supaya mereka dapat menambah lagi pengalaman dan juga mendapat idea-idea yang baru untuk mencantikkan kampung mereka.

Jadi, sekian sahaja dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mertajam.

7.08 mlm.

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berkaitan dengan perbezaan tangga gaji bagi pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang belum lagi mendapat perhatian menteri, diharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh membuat penyelarasan tangga gaji yang sewajarnya.

Tujuan penyelarasan ini adalah supaya pengarah-pengarah dari kedua-dua majlis perbandaran ini dapat diletakkan pada tangga gaji yang sama untuk memberi pengiktirafan tanggungjawab yang sama dipikul.

Buat masa sekarang ini pengarah-pengarah MPSP biasanya diletakkan pada tangga gaji yang lebih rendah daripada pengarah-pengarah MPPP, contohnya Setiausaha Majlis, tangga gaji N1 untuk MPPP tetapi N2 bagi MPSP. Pengarah Kewangan - W1 untuk MPPP tetapi W2 pula untuk MPSP. Pengarah Kesihatan - W1 untuk MPPP dan W2 untuk MPSP. Dan begitu juga bezanya untuk pengarah-pengarah kejuruteraan, perancangan, penilaian, pentadbiran dan sebagainya.

Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjalankan penyelarasan tangga gaji ini di dalam tahun 1997.

Berkaitan dengan perkhidmatan kutipan sampah sarap yang biasanya didapati tidak memuaskan, orang ramai di Bukit Mertajam dan kawasan lain di Seberang Perai tidak boleh menerima alasan yang selalunya diberi oleh MPSP bahawa kontraktor perkhidmatan kutipan sampah sarap itu tidak dapat menjalankan tugas dengan baik kerana kekurangan kenderaan ataupun kekurangan pekerja. Mengapakah kontraktor-kontraktor ini juga yang berjaya mendapat tender sampah sarap ini?

Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengeluarkan arahan yang lebih jelas berkaitan dengan cara dan kriteria di mana tender perkhidmatan kutipan sampah sarap ditawarkan supaya penyelewengan kontrak dan mengelakkan tanggungjawab seperti ini tidak diteruskan oleh kontraktor-kontraktor. Jika ada berlaku mesti ada peruntukan kuasa untuk MPSP menarik-balik kontrak secara serta-merta dan berhentikan bayaran kepada kontraktor-kontraktor dengan cepat sahaja.

Berkaitan dengan cadangan penswastaaan kutipan sampah sarap pepejal. Saya berharap pengguna-pengguna tidak akan dibebankan dengan bayaran tambahan kepada bayaran taksiran yang mereka sekarang sedang membayarnya. Jika sehingga sekarang, bayaran taksiran (assessment) ini membiayai semua kerja yang dilakukan oleh semua majlis perbandaran tempatan, patutlah jika sebahagian kerja diagihkan kepada pihak swasta maka sebahagian dari wang kutipan ini akan diagihkan kepada pihak swasta yang berkenaan juga. Tentang peratusan wang kutipan ini yang akan diberikan kepada pihak swasta itu, memanglah ini akan dirundingkan di antara majlis perbandaran

tempatan dan pihak swasta yang berkenaan. Memang kita tidak berharap, pengguna-pengguna diberi bebanan kewangan tambahan.

Berkaitan dengan B.15 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, saya berharap anggaran belanja mengurus yang dicadangkan itu boleh digunakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa untuk mengambil perhatian terhadap sistem pengairan dan saluran semula jadi sebelum rancangan-rancangan perumahan diluluskan, untuk memastikan rancangan-rancangan ini tidak menimbulkan masalah banjir atau mengganggu pengaliran air yang semula jadi. Sebenarnya, perparitan yang tersusun mesti dirancang oleh jabatan ini sebelum sebarang projek perumahan diluluskan supaya air dari semua taman perumahan akan disalurkan melalui perparitan yang tersedia.

Berkaitan dengan B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba, banyak aduan telah diterima berkaitan ketidakfungsian pili-pili bomba yang kecacatannya hanya didapati di ketiga-tiga pili bomba itu dikehendaki apabila sahaja berlakunya kebakaran. Baru-baru ini sahaja 3 buah rumah kampung baru di Bukit Mertajam telah binasa terbakar. Malangnya, pili bomba yang berdekatan itu tidak dapat membekalkan air yang mencukupi bagi tujuan memadam api yang merebak, walau apa pun usaha yang diberi oleh anggota-anggota bomba tempatan.

Saya berharap Jabatan Bomba dengan belanjawan mengurus serta belanjawan pembangunan untuk tahun depan boleh menjaga keadaan pili-pili bomba yang sedia ada. Dan juga memasang pili-pili bomba tambahan di kawasan-kawasan dengan risiko tinggi kebakaran contohnya, di kampung-kampung baru seperti Berapit, Juru, Machang Bubur, Permatang Tinggi, kawasan-kawasan setinggian seperti Kampung Easton, Kampung Cross Street, Kampung Bukit Kecil, Kebun Sireh di kawasan Parlimen Bukit Mertajam.

Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba kerana telah bersetuju terhadap permohonan penubuhan pasukan-pasukan bomba sukarela di kawasan Parlimen Bukit Mertajam. Sebanyak 8 pasukan telah berdaftar untuk diberi latihan oleh Jabatan Bomba tempatan. Saya berharap pasukan-pasukan bomba sukarela itu dapat memberikan perkhidmatan mereka selepas tamatnya latihan kebombaannya.

Saya juga berharap peruntukan alat kebombaannya berjumlah RM40,000 untuk setiap pasukan bomba sukarela iaitu sejumlah RM320,000 akan diberikan selepas tamat latihan untuk membolehkan pasukan-

pasukan itu menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Jadi, dengan kata-kata itu, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ipoh Barat.

7.15 mlm.

**Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Izinkan saya dalam Dewan yang mulia ini terutama sekali suka saya menyentuh di bawah tajuk B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya menyeru Jabatan Perkhidmatan Pembedugan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau IWK untuk menimbang semula wang sumbangan pembedugan 'sludge contribution', dengan izin, yang dikenakan bagi rumah-rumah baru. Pada masa ini, setiap rumah baru dikehendaki membayar wang sumbangan sebanyak RM400 atau RM5,000 seekor bagi perparitan, RM350 bagi bekalan air di negeri Perak tetapi RM2,000 bagi setiap rumah teres baru dan RM1,000 bagi setiap rumah kos rendah, telah dicadangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedugan untuk 'sludge contribution'

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ini berlainan pula dengan penswastaan Tenaga Nasional di mana tiada wang sumbangan dikenakan oleh TNB kepada pengguna untuk memasang elektrik. Dengan mengenakan wang sumbangan pembedugan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedugan, harga rumah-rumah baru akan meningkat kerana pemaju-pemaju perumahan akan mengenakan bayaran tersebut kepada pembeli-pembeli rumah.

Di dalam menjawab pertanyaan saya pada 4hb. November, berhubung dengan sumbangan pembedugan (sludge contribution) yang dikenakan atau dicadangkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pemaju perumahan perlu membayar sludge contribution kepada Jabatan Perkhidmatan Pembedugan sebagai 'capital contribution', dengan izin, bagi menyediakan sistem dan rangkaian paip pembedugan serantau. Loji kumbahan najis dan sewer paip telah dibina oleh pihak pemaju tetapi pembeli rumah masih dikehendaki membayar sludge contribution.

Di bawah polisi penswastaan, IWK sepatutnya membina loji kumbahan najis 'sewerage treatment plant' dan 'sewer line regulation' dengan izin, mengapakah Jabatan Perkhidmatan Pembedugan

mengutip sludge contribution kepada rumah-rumah baru sebagai capital contribution untuk membina loji kumbahan najis dan paip kumbahan bagi IWK.

Adakah Jabatan Perkhidmatan Pembetungan cuba membantu pihak IWK? Saya mencadangkan kerajaan pasti mengkaji "sludge contribution" yang dicadangkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sipitang

7.20 ptg.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:**

Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang untuk saya bercakap di bawah tajuk Maksud B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba. Peruntukan yang diperuntukan RM207,149,500 - kita ucapkan tahniah atas peruntukan ini.

Tuan Pengerusi, kita tahu keadaan negara kita sekarang ini semakin maju. Bangunan bertambah di kawasan-kawasan perumahan, di kawasan perindustrian dengan industri yang besar-besar kita akan tubuhkan. Kemudian bangunan-bangunan komersial pula begitu banyak berkembang seperti cendawan yang tumbuh. Bentuk-bentuk bangunan pula begitu canggih yang tinggi mencakar langit seperti yang ada di Kuala Lumpur ini iaitu Menara Kuala Lumpur kemudian Menara Kembar Petronas (KLCC).

Kita faham akan reka bentuk bangunan yang telah mengambil kira bahaya-bahaya kebakaran. Mungkin telah ada persediaan-persediaan oleh pemaju dari segi teknik, bentuk teknikal atau teknologinya untuk mencegah kebakaran ini. Tetapi masalahnya, Tuan Pengerusi, adakah kita betul-betul bersedia dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan kebakaran yang akan berlaku di menara-menara pencakar langit ini? Walaupun jarang-jarang kita dengar di negara-negara maju berlaku kebakaran yang dahsyat, tetapi ini tidak bermakna kita boleh leka. Apakah persediaan dari segi latihan dan kecekapan kakitangan untuk membanteras berlakunya kebakaran-kebakaran yang dahsyat?

Yang kedua, apakah peralatan dan keupayaan kita untuk mencegah kebakaran yang berlaku di menara-menara tinggi ini boleh kita adakan atau pun telah kita sediakan? Kerugian akibat kebakaran begitu banyak, kebakaran kecil di rumah yang sering berlaku, lambat untuk kita bantu dan kebanyakan rumah-rumah ini rentung sebelum berbagai bantuan tiba.

Jadi, kalau kebakaran rumah-rumah kecil pun sukar kita padamkan atau pun sukar kita bantu,

bagaimana pula kedudukan bangunan pencakar langit yang banyak di Kuala Lumpur ini?

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020000 Latihan, peruntukan RM5.4 juta. Saya merasakan peruntukan yang amat kecil untuk menyediakan keperluan negara pada masa kini. Saya rasa peruntukan ini perlu diberi kelonggaran untuk ditambah jikalau tidak mencukupi. Ini adalah perlu untuk melatih kakitangan-kakitangan bomba supaya cekap seimbang dengan negara maju kerana kita juga menjerus ke arah negara maju.

Bagi bawah P.16, Butiran 00200 iaitu Kereta Bomba dan Kelengkapan yang diperuntukan sebanyak RM29.9 juta. Dengan peruntukan ini kita harap dapat menampung keperluan membeli peralatan mencegah dan mengawal kebakaran. Untuk keperluan-keperluan kita terutama sekali di kawasan Kuala Lumpur ini yang mungkin dapat memberi jaminan kepada pelabur-pelabur atau pun peniaga-peniaga juga pengunjung-pengunjung yang datang ke Kuala Lumpur supaya tidak timbul kebimbangan di atas bahaya-bahaya kebakaran ini.

Tuan Pengerusi, di bawah pecahan 00100 iaitu Balai Bomba dan Bangunan yang diperuntukan RM37.8 juta. Kita juga mengharapkan bahawa peruntukan ini dapat membina balai-balai bomba di setiap daerah. Di mana di negara kita sekarang ini, daerah-daerah tumbuh berkembang begitu cepat sedangkan saya perhatikan bahawa balai-balai bomba ini tidak dibina untuk menampung keperluan di daerah-daerah.

Saya memberi contoh ini di kawasan Parlimen sayalah, contohnya di Parlimen Sipitang. Saya dengan Rancangan Malaysia Ketujuh sudah ada kelulusan tetapi belum ada pun nampak apa yang akan dibuat. Sejak beberapa tahun yang lalu, terdapat empat kebakaran besar yang berlaku. Kebakaran ini adalah meliputi barisan kedai dan juga jabatan kerajaan. Di antara empat kebakaran itu, satu pun tidak ada yang diselamatkan - habis rentung ranap tinggal tiang. Jangan dikira kebakaran dalam rumah yang berlaku. Ini di sebabkan oleh keadaan masa ini bahawa bomba di Parlimen saya di pekan Sipitang, bomba cuma ada di pekan Beaufort yang jauhnya 40 kilometer Jalan gravel. Jikalau beberapa kebakaran di Sipitang, maka bomba dari Beaufort inilah yang akan dipanggil ke Sipitang.

Perjalanan dari Beaufort ke Sipitang kalau jalan biasa 1 jam lebih sedikit - 1 jam suku, 1 jam setengah. Tetapi kalau kecemasan lebih kurang 40 minit atau pun 30 minit. Tetapi dalam masa 30 minit itu boleh membakar habis rumah kayu atau

baris kedai yang berlaku. Jadi, apabila bomba sampai di kawasan kebakaran yang dipadam cumalah arang, abu di kawasan itu, tidak ada yang dapat diselamatkan.

Jadi, saya merayulah kepada kementerian bahawa keperluan bomba di pekan Sipitang itu begitu mendesak lebih-lebih lagi sekarang ini ada satu kilang yang besar, bukan saya ingin mempertahankan kilang ini tetapi keperluan kilang ini penting bagi sumber ekonomi penduduk Sipitang iaitu Sabah Florist Industry. Yang mana sekarang ini juga merancang untuk membina beberapa kilang hiliran. Jadi tidak ada jaminan bahawa ia akan selamat jikalau tidak ada bomba di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, kita juga berharap kerajaan lebih peka menyediakan kemudahan-kemudahan bomba di kawasan industri yang begitu pesat membangun misalnya di kawasan Kota Kinabalu, iaitu kawasan Kota Kinabalu Industrial Park, di mana akan dibuat kawasan perindustrian yang mungkin dalam masa yang singkat akan wujud lebih daripada 200 kilang-kilang kecil dan sederhana.

Jadi, di sini apakah kerajaan telah bersedia dari segi infrastruktur untuk bomba untuk mengawal kebakaran di kawasan ini? Lebih-lebih lagi juga di kawasan ini juga akan dibina Universiti Malaysia Sabah atau UMS di kawasan itu. Jadi, saya mohon kerajaan lebih peka tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B.14 iaitu Perancangan Bandar dan Desa, saya ingin menyentuh sedikit iaitu landskap negara, pembangunan landskap diperuntukkan RM12.1 juta. Kita setuju agar kerajaan tempatan atau pun daerah-daerah ini dicantikkan. Ini adalah untuk memperbaiki prestasi daerah supaya lebih cantik di pandang mata dan teratur. Tetapi apakah kriteria pemberian peruntukan ini kepada majlis-majlis daerah atau pun kerajaan tempatan kerana selama ini, saya lihat bahawa peruntukan ini diberi sahaja kepada majlis daerah dan tidak ada susulan untuk menilai apakah yang mereka buat.

Kita tidak mahu bahawa peruntukan yang diberikan itu dilaksanakan sebagai "melepas batu di tangga", tidak ada kesan dari segi kecantikan. Jadi kita mintalah kementerian tempatan supaya dengan izin, monitor, perkara ini sedekat-dekatnya agar wang yang datang ke daerah atau kerajaan tempatan itu digunakan sebaik-baiknya dan kalau boleh kita memberikan mengikut keperluan dan juga cadangan-cadangan mempercantikkan daerah-daerah atau pun pekan-pekan kecil ini. Banyak majlis daerah yang tidak cukup kewangan untuk menampung

perbelanjaan mencantikkan bandar-bandar kecil ini.

Jadi, kalau boleh kementerian memberi sedikit tumpuan kepada mereka yang kurang mampu.

Jadi Tuan Pengerusi, kita berharap kementerian dapat meluluskan ataupun memberikan peruntukan kepada daerah-daerah yang kurang berkemampuan dan merancang dan membincangkan apa yang mereka perlukan. Bukan cuma sekadar memberi wang, dan selepas itu lepas tangan dan tidak tahu apa yang mereka buat.

Jadi, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Mersing.

7.31 mlm.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara sahaja.

Pertamanya Maksud Bekalan B.14, Butiran 030300.

Tuan Pengerusi, biasanya apabila kita membeli rumah, kita tidak membayar dengan cash. Kita tidak mampu dan kita terpaksa pinjam sama ada dengan bank ataupun dengan kerajaan. Apabila pinjaman itu diluluskan, maka pihak yang memberikan pinjaman itu akan merujuk surat tawaran kita itu kepada peguam untuk disediakan surat perjanjian.

Pihak peguam akan menyediakan surat perjanjian bergantung kepada sama ada terdapat title atau tidak. Kalau tidak ada title, maka pihak peguam akan menyediakan satu dokumen yang dipanggil Loan Agreement cum Assignment, dengan izin. Ini tidak ada title.

Jadi, apabila dokumen ini sudah siap, maka pembeli rumah kena bayar legal fees kepada peguam. Kemudian, hinggalah sampai satu ketika apabila title itu ada, maka sekali lagi pihak peguam akan menyediakan surat perjanjian dan sekali lagi juga pihak pembeli terpaksa membayar legal fees kepada pihak peguam. Ini sudah tentulah membebaskan pembeli, khususnya kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Saya ingin mencadangkan supaya ada satu penyalaraan dibuat, terutamanya bagi tanah yang telah sedia ada title. Kalau sudah ada title, kita terus buat surat perjanjian, tidak payah menyediakan Loan Agreement cum Assignment untuk mengelakkan pembeli ini dari dibebankan dengan masalah pembayaran legal fees.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 030000 - Perumahan.

Kita memang mengucapkan terima kasih kepada pemaju yang telah menyediakan rumah, khususnya untuk mereka yang berpendapatan rendah. Tetapi satu yang saya agak musykil, ada pemaju-pemaju ini kadang-kadang dia sediakan rumah murah ini, rumahnya sudahlah tidak bermutu, di belakang rumah itu pula tidak ada pintu. Ini sudah tentulah menyukarkan pemilikinya, terutamanya apabila berlaku kebakaran. Jadi, saya haraplah bagi rumah bawah ini tolonglah sediakan pintu belakang.

Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada Maksud Bekalan B.16, Butiran 040000.

Semasa saya turut serta membahaskan Belanjawan pada tahun lepas, saya juga ada membangkitkan masalah perkhidmatan bomba. Saya juga menyokong saranan dari Ahli Yang Berhormat yang lain supaya bukan sahaja disediakan balai bomba di setengah-setengah tempat, tetapi kelengkapan-kelengkapan yang ada ini hendaklah dipertingkatkan lagi.

Saya ingin menarik perhatian, di kawasan saya di Parlimen Mersing, kami mempunyai tiga gugusan FELDA yang mempunyai 11 tanah rancangan. Salah satu ialah gugusan FELDA Tenggaroh yang jaraknya lebih kurang sejam perjalanan dari Mersing.

Jadi, saya harap pihak kementerian menyediakan satu balai bomba di kawasan ini kerana kalau berlaku kebakaran, memang tidak sempatlah hendak diselamatkan kerana jarak dari Mersing ke tempat ini begitu jauh sekali.

Selain daripada itu saya difahamkan, memang telah ada tapak-tapak balai bomba dikenalpasti dan tidak dibina balai bomba ini walaupun pihak tertentu terpaksa membayar cukai tanah. Jadi, harap dapat dipercepatkan pembinaan balai bomba ini.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kuala Nerus, kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.36 mlm.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya.

Saya ingin membawa perkara berkenaan Butiran 040000 - Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya, Kuala Nerus, sejak dari tahun 1989, ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan satu majlis daerah baru iaitu Majlis Daerah Kuala Nerus dan satu kertas kerja telah pun dikemukakan, tetapi sehingga kini tidak ada satu keputusan daripada kementerian sama ada diluluskan ataupun sebaliknya.

Saya merasakan bahawa Majlis Daerah Kuala Nerus adalah satu kawasan yang perlu kita wujudkan oleh kerana pada waktu ini dua kawasan Parlimen iaitu kawasan Parlimen Kuala Terengganu dan kawasan Parlimen Kuala Nerus dirangkumi oleh satu majlis daerah sahaja iaitu Majlis yang telah dipertingkatkan kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, satu kawasan yang luas dan satu kawasan yang besar, bersempadan dengan Setiu sehinggalah ke Marang dan Hulu Terengganu. Penduduknya begitu ramai dan segala kemudahan terletak di dalam kawasan Parlimen Kuala Nerus.

Jadi, saya pohon agar pihak kementerian dapat menyemak kembali permohonan ini dan saya lihat bahawa sejak akahir-akhir ini dengan kawasan yang begitu besar di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dengan pertumbuhan kolej universiti yang pertama di Malaysia, Universiti Pertanian telah dinaiktarafkan kepada kolej universiti dan lapangan terbang juga berada di dalam kawasan Kuala Nerus, banyak institusi pengajian tinggi, kawasan perindustrian dan kawasan perumahan terbesar di daerah Kuala Terengganu pun sekarang ini berkembang begitu cepat di dalam kawasan Parlimen saya.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga pada pilihan raya baru-baru ini di dalam ceramahnya di Dewan Undangan Negeri di kawasan saya telah pun mengatakan akan mempertimbangkan perkara ini. Jadi, saya harap dapat perhatian daripada kementerian seberapa cepat yang mungkin.

Perkara kedua ialah soal masalah perumahan yang telah ramai rakan-rakan saya memperkatakan dan menyarankan beberapa cadangan. Masalah perumahan yang terbengkalai di kawasan saya khususnya banyak rumah yang terbengkalai apabila pada tahun 1986 dan 1987, semua orang terperangkap dengan recession, maka kawasan-kawasan tersebut masih lagi tidak dapat dibangunkan.

Pada pemerhatian saya, masalah yang kita hadapi pada hari ini adalah masalah pemaju itu sendiri yang pada waktu itu telah terlekat dengan modal yang begitu besar di kawasan yang pada asalnya

begitu berdaya maju dan begitu prospektif dan tidak dapat memajukan kembali kawasan-kawasan perumahan tersebut. Masalah yang kita hadapi dan yang menjadi mangsa adalah pembeli-pembeli. Ada satu kawasan perumahan yang lebih kurang 28 orang semuanya kakitangan Universiti Pertanian yang saya lihat masalahnya hanya kecil sahaja, iaitu masalah hendak dapatkan pembiayaan semula ke atas projek perumahan tersebut yang agak rumit, dan kakitangan ini menjadi mangsa apabila gajinya dipotong, rumah tidak dapat diduduki dan terpaksa menyewa rumah yang lain.

Ada satu lagi masalah di mana tidak dapat menduduki rumah hanya kerana tidak memperolehi CFO ataupun Sijil Layak Menduduki rumah tersebut. Setengahnya ada yang telah mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan, tetapi kerana CFO itu sahaja menjadi masalah kepada mereka, sebagaimana yang dicatat di dalam agreement, iaitu handing over of the vacant possession ataupun penyerahan pemilikan kosong rumah tersebut. Ini menjadi satu masalah. Apabila pemaju sampai kepada peringkat menyerahkan rumah tersebut kepada pemilikan kosong, maka pihak bank pada waktu ini akan menahan 5% yang dipanggil retention amount ataupun wang tahanan. Setengah daripada bank tidak akan mengeluarkan wang tahanan ini kepada pemaju sebelum CFO dikemukakan ataupun Sijil Layak Menduduki rumah tersebut dikemukakan kepada bank.

Pemaju pula di dalam menghadapi masalah recession pada tahun 1986, 1987 dan seterusnya, 5% ini merasakan modal yang begitu besar yang perlu diperolehi sebelum diberi kemudahan-kemudahan seperti kemudahan bekalan elektrik, kemudahan air dan sebagainya yang merasakan perlunya diberikan CFO ini, sedangkan kalau kita lihat dari segi struktur rumah tersebut yang siap dengan kawasannya sudah pun boleh diduduki. Jadi, saya harap perkara yang kecil ini dapat kita atasi kalaulah mungkin sebelum kita berikan CFO kenapa tidak kita pinda sedikit supaya requirementnya ataupun syaratnya ada seperti pre-Q kepada CFO. Kerana pada saya CFO itu adalah hanya satu dokumen akhir yang digunakan oleh sesiapa sahaja. Jadi, perkara ini sedikit-sebanyak boleh mengatasi masalah peminjam-peminjam yang kita katakan peminjam ini sepatutnya telah dapat menikmati rumah-rumah tersebut.

Perkara terakhir adalah masalah bomba. Saya faham bahawa kerja-kerja pegawai bomba berkejar ke sana kemari sememangnya satu kerja yang

rumit, lebih-lebih lagi dengan keadaan lalu lintas jalan raya yang begitu sesak pada waktu ini, maka adalah wajar setiap kawasan Parlimen perlu disediakan satu balai bomba. Jadi, kawasan saya Parlimen Kuala Nerus masih tidak ada balai bomba. Yang ada pun bomba di dalam kawasan lapangan terbang yang kerjanya adalah untuk mengawal kebakaran di kawasan lapangan terbang sahaja. Jadi, saya mintalah cadangan penubuhan ataupun penempatan satu balai bomba di dalam kawasan saya yang saya kira kawasan yang agak besar.

Saya juga pohon supaya dipertimbangkan pegawai-pegawai bomba yang bermula daripada buruh, naik pangkat kepada pegawai kanan, penguasa dan sebagainya supaya janganlah ditukarkan ke kawasan-kawasan yang agak jauh, kerana gaji mereka tidaklah seberapa. Ini akhirnya akan membawa masalah keluarga yang kita kira kalaulah kita pertimbangkan dengan sewajarnya mana yang di Pahang itu dikekalkan di Pahang ataupun dibawa balik ke Pahang, mana yang dari Terengganu itu kita bawa balik ke Terengganu, dan insya-Allah kita bukan sahaja membantu mereka di dalam kerja-kerja mereka, tetapi juga kerja-kerja sukarela mereka, baik dia jadi setiausaha UMNO cawangan, baik dia jadi ketua cawangan, setidak-tidaknya dapat membantu kita di dalam kedudukan ataupun kekuatan politik kita pada hari ini.

Jadi, dengan itu saya pohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Timbalan Menteri diminta jawab.

7.47 mlm.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mereka terdiri daripada Yang Berhormat dari Bagan, Serdang, Tambun, Senai, Ipoh Timor, Kluang, Cheras, Balik Pulau, Bukit Mas, Gelang Patah, Tanjong Karang, Bukit Mertajam, Ipoh Barat, Sipitang, Mersing dan Kuala Nerus.

Yang Berhormat dari Bagan membangkitkan berkenaan dengan penurunan cukai pintu apabila perkhidmatan sisa pepejal diswastakan. Ingin saya maklumkan bahawa kerajaan masih dalam proses rundingan dengan konsortium yang terlibat. Cadangan daripada konsortium akan dikaji dengan teliti supaya tarif dan caj yang akan dikenakan tidak

akan membebaskan pengguna. Pada masa ini struktur tarif dan caj belum diputuskan lagi. Oleh itu, kajian berhubung cukai pintu juga tidak dapat dimulakan.

Beliau juga membangkitkan berkenaan dengan pengharaman beg plastik oleh Majlis Perbandaran Seberang Prai mulai tahun 1997. Ingin saya maklumkan, kementerian sebenarnya menggalakkan semua pihak berkuasa tempatan melaksanakan kitar semula, "recycle" dengan izin, sisa pepejal yang merangkumi bahan-bahan kertas, kaca, logam dan plastik. Kementerian akan meminta Majlis Perbandaran Seberang Prai mengkaji dengan teliti kesesuaian mengharamkan penggunaan beg plastik, memandangkan program kitar semula sisa turut dilaksanakan di beberapa kawasan. Mungkin program tersebut boleh diperluaskan dengan meliputi bahan-bahan plastik.

Yang Berhormat dari Bagan juga membangkitkan berkenaan dengan lawatan sambil belajar ke luar negeri oleh pihak berkuasa tempatan. Sememangnya kerajaan telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai lawatan ke luar negara ini. Walau bagaimanapun, kuasa mutlak untuk memutuskan sama ada lawatan itu boleh dilakukan adalah terletak kepada kerajaan negeri berkenaan. Justeru itu, sekiranya pihak kerajaan negeri berpuas hati bahawa lawatan itu berfaedah bagi pihak berkuasa tempatan berkenaan, maka barulah kerajaan negeri memberi kebenaran ataupun kelulusan terhadap lawatan tersebut.

Pihak berkuasa tempatan boleh menyediakan peruntukan di dalam anggaran belanjawan masing-masing untuk tujuan membuat lawatan, tetapi kelulusan kerajaan negeri perlulah diperolehi sebelum lawatan berkenaan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan lawatan ini, sebenarnya Tanjong Karang dan juga Bukit Mas telah membangkitkan berkenaan dengan lawatan dan kedua-dua mereka meminta pihak kementerian untuk membenarkan lawatan ke luar negeri sebagai imbuhan ataupun hadiah kepada pertandingan-pertandingan yang telah mereka menangi. Jadi, di sini sahaja berbangkit dua pihak iaitu Bagan yang tidak mahu membenarkan lawatan ke luar negara ataupun ke luar negeri tetapi Tanjong Karang dan Bukit Mas minta supaya kebenaran diberikan untuk lawatan ke luar negeri. Seandainya pihak berkuasa tempatan mempunyai lebih pendapatan daripada perbelanjaan, maka barulah kerajaan negeri akan memberikan kebenaran. Tetapi kalau di dapati bahawa perbelanjaan untuk pengawasan kawasan

mereka pun tidak mencukupi, maka sudah tentulah kebenaran untuk melawat ke luar negeri tidak akan dibenarkan.

Bagan juga membangkitkan penggunaan jenis bunga-bunga bewarna-warni dan hanya boleh tahan lebih kurang satu bulan setengah dengan kos RM1.50 sepokok. Beliau mengesyorkan supaya ditanam pokok-pokok yang lebih tahan lama.

Tuan Pengerusi, penanaman pokok di sesebuah kawasan, terutama di kawasan bandar, termasuk bulatan jalan raya merupakan satu tindakan pengindahan. Sebahagian besar kawasan telah dilandskap dengan sebaik mungkin dengan jenis-jenis tanaman landskap yang mempunyai jangka hayat yang panjang, termasuk pokok-pokok utama, akan tetapi penggunaan tanaman-tanaman tersebut hanya menimbulkan suasana kehijauan yang mempunyai pelbagai fungsi seperti peneduh, penyerap habuk dan pembekal oksigen. Penggunaan tanaman bunga-bunga yang dikhususkan di tempat-tempat tertentu mempunyai tujuan untuk mengurangkan masalah monoton dalam landskap. Dengan sebab itu ianya tidak dibuat secara menyeluruh, tetapi hanya di tempat-tempat yang difikirkan perlu.

Tuan Pengerusi, di sini juga, pihak berkuasa tempatan juga perlulah memikirkan sama ada mereka mampu atau tidak untuk menampung kos untuk menanam pokok-pokok bunga. Saya bersetuju dengan Bagan bahawa menanam pokok bunga, kosnya lebih tinggi daripada segi jangka panjang, oleh kerana pokok ini hanya tahan sebulan ataupun dua bulan sahaja. Kebanyakannya, apabila sekali berbunga, bunganya habis, maka pokok ini terpaksa diganti. Tetapi kalau misalnya kawasan-kawasan ini terletak dalam kawasan majlis perbandaran ataupun majlis daerah yang mempunyai lebih pendapatan daripada perbelanjaan, maka bolehlah mereka melaksanakan. Tetapi kementerian sendiri sememangnya menggalakkan supaya pihak-pihak berkuasa tempatan lebih menanam pohon-pohon yang tahan lama daripada pokok bunga yang hanya tahan sebulan ataupun dua bulan sahaja.

Tuan Pengerusi, Serdang membangkitkan berkenaan dengan kenaikan taraf majlis-majlis daerah - Petaling, Gombak dan Ulu Langat. Kerajaan telah pun meluluskan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk menaikkan taraf majlis-majlis daerah tersebut kepada majlis perbandaran. Pihak Kerajaan Negeri Selangor telah dimaklumkan mengenai perkara ini. Terpulanglah kepada kerajaan negeri berkenaan untuk mengisytiharkan pada tarik yang sesuai.

Mengenai cadangan Majlis Daerah Petaling ditukarkan nama kepada Majlis Perbandaran Puchong selepas dinaikkan taraf, sebenarnya ini adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk menimbangkannya. Mengikut permohonan yang dimajukan dahulu, kerajaan negeri yang berkenaan, berhasrat untuk menamakannya Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan berkenaan dengan kampung-kampung Melayu dalam kawasan pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, RM30 juta telah diperuntukkan khusus untuk kampung-kampung tradisional dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Wang tersebut akan digunakan untuk membiayai projek-projek seperti kemudahan awam, misalnya pondok menunggu bas, pasar, infrastruktur, jalan, longkang, membina tempat-tempat perniagaan seperti gerai, arked dan projek-projek pembersihan dan keindahan. Pihak berkuasa tempatan telah diminta menyenaraikan kampung-kampung yang memerlukan projek-projek sedemikian untuk diberi peruntukan tahunan dan saya cadangkan kepada Yang Berhormat Tambun juga menyenaraikan nama-nama projek ini untuk dihantar ke kementerian supaya dapat dipertimbangkan bersama-sama dengan projek-projek yang lain.

Tuan Pengerusi, Tambun juga membangkitkan berkenaan dengan tempat pelupusan sampah di Ipoh yang terletak dalam kawasan Parlimen beliau. Kerajaan sedang dalam proses untuk menswastakan pengurusan sisa-sisa pepejal dalam memodenkan lagi amalan pelupusan dengan memperkenalkan incinerator serta juga kitar semula sisa-sisa pepejal. Perkara ini telah diberikan sebagai syarat-syarat utama kepada konsortium yang berjaya menjalankan penswastaan. Tambun juga membangkitkan masalah landskap di Bandar Raya Ipoh. Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, Senai membangkitkan berkenaan dengan sistem perparitan bandar yang tidak mencukupi dan mengalami banjir kilat. Peruntukan sebanyak RM50 juta telah diagih-agihkan kepada semua pihak berkuasa tempatan pada tahun 1994 dan jumlah tersebut ditambah kepada RM100 juta pada tahun 1996 untuk kerja-kerja membaiki sistem perparitan. Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk meminta pemaju

menyediakan sistem perparitan yang sesuai, sememangnya sedang dilaksanakan. Kementerian sentiasa berusaha untuk menambahkan bantuan kewangan kepada pihak berkuasa tempatan bagi mengatasi masalah banjir kilat. Dalam pada itu Jabatan Pengairan dan Saliran juga membantu pihak berkuasa tempatan menyediakan dan melaksanakan pelan untuk saliran tersebut.

Senai juga mencadangkan supaya kerajaan menambahkan kakitangan profesional dan teknikal di pihak berkuasa tempatan. Kerajaan sememangnya sedar tentang masalah kekurangan kakitangan profesional dan teknikal di pihak berkuasa tempatan. Justeru itu, kementerian dan JPA telah menyediakan satu kertas kerja yang mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini untuk pertimbangan pihak kerajaan. Perkara ini masih lagi dalam pertimbangan pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, Ipoh Timor membangkitkan berkenaan dengan caj pembetulan. Perkara yang dibangkitkan oleh Ipoh Timor ini, pertama sekali beliau mencadangkan supaya tarif baru tidak membebankan dan beliau juga meminta supaya kalau sedutan terpaksa dibuat lebih daripada sekali dalam masa dua tahun supaya ianya tidak dikenakan caj dan beliau juga meminta supaya tarif baru ini tidak membebankan rakyat.

Tuan Pengerusi, ingin saya memaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri begitu prihatin berkenaan dengan penswastaan Indah Water Konsortium ini dan tarif baru ini sebenarnya baru sahaja diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi dan sama-samalah kita melihat dalam akhbar pagi besok. Pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini merupakan pengumuman yang menyeluruh - secara general dan pengumuman terperinci akan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pukul 10.00 pagi besok. Jadi, oleh itu, saya tidak akan menjawab apa-apa berkenaan dengan tarif baru ini oleh kerana ianya akan berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam akhbar pada pagi besok.

Dalam pada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih, khusus kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Ipoh Timor, Ipoh Barat, Senai dan Gelang Patah, kerana dalam persidangan Parlimen yang lalu mereka telah membangkitkan berbagai-bagai masalah yang perlu diambil tindakan oleh pihak kerajaan berkenaan

dengan penswastaaan pembedungan. Dan ingin saya nyatakan di sini, bahawa kerajaan telah pun menimbang semua permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali keempat-empat Ahli Yang Berhormat tadi dan saya yakin bahawa dalam pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak masalah, banyak cadangan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dipersetujui oleh kerajaan. Saya yakin walaupun ianya tidak akan dapat memenuhi kesemua tuntutan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi kebanyakan perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan telah pun dipersetujui oleh pihak IWK dan juga kerajaan.

Tuan Pengerusi, Kluang membangkitkan berkenaan dengan taraf Majlis Daerah Kluang dan kenaikan taraf Majlis Kluang Utara kepada Majlis Perbandaran. Setakat ini pihak kementerian belum lagi menerima permohonan secara rasmi untuk menaikkan taraf majlis daerah ini daripada pihak kerajaan negeri. Pihak kementerian difahamkan bahawa cadangan ini masih lagi dalam pertimbangan pihak kerajaan negeri tersebut. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat dari Kluang supaya dapat membuat susulan perkara ini dengan pihak kerajaan negeri dan di pihak kementerian, seandainya ini disokong oleh pihak kerajaan dan kerajaan negeri memerlukan supaya majlis daerah Kluang dinaikkan taraf kepada majlis perbandaran, maka pihak kementerian akan sentiasa memberikan sokongan kepada perkara yang dibangkitkan oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat dari Cheras membangkitkan berkenaan dengan tingkah laku anggota-anggota bomba yang kononnya minta wang apabila berlaku kebakaran di kawasan beliau baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, saya pun rasa begitu sedih kerana perkara yang dibangkitkan ini adalah satu perkara yang begitu serius, di mana menuduh anggota-anggota bomba kononnya minta wang - rasuh. Tetapi semasa saya hendak jawab, Ahli dari Cheras tidak ada pun dalam Dewan ini. Ini menunjukkan bagaimana tidak bertanggungjawabnya beliau. Beliau tidak berani duduk dalam Dewan sebab beliau tahu saya akan cabar beliau - beri bukti, buat report polis, kenapa hendak bangkitkan dalam Dewan ini? Hanya hendak mencemarkan nama anggota-anggota bomba. Saya kurang berpuas-hati dengan cara beliau dan saya cabar beliau untuk memberikan bukti dan saya akan membuat laporan polis kalau perlu dan beliau

sendiri pun, sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab boleh membuat laporan polis. Kenapa membuat tuduhan yang liar, yang nakal, sengaja hendak menjatuhkan maruah Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Jadi, Yang Berhormat, saya ingin supaya Yang Berhormat buat laporan polis berkenaan dengan perkara ini dan saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekurang-kurangnya ada juga Ahli Yang Berhormat yang sanggup tampil ke hadapan untuk memberi pembelaan kepada anggota-anggota bomba kita. Anggota bomba tidak ada dalam Dewan ini untuk menjawab tuduhan daripada Cheras, tetapi sekurang-kurangnya mereka ada sahabat dari Tanjong Karang yang mengatakan bahawa beliau tidak pernah dengar anggota bomba minta wang. Bagaimanapun, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang akan tetap diberikan perhatian oleh pihak bomba iaitu untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik bagi kawasan Tanjong Karang.

Cheras juga membangkitkan berkenaan dengan penggubalan management committee, dengan izin, untuk bangunan-bangunan yang bertingkat. Sebenarnya perkara ini telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Cheras kepada saya sendiri. Beliau sendiri sudah membawa orang-orang dari Cheras tetapi dia tidak berani bawa orang Cheras jumpa saya dalam bilik saya. Dia tinggalkan mereka ini di luar, dia masuk seorang dan saya pun sudah cabar dia dalam bilik saya. Kalau mereka tidak puashati dengan management committee yang ada hari ini, saya cabar mereka ini supaya tubuh koperasi - minta kebenaran dengan menteri untuk melaksanakan tugas management ini oleh koperasi mereka sendiri dan saya akan sokong kepada menteri. Tetapi masa itu beliau kata, kalau diberi kepada koperasi ataupun diberikan kepada mereka ini lagi gagal - dia pun tahu.

Tuan Pengerusi, saya ingin sebutkan di sini, sebagaimana kita sedar, kalau kita hendak jayakan projek-projek ini, maka penghuni-penghuni mesti sanggup untuk bayar kerana kalau penghuni tidak sanggup untuk bayar, siapa hendak jaga lif, siapa hendak jaga kebersihan, siapa yang hendak cuci longkang, siapa yang hendak potong rumput? Adakah semua ini boleh dibuat dengan percuma? Itulah sebab saya cabar beliau, tubuh koperasi dan koperasi boleh melaksanakan tugas ini sendiri. Dan kita juga perlu ingat setiap 4 atau 5 tahun, flat-flat

ini memerlukan untuk dicat semula. Siapa yang hendak cat semula? Tetapi beliau pun tidak ada dalam Dewan, jadi, saya pun malas hendak panjang-panjangkan lagi jawapan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan perkara yang disebut oleh Balik Pulau iaitu berkenaan dengan balai bomba di Bayan Lepas. Bayan Lepas termasuk dalam kawasan Parlimen Bayan Baru -. telah dibina sebuah balai bomba setelah berlaku satu kebakaran..... (saya minta maaf, kerana saya pun tidak faham tulisan ini).

Balik Pulau membangkitkan juga berkenaan dengan rumah lambat siap ataupun bagaimana kalau terbengkalai atau lambat disiapkan? Apakah tindakan yang boleh diambil kepada pihak yang memajukan perumahan ini?

Tuan Pengerusi, ingin saya tegaskan di sini bahawa masalah rumah lambat siap dan masalah rumah terbengkalai ini hanya timbul sebelum tahun 1989 tetapi selepas itu kementerian telah pun mengemaskini dengan mensyaratkan supaya pemaju-pemaju menghantar akaun mereka kepada pihak kementerian dan selepas itu kita tidak ada lagi mendengar masalah rumah-rumah terbengkalai. Bagaimanapun, kalau ada masalah rumah terbengkalai ataupun lambat, maka bolehlah beliau memaklumkan kepada saya di kementerian dan bolehlah kita cuba untuk mengatasi masalah ini. Ini juga.....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik Pulau bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya, masalah yang saya bangkitkan bukan sangat tentang rancangan perumahan yang terbengkalai, tetapi prinsip untuk memenuhi tuntutan perjanjian jual beli. Sekarang ini, untuk memenuhi tuntutan ke atas pembeli, pelaksanaannya adalah secara pentadbiran sahaja. Maknanya, penjual boleh menuntut segala hak yang ada pada dia daripada pembeli dengan secara pelaksanaan pentadbiran sahaja, misalnya, mengenakan faedah ke atas bayaran yang tertunggak dan sebagainya. Tetapi untuk pembeli bagi menuntut haknya daripada penjual, tidak semudah seperti itu. Jadi, oleh sebab itulah saya sarankan supaya di dalam akta pemaju itu dipinda supaya membolehkan, di atas prinsip keadilan, supaya kedua-dua belah pihak, pembeli dan pemaju mudah untuk menuntut hak masing-masing.

Sekarang ini kalau pemaju tidak setuju bahawa kelewatan itu adalah disebabkan dia yang bertanggungjawab, maka pembeli tadi terpaksa

pergi ke mahkamah untuk menuntut hak dia. Memang boleh pun, ruang itu ada, tetapi tidak semudah kalau pemaju hendak menuntut hak dia daripada pembeli - senang sahaja, dia tulis surat kata "now 75%, baru bayar 25% progress payment" - dikenakan interest atas lebihan yang tersebut. Jadi, atas dasar itu sebenarnya saya mohon supaya dikaji supaya pindaan terhadap akta yang dimaksudkan itu boleh dibuat untuk memelihara keadilan dari segi itu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana saya sebut tadi, rumah lambat disiapkan - ingin saya maklumkan bahawa berkenaan dengan rumah lambat disiapkan ini, saya pun sedang menghadapi masalah ini sendiri dan mungkin daripada pengalaman saya nanti, mungkin boleh saya maklumkan kepada Yang Berhormat cara mana untuk mengatasi masalah ini. Kerana saya sendiri pun ada membeli sebuah kondo yang dinyatakan dalam perjanjian akan siap dalam tempoh dua tahun setengah, yang sepatutnya siap pada tahun 1995 awal, tetapi sampai sekarang pun belum siap lagi. Jadi, saya sendiri pun mengalami masalah ini. Mungkin masalah ini boleh kita kongsi bersama untuk mencari jalan cara-cara untuk mengatasi.

Berkenaan perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu rumah kos rendah.....

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta sedikit penjelasan tetapi sebab terlanjur Yang Berhormat menyentuh tentang projek terbengkalai, saya tersedar di kawasan Parlimen saya ini ada satu taman iaitu Taman Mahsuri. Sejak tahun 1980, hampir 16 tahun masih lagi terbengkalai. Jadi, oleh kerana kes ini di bawa ke mahkamah. Soalnya, sekarang ini, bukan hendak soal prosedur mahkamah, saya merayulah kepada pihak kementerian untuk mencari jalan sementara hendak menunggu keputusan mahkamah ini, ada ataupun tidak cara untuk membantu pembeli-pembeli ini sekurang-kurangnya menyiapkan rumah yang sudah terbengkalai hampir 16 tahun ini. Jadi, kalau hendak tunggu keputusan mahkamah ini, saya ingat dua atau tiga tahun lagi mungkin tidak boleh lagi jalan projek ini. Jadi, apa langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jawab soalan ini sekaligus dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi,

iaitu berkenaan dengan rumah-rumah terbengkalai. Rumah-rumah terbengkalai ini ada beberapa corak dan kategori. Jadi, oleh sebab itu kerana kategorinya berlainan, di kementerian saya sendiri mengambil peranan untuk cuba mengatasi masalah rumah-rumah terbengkalai ini dan saya ingin memohon kerjasama Yang Berhormat berdua supaya perkara ini dapat dibangkitkan dengan saya di kementerian dan kita akan cuba untuk mengatasi masalah ini. Saya bersedia untuk membuat lawatan rasmi peribadi ke kawasan-kawasan ini untuk sama-sama kita cuba menyelesaikan masalah rumah terbengkalai ini. Kerana dari segi kementerian pun kita memang mencuba untuk mengatasi masalah ini dan setakat ini...

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** 271 projek terbengkalai telah pun dapat kita selamatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Hulu Langat bangun.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri terlanjur Dato' menceritakan tentang kesediaan Dato', saya hendak membangkitkan satu kes dan minta pandangan kementerianlah iaitu ada satu taman perumahan yang mana saya sendiri terlibat. Jadi, dalam keadaan ini, ada dinyatakan oleh Balik Pulau tentang hak untuk menuntut. Rumah yang saya beli ini dan juga mewakili yang lain-lain, ditandatangani pada 1991 tetapi oleh kerana terlalu ghairah, kami tidak tengok betul-betul, rupanya tidak ada tarikh siap. Jadi, bila hendak dituntut di mahkamah, dia kata, kita boleh siap bila-bila. Jadi, apa pandangan kementerian dalam hal ini. Dia tidak melindungi hak pembeli. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasa oleh kerana perkara ini juga satu perkara yang spesifik, jadi saya berharaplah perkara ini dapat kita bincang bersama dan kita cuba atasi bersama kerana memanglah kementerian memberikan keutamaan untuk menyelesaikan masalah-masalah seumpama ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan perkara yang di...

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di sini pun saya ingin mengambil peluang keemasan ini, harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyelesaikan masalah projek rumah terbengkalai di Pekan Gelang Patah iaitu Taman Gelang Emas yang telah terbengkalai sejak tahun 1987 hingga sekarang. Mesyuarat telah pun diadakan di kementerian tetapi sehingga sekarang masih belum diselesaikan. Saya harap Yang Berhormat boleh cuba selesaikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebenarnya kita ada lebih kurang 400 lebih projek-projek rumah yang terbengkalai dan setakat ini 271 telah pun dapat kita selamatkan dan ada 136 yang memang dikategorikan di kementerian sebagai projek yang tidak mungkin kita dapat selesaikan.

Jadi, itulah saya memerlukan kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita mencari jalan mengatasi masalah ini satu persatu. Kerana masalahnya memang berlainan di antara satu dengan lain.

Yang Berhormat dari Bukit Mas, membangkitkan berkenaan dengan program bersih dan indah...

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kuala Nerus bangun.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Penjelasan, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya atau tidak, masalah rumah terbengkalai ini adalah masalah yang berkait rapat dengan kuasa yang diberi kepada bank. Kebanyakannya, ada yang setengah kata 16 tahun, ada yang kata 17 tahun dan sebagainya, kebanyakan masalahnya adalah bila mendapatkan pinjaman dengan bank, masalahnya begitu lama dan bank telah mengeluarkan prinsipal kepada pinjaman tersebut dan dia telah mengenakan yang dipanggil 'unearned income' kepada kalau 15 tahun maknanya 15 tahunlah. Jadi, kita kena pinda Akta Lelongan di mana kita bagi had kepada bank hanya setakat 5 tahun. Ini bermakna tidaklah menjangkau sampai 10 atau 15 tahun.

Pada tahap 5 tahun itu, 'unearned income' yang dikenakan bank kepada pembeli saya rasa tidaklah begitu banyak, saya rasa kalau kita lelong pun harta tersebut dapat disambut oleh orang-orang tertentu ataupun pembeli sendiri dan dapat memajukan rumah tersebut.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk mengatasi masalah rumah terbengkalai, sebenarnya pihak Bank

Negara pun ada memainkan peranan dan memang ada satu dana untuk mengatasi masalah ini di mana pihak Bank Negara ada memberikan pinjaman dengan kadar yang begitu rendah sekali kepada pemaju untuk menyelesaikan masalah rumah terbengkalai.

Tetapi, pada masa projek ini dijalankan, ada juga setengah-setengah pembeli yang tidak mahu menerima cadangan-cadangan daripada pemaju dan oleh kerana itu masalah ini tidak dapat diselesaikan pada masa itu. Dan sekarang ini apabila projek rumah terbengkalai ini telah pun tidak lagi dilaksanakan oleh pihak Bank Negara, maka ada pihak-pihak yang tampil ke hadapan bersedia untuk menyelesaikan masalah. Maka, itulah sebabnya tadi saya sebut bahawa perkara-perkara ini perlu kita beri perhatian daripada satu projek ke satu projek oleh kerana ianya berlainan. Dan ada juga setengah-setengah misalnya, kita telah memberikan kewangan tambahan kepada pemaju untuk melaksanakan projek, tetapi apabila wang diterima, projek masih juga tidak dilaksanakan. Jadi, bukanlah masalah kewangan sahaja tetapi masalah tanggungjawab pemaju dan kadangkala ada juga masalah daripada pembeli, rumah belum siap, pembeli telah pun masuk dan untuk menyelesaikan rumah ini cukup susah. Kerana rumah tidak siap, CF belum dapat, pembeli sudah pun masuk dan mendiami rumah-rumah ini.

**Dato' Yap Pian Hon:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Serdang bangun.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Prosedur bagi mempercepatkan pengeluaran sijil kelayakan menduduki....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti sekejap, your microphone belum pasang lagi.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta maaf. Untuk penjelasan, berhubung dengan prosedur bagi mempercepatkan pengeluaran sijil kelayakan menduduki kepada pihak-pihak berkuasa tempatan itu, apa sebab masih belum berkesan? Walaupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah beri arahan demikian tetapi masih belum berkesan, walaupun banyak lagi rayuan disuarakan di dalam surat khabar.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi masalah rumah terbengkalai, masalah rumah lambat, ini bukanlah

satu masalah yang senang kerana cara yang terbaik ialah untuk pembeli-pembeli membawa masalah ini ke mahkamah dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bukan semua pembeli ini datang dari mereka yang kaya. Ada juga pembeli yang miskin misalnya mereka-mereka yang membeli rumah kos rendah.

Sudah tentu untuk membawa pemaju ke mahkamah satu perkara yang di luar kemampuan mereka. Itulah sebabnya saya mengatakan tadi bahawa masalah-masalah ini merupakan masalah yang berlainan dan kalau pemaju itu merupakan pemaju yang besar, pemaju yang mempunyai kemampuan, pemaju yang ada projek-projek di kawasan yang lain maka lebih senang bagi kementerian untuk menyelesaikan masalah.

Tetapi ada juga pemaju yang merupakan first timer, dia bukan sahaja 'first timer', dengan izin, 'first and last'. Dia buat gagal, dia berhenti dan tidak buat lagi. Jadi, inilah yang menimbulkan masalah kepada kementerian, tetapi kalau dia buat - gagal, dia ada projek lain mahu tidak mahu dia terpaksa menyelesaikan projek kerana beliau hendak menjaga nama beliau supaya namanya tidak rosak dan sebagainya.

Bukit Mas dan Tanjong Karang bangkitkan berkenaan dengan program bersih dan indah - berkenaan dengan pertandingan-pertandingan. Bukit Mas menyatakan bahawa hadiah-hadiah yang diberikan begitu kecil sekali dan Tanjong Karang mengatakan bahawa hanya seorang sahaja wakil pemenang dijemput untuk menerima hadiah. Jadi yang lepas ini, dah lepas tetapi untuk masa yang akan datang, kita akan cuba memperbaiki dan kita juga akan minta pihak kementerian memberikan hadiah yang lebih besar. Tetapi kalau pertandingan landskap ini, misalnya Yang Berhormat sendiri tidak dapat hadir dan wakil-wakil yang dijemput hanya seorang sahaja menerima hadiah, saya sanggup pergi ke kawasan Yang Berhormat sekali lagi untuk sekurang-kurangnya mengumumkan pemenang-pemenang dan kita bolehlah bersalam-salaman dan Yang Berhormat sendiri boleh hadir dalam majlis ini.

Berkenaan dengan pendedahan kepada pemenang, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih. Tadi Yang Berhormat sebut supaya mereka ini dapat diberikan lawatan ke luar negeri. Luar negeri ini - kerana yang datang dari kampung ya, adakah luar negeri ini dimaksudkan luar negara atau

pun.....

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya ingin cadangkan pergi ke luar negara sebab dalam negeri ini dia punya landskap ini sama sahaja. Di luar negara itu mungkin ada satu idea baru untuk mencantikkan kampung dan sebagainya.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Yang ini, Tuan Pengerusi, saya rasa kementerian sendiri tidak mempunyai kemampuan dan oleh kerana yang menang ini sebenarnya bukan kampung, yang mengusahakan ini ialah JKK kampung. Oleh kerana kampung ini berada dalam negeri Selangor, sebuah negeri yang boleh dikatakan termaju, sebuah negeri yang terkaya dalam negara kita. Saya akan cadangkan kepada kerajaan negeri untuk mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat tadi tetapi ini untuk negeri Selangor sahajalah. Yang lain pun kita akan cadangkan kepada kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, Sipitang membangkitkan berkenaan dengan kebakaran yang berlaku di bangunan-bangunan tinggi. Saya ingin sebut di sini berkenaan dengan sebuah filem yang saya tonton yang bertajuk "*The Towering Inferno*" dan dalam kebakaran yang berlaku ini sebenarnya yang penting bukan cara kita melawan kebakaran tetapi yang penting bagaimana kita hendak mengelak, mencegah kebakaran ini berlaku.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat menyatakan kita mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi di negara kita. Sebenarnya kita bukan mempunyai bangunan yang tinggi di negara kita, kita mempunyai bangunan yang tertinggi di dunia dalam negara kita iaitu Twin Towers KLCC. Dan kita juga mempunyai tower yang keempat tinggi dalam dunia iaitu KL Tower.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, yang penting Yang Berhormat sendiri mencadangkan kita meningkatkan lagi kecekapan ahli-ahli bomba kita. Kita mempertingkatkan lagi mutu peralatan yang dibekalkan kepada anggota bomba. Yang ini, Tuan Pengerusi, sebenarnya kementerian telah pun menghantar anggota bomba kita berlatih di luar negara dan kita bukan sahaja memberi latihan kepada anggota bomba ke luar negara tetapi oleh kerana kecekapan anggota bomba kita merupakan yang terbaik di rantau ini. Kita juga ada memberikan latihan dan peralatan misalnya, dua, tiga hari yang lalu Yang Berhormat Menteri berada di Kampuchea, memberikan bantuan 4 buah enjin bomba kepada Pasukan Bomba Kampuchea dan kita juga bersetuju

untuk memberikan latihan kepada anggota-anggota bomba daripada negara yang tersebut.

Yang Berhormat dari Tambun juga membangkitkan berkenaan dengan master plan untuk bandar yang perlu dirancang oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa di peringkat negeri. Ingin saya nyatakan bahawa kita memang mengadakan master plan atau pun pelan struktur untuk bandar-bandar besar dan juga bandar-bandar kecil di negara kita dan seboleh-bolehnya kita minta supaya majlis perbandaran ataupun majlis daerah mengikut pelan tatatur yang telah pun diselenggarakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Tuan Pengerusi, Bukit Mertajam membangkitkan berkenaan dengan perbezaan gred jawatan antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Saya tidak ada jawapan di hadapan saya, bagaimana pun saya akan menghantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini.

Berkenaan dengan kutipan sampah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita sedia maklum kutipan sampah ini akan di swastakan tidak lama lagi dan kita berharap apabila kutipan sampah ini di swastakan ianya tidak lagi menimbulkan masalah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan ingin saya tegaskan bahawa penswastakan sisa-sisa pepejal ini, kita akan jalankan pada 1hb. Januari 1997 untuk dua kawasan sahaja iaitu untuk Bandaraya Kuala Lumpur dan juga di Bandaraya Johor Bahru. Kita akan belajar dari pengalaman-pengalaman di dua kawasan ini sebelum ianya dilaksanakan untuk negara.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat membangkitkan berkenaan dengan sludge capital contribution. Sebenarnya ingin saya tegaskan bahawa yang dilaksanakan oleh pemaju pada masa ini adalah perkhidmatan pemetungan sementara. Ianya akan di'upgrade'kan oleh IWK suatu masa nanti dan sludge capital contribution ini akan dimasukkan ke dalam satu tabung amanah bila IWK hendak meng'upgrade'kan sistem pemetungan ini maka wang ini akan diberikan kepada IWK pada masa itu. Apa yang dilaksanakan oleh majlis perbandaran atau majlis daerah pada masa ini merupakan temporary measure sahaja. Walaupun rumah itu sedang dibina ataupun rumah itu merupakan rumah yang akan dibina tetapi apa yang dilaksanakan oleh mereka hanyalah temporary kerana apa yang kita hendak wujudkan di negara

kita ini ialah satu sistem pembedaan yang centralize secara menyeluruh dan untuk itulah maka sludge capital contribution tadi kita serahkan kepada satu tabung dan ianya akan dikeluarkan apabila IWK hendak membangunkan atau membina sistem yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat dari Mersing membangkitkan berkenaan dengan bomba juga, iaitu mutu kelengkapan bomba di Tenggaroh. Perkhidmatan bomba di Tenggaroh ini, sebagaimana yang kita laksanakan di kawasan-kawasan FELDA yang lain, sebelum perkhidmatan bomba boleh diberikan kepada kawasan tersebut maka kita menggalakkan supaya diwujudkan bomba sukarela.

Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya kita menubuhkan bomba sukarela buat sementara waktu di Tenggaroh sebelum kita wujudkan balai bomba ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Masalah bomba sukarela ini sebenarnya saya sudah cuba membantu penduduk di kawasan saya untuk mewujudkan bomba sukarela ini di kawasan Tenggaroh dengan bantuan Jabatan Bomba dan penghulu mukim tersebut, tetapi nampaknya sambutan yang diberikan oleh penduduk kawasan tersebut tidaklah begitu menggalakkan.

Saya tidak pasti kenapa. Kita sudah dua kali cuba hendak mewujudkan satu, tetapi tidak mendapat sambutan. Itulah sebabnya saya mohon kementerian kalau dapat mewujudkan satu balai bomba di kawasan tersebut.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya tidak ada perangkaan di manakah Jabatan Bomba akan membangunkan balai bomba dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Itulah sebabnya saya tidak menjawab soalan ini dengan spesifik. Jawapan yang spesifik dapat saya berikan kepada Yang Berhormat esok dan seandainya tidak ada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membina balai bomba di Tenggaroh ini, maka saya mencadangkan supaya kita wujudkan bomba sukarela ini buat sementara sebelum kita meluluskan pembinaan balai bomba di Tenggaroh.

Saya tidak sebut bahawa tidak ada rancangan untuk membina balai bomba di Tenggaroh dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya akan

memberikan jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat esok.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus membangkitkan berkenaan dengan pengwujudan Majlis Daerah Kuala Nerus. Saya merasakan bahawa ini perlu datang daripada kerajaan negeri. Seandainya ada permintaan daripada kerajaan negeri, maka kementerian akan sedia memberi pertimbangan kepada permohonan daripada kerajaan negeri.

Berkenaan dengan rumah-rumah yang terbungkalai, telah pun saya jawab tadi. Berkenaan dengan Sijil Layak Menduduki (CF) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sebagaimana yang kita sedia maklum, mereka yang memohon CF ini perlu mengisi borang "E" dahulu. Kalau borang "E" ini telah pun dipenuhi dan dibersikan, dalam masa dua minggu CF ini perlu atau mesti dikeluarkan oleh majlis-majlis daerah.

Tetapi kadangkala ada juga insiden di mana penghuni telah masuk dan duduk di dalam rumah-rumah ini sebelum CF dikeluarkan. Ini akan menimbulkan sedikit masalah. Bagaimanapun, sebagaimana saya sebutkan tadi, saya sedialah untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini dan saya sedia untuk berbincang dengan Yang Berhormat, hatta untuk pergi mengadakan lawatan ke kawasan ini bagi kita mengatasi masalah ini bersama.

Berkenaan dengan bomba, iaitu meminta supaya pegawai-pegawai bomba kalau boleh ditukarkan ke kawasan-kawasan yang sesuai dengan mereka, sebenarnya perkara ini merupakan perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan perkara ini sedang dalam pertimbangan Jabatan Bomba dan insya-Allah, kalau mengikut kata Jabatan Bomba, pegawai ini akan ditukarkan sebelum menjelang fajar 1.1.1997.

Tuan Pengerusi, saya ada banyak lagi perkara yang tidak saya sentuh. Oleh kerana kesuntukan masa, maka perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh pada petang ini akan tetap diberi perhatian oleh kementerian. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Parlimen yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian.

Untuk IWK, sebagaimana saya sebutkan tadi, pihak kementerian juga akan mengadakan satu taklimat khas berkenaan dengan caj pembedaan yang baru dipersetujui oleh Kabinet tidak lama lagi dan pada masa itu Ahli-ahli Yang Berhormat

dijemput untuk memberikan pandangan dan cara-cara bagaimana kita boleh melicinkan pentadbiran dan pengurusan penswastaaan pembetulan ini. Terima kasih

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM111,215,400 untuk Maksud B.14; RM16,046,600 untuk Maksud B.15 dan RM132,676,500 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM111,215,400 untuk Maksud B.14; RM16,046,600 untuk Maksud B.15 dan RM132,676,500 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM217,155,540 untuk Maksud P.14 dan RM74,473,000 untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM217,155,540 untuk Maksud P.14 dan RM74,473,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.17 [Jadual] -**

**Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan, 1997]**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas sekarang. Mersing.

8.36 mlm.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Disampuk]*

Promosi program Rakan Muda merupakan salah satu daripada strategi untuk membebaskan golongan belia negara daripada pengaruh yang tidak sihat yang boleh menggugat kestabilan sosial. Langkah ini adalah satu langkah yang baik, kerana dapat menarik golongan belia melakukan aktiviti yang berfaedah mengikut kecenderungan serta minat masing-masing.

Sebagaimana kita ketahui, penubuhan Jawatankuasa Kabinet untuk membanteras masalah-masalah sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah

bertujuan untuk menangani masalah ini dan peruntukan wang telah pun disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1997 untuk melaksanakan pelbagai rancangan.

Walaupun banyak program dan strategi telah dilaksanakan dalam usaha mengubat dan mencegah penyakit-penyakit sosial seperti kes penderaan kanak-kanak, penagihan dadah, AIDS dan sebagainya, masih terdapat banyak masalah yang perlu diatasi.

Tuan Pengerusi, kita mungkin tidak sedar bahawa 60% penduduk negara kita adalah terdiri daripada golongan muda dan belia. Program Rakan Muda yang telah diwujudkan lebih 2 tahun lalu merupakan contoh yang terbaik bagi menangani permasalahan sosial belia yang melanda negara. Namun, setelah lebih 2 tahun dilaksanakan, program Rakan Muda belum lagi mencapai matlamat seperti yang diharapkan. Penyakit-penyakit sosial seperti yang telah saya sebutkan tadi nampaknya terus meningkat.

Kita mengakui bahawa program Rakan Muda memperlihatkan satu usaha yang nampaknya seolah-olah tidak ada cacat celanya. Namun demikian, tidaklah seindah kenyataan. Masyarakat umum berpendapat program ini belum menampakkan kesannya yang jelas. Selepas tamat aktiviti Rakan Muda, segala semangat dan motivasi yang diperolehi ketika menyertai Rakan Muda turut lenyap secara beransur-ansur.

Ini mungkin kerana masyarakat dan institusi keluarga tidak membantu mereka secara berterusan dalam melaksanakan segala yang mereka perolehi semasa menyertai aktiviti Rakan Muda. Justeru itu, saya mencadangkan supaya pendekatan yang lebih menyeluruh dari aspek penyampaian maklumat tentang peri pentingnya program Rakan Muda, khususnya kepada ibu bapa agar mereka turut menjadi pendorong kepada kejayaan program Rakan Muda ini.

Di samping itu, saya ingin menyarankan di sini agar program untuk membanteras gejala sosial masyarakat, termasuk program Rakan Muda yang sedia ada hari ini wajar dikaji semula dengan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dan mencari langkah-langkah baru yang paling praktikal bagi menyelamatkan generasi insan demi kepentingan negara.

Negara harus mengisytiharkan perang habis-habisan menentang gejala sosial ini. Semua sektor yang terdapat dalam negara wajar diberikan tanggungjawab bagi mendapatkan kerjasama mereka untuk sama-sama menyumbang ke arah mewujudkan kestabilan sosial.

Program-program khidmat sosial belia lepasan sekolah perlu dipertingkatkan untuk membawa mereka ke arah kesejahteraan. Oleh itu, saya amat menyokong dan bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Parit Sulong yang mencadangkan agar peruntukan pembangunan untuk golongan belia yang disediakan dalam Belanjawan ini sebanyak RM60.2 juta semasa membahaskan Belanjawan 1997 di peringkat dasar ditambah, kerana belia-belia ini adalah pewaris negara masa hadapan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi,.....

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kuala Nerus bangun.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** .....itu sahaja. Sekian, terima kasih. [Ketawa]

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [Bangun]

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelebu. Yang Berhormat dari Tanjong Karang, ada peluang lagi.

**8.41 mlm.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh sedikit-sebanyak tentang program di bawah B.17, Kementerian Belia dan Sukan. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan berterima kasih kerana memberikan kepercayaan kepada kementerian ini, seterusnya memberikan peruntukan sebanyak lebih kurang RM354 juta untuk membiayai program-program yang telah diaturkan oleh kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai dengan Pembangunan Belia dan Sukan di bawah Butiran 020000 dan ingin melihat sedikit-sebanyak pembangunan yang lebih memberangsangkan di kalangan belia-belia yang banyak bertaburan di kawasan-kawasan pedalaman di seluruh negara kita. Melalui pembangunan belia dan sukan yang telah dirancang oleh kementerian ini, kita berharap golongan belia akan lebih mendekati program-program ini dan seterusnya akan dapat menjayakan program-program yang telah diaturkan melalui persatuan-persatuan mereka.

Satu perkara yang harus saya sarankan ialah memohon supaya golongan belia ini diberikan tempat di dalam apa juga pertubuhan-pertubuhan yang wujud di peringkat negeri, daerah ataupun kampung. Saya ingin menyarankan kalau perkara ini belum dibuat supaya kementerian mencadangkan sekurang-kurangnya kepada kerajaan negeri yang

ada, di mana wakil Persatuan dan ahli belia hendaklah diberikan peluang untuk duduk sebagai salah seorang daripada jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung di sesebuah kampung itu kerana peranan belia kita harus dihargai dan diutamakan. Malah di sesuatu kampung itu kalau tidak adanya golongan belia yang memainkan peranan, saya tidak yakin bahawa golongan ataupun jentera pengurusan di peringkat JKKK akan dapat menjalankan tugas-tugas ke arah pembentukan budaya murni dan juga pembangunan di sesebuah kampung itu. Apatah lagi kampung-kampung yang telah tersenarai ke arah pewujudan kampung gerakan desa wawasan, yang mana peranan belia amat ketara untuk memainkan peranan yang penting bersama barisan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung itu.

Pada hari ini, di setengah-setengah kampung memang belia telah duduk di dalam Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Khairat Kematian, Jawatankuasa Tadika dan sebagainya. Maka saya menyarankan supaya kementerian mengambil langkah kerana setakat hari ini belum ada satu dasar dibuat untuk mencadangkan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya wakil belia ini ditempatkan selaku wakil tetap di dalam Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai dengan Rakan Muda. Kita percaya bahawa dalam usia dua tahun ini, walaupun dalam usia yang begitu muda, peruntukan yang telah banyak dibelanjakan, kementerian sedang dan terus memberikan sokongan kepada golongan-golongan belia bagi memajukan diri dalam persatuan mereka dengan memberikan peruntukan yang begitu banyak kepada program Rakan Muda. Namun, apa yang kita dapati setengah-setengah persatuan belia masih tidak berkesempatan untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan di pejabat-pejabat Belia Negeri dan juga Daerah walaupun berkali-kali memohon dan sebagainya. Jadi,.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hari sudah suntuk.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, saya akan sambung esok dengan izin.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.*